

# PERHATIN

DEKAD DAN  
SELAMANYA



**PERKESO**

Jubli Emas PERKESO  
(1971-2021)

# PERKESATIN

DEKAD DAN SELAMANYA



**PERKESO**

Jubli Emas PERKESO  
(1971-2021)



Tahun  
1971 - 2021

**PERKESO**



Kakitangan PERKESO dalam proses mengedarkan borang caruman. (Berita Harian, Jun 1970)

# PERKESO – 50 TAHUN PILIHAN UTAMA PERLINDUNGAN PEKERJA

---

Selama 50 tahun, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan berdedikasi dalam melindungi pekerja. Kini pada tahun 2021, PERKESO berbangga dengan usahanya dalam sambutan Jubli Emas 50 tahun penubuhannya yang telah menempa pencapaian yang gilang-gemilang.

PERKESO secara rasmi mula wujud selepas Parlimen meluluskan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan ditubuhkan pada 1 Januari 1971. Ia merupakan cetusan idea Allahyarham Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang kedua, di atas keinginannya untuk menerajui perlindungan keselamatan sosial untuk semua pekerja.

Pada tahun 1985, status PERKESO berubah dari sebuah jabatan di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Kerja, menjadi sebuah badan berkanun. Perubahan status ini menandakan era baharu untuk PERKESO. Ini membolehkan semua polisi diperbaharui, ditakrifkan secara lebih berdikari, di samping meningkatkan keselamatan sosialnya kepada Orang Berinsurans.

Selama 50 tahun, PERKESO telah berusaha keras untuk memastikan pelbagai Akta, program dan faedah dapat dilaksanakan. Usaha ini menjamin pekerja dan tanggungan mereka mendapat perlindungan dan sokongan keselamatan sosial yang boleh dipercayai.

PERKESO diakui sebagai organisasi bertaraf lima bintang. Pelbagai anugerah telah diraih di peringkat nasional dan antarabangsa. PERKESO secara konsistennya menyediakan pelbagai skim dan perkhidmatan inovatif bertaraf dunia untuk negara kita.

Antara skim yang disediakan oleh PERKESO ialah Skim Keilatan. Melalui skim ini, pekerja kurang upaya dan tanggungan mereka dapat menikmati pencen seumur hidup. Manakala, Skim Bencana Pekerjaan melindungi pekerja dari sebarang jenis kecederaan dalam perjalanan pergi dan balik bekerja.

Skim ini memastikan pekerja dilindungi sekiranya berlaku kemalangan atau penyakit yang timbul semasa tempoh pekerjaannya.

Hari ini, semua pencazum PERKESO menikmati perlindungan keselamatan sosial sepenuhnya. Melalui Sistem Insurans Pekerjaan, pekerja diberi pampasan dari segi kewangan apabila mereka kehilangan pekerjaan.

Malah, Program *Return To Work* (RTW) PERKESO tidak akan berjaya tanpa sokongan penuh daripada majikan yang bersedia untuk mengambil pekerja kurang upaya. PERKESO ingin memberikan penghargaan kepada majikan yang prihatin dan mempunyai keberanian untuk menempatkan pekerja khas ini di dalam organisasi mereka.

PERKESO merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan, Ahli Lembaga, kakitangan PERKESO, majikan, pekerja dan golongan yang bekerja sendiri atas sokongan dan kerjasama mereka sejak dari awal penubuhan PERKESO sehingga kini. Sokongan berterusan ini membolehkan PERKESO untuk terus memberikan perlindungan keselamatan sosial dan kesejahteraan tenaga kerja di negara ini. Ini sangat penting bagi pertumbuhan ekonomi, kestabilan dan pembangunan negara.

Setelah 50 tahun berlalu, PERKESO dengan bangganya mempunyai 54 pejabat termasuk ibu pejabat bagi memberikan perkhidmatan kepada pihak berkepentingan di seluruh negara. Walaupun PERKESO menginsuranskan kira-kira lapan juta pencazum, pada hakikatnya organisasi ini melindungi hampir 30 juta tanggungan pencazum!

PERKESO yakin dan komited untuk mengekalkan kedudukannya yang tersohor sebagai organisasi keselamatan sosial. Sehubungan dengan itu, PERKESO akan terus merangka langkah yang prihatin dan nilai insan kepada pencazum bagi memastikan sistem keselamatan sosial yang baik pada masa hadapan. Ini termasuklah menawarkan lebih banyak skim dan inisiatif baharu bagi memenuhi keperluan yang semakin meningkat.

# Editorial

## Penasihat

Datin Azlaily Abd Rahman

## Pengarang

PERKESO

World Communications  
Network Resources (M) Sdn Bhd

## Penulis

Anneliza Zainal  
World Communications  
Network Resources (M) Sdn Bhd

## Penyunting

Profesor Dr. Azizah Hamzah  
Dr Rosnawati Hussin  
World Communications  
Network Resources (M) Sdn Bhd

## Urusetia

Mohd Shahr Ismail  
Zulkifli Mohamad  
Marymalar a/p Krishta@David  
Siti Rahimah Roslant

## Penyelidik

Rozita Hj Maidin  
Liyannahazwani Mat Radzuan  
Rathiga a/p Arumugam  
Karen Ong Sheau Xin  
Iman Qhadijah

## Reka Bentuk Kreatif

Shahrul Izhar  
World Communications  
Network Resources (M) Sdn Bhd

## Cetakan Pertama 2021

©2021 Pertubuhan Keselamatan Sosial  
ISBN 978-967-26403-1-8

## Hak Cipta Terpelihara

Tidak ada bahagian dari penerbitan ini yang boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pencarian atau dihantar, dalam bentuk atau cara apa pun, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa izin bertulis terlebih dahulu dari Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

## Penerbit

Pertubuhan Keselamatan Sosial  
Menara PERKESO, 281, Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur  
1-300-22-8000 • 03 - 42567798  
www.perkeso.gov.my

## Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Pertubuhan Keselamatan Sosial  
Menara PERKESO, 281, Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur  
1-300-22-8000 • 03 - 42567798  
www.perkeso.gov.my

ISBN 978-967-26403-1-8



9 789672 640318



## Socso to hold online forum for jobseekers

**PERKESO** is holding an online forum for jobseekers on 6 & 7 September 2021. The forum is organized for the benefit of jobseekers. It is the first of its kind after Malaysia was selected as a member of the World Employment Forum (WEF) in 2019. The forum is organized by the World Employment Forum (WEF) in 2019. The forum is organized by the World Employment Forum (WEF) in 2019. The forum is organized by the World Employment Forum (WEF) in 2019.

The forum is organized for the benefit of jobseekers. It is the first of its kind after Malaysia was selected as a member of the World Employment Forum (WEF) in 2019. The forum is organized by the World Employment Forum (WEF) in 2019. The forum is organized by the World Employment Forum (WEF) in 2019.



## FUNGSI DAN PERANAN

Konsep Perlindungan Keselamatan Sosial PERKESO adalah berteraskan konsep tanggungjawab bersama menerusi sumber terkumpul, perkongsian risiko dan penggantian pendapatan (*pooling of resources, sharing of risk and replacement of income*). Perlindungan keselamatan sosial adalah asas yang perlu dipenuhi sebagaimana yang dipersetujui di bawah Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) 1952 iaitu Konvensyen 102; *Minimum Standard for Social Security*. Dalam memenuhi matlamat tersebut, fungsi utama PERKESO adalah untuk memberi perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dan tanggungannya menerusi skim-skim perlindungan yang diperkenalkan.

# K A N D U N G A N

**PENDAHULUAN: PERKESO - PERLINDUNGAN  
SERTA KEPRIHATINAN SEPANJANG 5 DEKAD  
PERUTUSAN DAN KATA PENGANTAR OLEH:  
PERDANA MENTERI  
MENTERI SUMBER MANUSIA  
PENGURUSI PERKESO  
KETUA EKSEKUTIF PERKESO**

8

76

Bab 2

PERJALANAN  
LEGISLATIF KAMI



26

Bab 1

DETIK PERMULAAN KAMI

---

**180** Bab 4  
PENCAPAIAN  
PERISTIWA-PERISTIWA PENTING

---



**100** Bab 3  
TRANSFORMASI  
PERKHIDMATAN UNTUK  
PENINGKATAN PRODUKTIVITI

---

**208** Bab 5  
MELANGKAH KE  
HADAPAN DENGAN  
PROAKTIF


# PERKESO – PERLINDUNGAN SERTA KEPRIHATINAN SEPANJANG LIMA DEKAD


---

PERKESO ditubuhkan berdasarkan kelulusan Akta Parlimen. Pada awalnya, ia diletakkan sebagai salah satu jabatan di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Kerja. Ia telah berkembang pesat dari aspek organisasi, bidang kuasa kerja dan juga kepentingan selaku sebuah badan berkanun yang merupakan sebahagian daripada tanggungjawab Kementerian Buruh dan Tenaga Kerja yang kemudiannya dikenali sebagai Kementerian Sumber Manusia.

PERKESO menawarkan perlindungan keselamatan sosial kepada jutaan pekerja, meliputi mereka yang masih bekerja, diberhentikan kerja mahupun yang bekerja sendiri. Sepanjang 50 tahun ditubuhkan, PERKESO berwawasan untuk sentiasa berada selangkah ke hadapan - demi faedah para pekerja tempatan dan asing di Malaysia termasuk majikan-majikan mereka.

Buku ini adalah sebuah dokumentasi permulaan perjalanan PERKESO yang begitu bersejarah sehingga ke mercu pengiktirafan sebagai salah sebuah organisasi keselamatan sosial yang unggul di ASEAN, malahan di peringkat dunia.





*Penubuhan PERKESO merupakan  
cetusan buah fikiran Allahyarham  
Tun Abdul Razak bin Dato'  
Hussein, Perdana Menteri  
Malaysia yang kedua.*

## P E R U T U S A N

## WARITA KECEMERLANGAN PERKESO

*Lakaran PERKESO amat bersejarah,  
Perlindungan keselamatan sosial tersemat indah.  
Prihatin pekerja menjadi amanah,  
Lima dekad berbudi sudah.*

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya jua, dapat saya mencoretkan sepatah dua kata di dalam buku istimewa ini yang sarat dengan catatan sejarah dan diterbitkan bersempena dengan Sambutan Jubli Emas PERKESO.

Sejak penubuhannya lima dekad lalu, PERKESO sememangnya telah menabur begitu banyak jasa dan bakti kepada negara dan rakyat, khususnya golongan pekerja dan majikan yang menjadi tonggak kepada kekukuhan dan pertumbuhan ekonomi negara buat sekian lama.

Saya sesungguhnya amat berbangga dengan pelbagai kemajuan dan kejayaan yang telah PERKESO capai selama ini. Pandemik COVID-19 yang berlaku bermula awal tahun 2020 benar-benar memperlihatkan peranan, keupayaan dan kewibawaan pertubuhan ini dalam membantu para pekerja dan majikan di Malaysia mendepani impak ekonomi yang turut dibawa oleh krisis global ini. Namun, segala kejayaan dan kecemerlangan yang telah dicatat mesti diteruskan, malah dilipatgandakan lagi.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, PERKESO perlu siaga dan mengorak langkah gagah dalam memperluas dan memberikan perlindungan keselamatan sosial yang terbaik buat semua rakyat Malaysia. Ia perlu terus berinovatif dengan memperkenalkan dan melaksanakan lebih banyak produk, program dan inisiatif yang membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia mendapat perlindungan keselamatan sosial, sekaligus memperkukuh liputan jaringan keselamatan sosial di Malaysia seiring dengan negara-negara maju di dunia.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Sumber Manusia dan seluruh warga PERKESO atas komitmen dan kerja keras mereka selama ini dalam menjadikan organisasi ini sebuah entiti yang relevan, disegani dan dihormati.

Semoga PERKESO akan terus ampuh dalam menabur jasa dan budi, melindungi Keluarga Malaysia untuk 50 tahun seterusnya dan berabad lagi.

**Selamat Menyambut Jubli Emas PERKESO.**



**Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob**  
Perdana Menteri Malaysia



**Datuk Seri M. Saravanan**  
Menteri Sumber Manusia

## PRIHATIN DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT

*Memandu kereta ke Putrajaya,  
Singgah KSM untuk bertanya,  
Prihatin PERKESO banyak berjasa,  
Rakyat dilindung hidup sejahtera.*

Salam Sejahtera,

Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada PERKESO di atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk mencoret seuntai kata dalam penerbitan *Coffee Table Book* yang cukup istimewa dan bermakna ini sempena Sambutan Jubli Emas PERKESO.

Tiada siapa dapat menidakkan akan hakikat bahawa PERKESO telah menyelusuri satu tempoh masa yang cukup panjang dalam menggalas tanggungjawab yang diberikan. Sebagai antara agensi utama di bawah Kementerian Sumber Manusia, PERKESO sentiasa menerajui aspek keselamatan tenaga buruh negara dan komited untuk memberikan yang terbaik melalui pelbagai perkhidmatan yang disediakan.

Wawasan dan konsep ‘Prihatin’ yang dijadikan teras dan tunjang segala gerak kerja yang digagaskan juga membolehkan PERKESO diberi mandat sebagai

figura penting di belakang Kerajaan bagi membantu majikan dan pekerja yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Skim, program dan inisiatif yang disediakan sesungguhnya membuktikan betapa pentingnya kewujudan PERKESO kepada negara. Dengan genapnya penubuhannya selama lima dekad ini, saya yakin bahawa PERKESO dan setiap anggotanya akan sentiasa memberikan yang terbaik demi memastikan perlindungan keselamatan sosial yang komprehensif akan dapat dinikmati oleh seluruh Keluarga Malaysia khususnya golongan pekerja.

Akhir kata, teruslah melangkah gagah melakar lebih banyak kejayaan demi kejayaan demi Malaysia dan seluruh rakyatnya.

**Selamat Menyambut Jubli Emas PERKESO!**

## P E R U T U S A N

## JEJAK LANGKAH PERKESO KE DEKAD SETERUSNYA

Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera.

Saya ingin terlebih dahulu merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada PERKESO atas sambutan Jubli Emas penubuhannya. Tahniah juga saya ucapkan atas usaha dan inisiatif pragmatik menerbitkan buku ini bagi merakam dan berkongsi sejarah sepanjang 50 tahun kewujudannya.

PERKESO telah lima dekad menelusuri perjalanan dalam memberikan perlindungan kepada para pekerja dan majikan di Malaysia. Demi merealisasikan sistem jaringan keselamatan sosial yang inklusif, komprehensif dan dinamik, ia sentiasa berusaha untuk menambahbaik dan memperkasakan mutu penyampaian perkhidmatannya dengan menekankan konsep ‘Prihatin’ dan usaha gigih tersebut ternyata telah membuahkan hasil yang memberangsangkan.

Pandemik COVID-19 yang melanda telah benar-benar menguji tahap kesiapsiagaan PERKESO dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi melindungi Malaysia. Alhamdulillah, ujian tersebut telah berjaya didepani dengan baik dan berkesan, membuka mata banyak pihak akan besarnya tanggungjawab dan peranan yang digalas oleh pertubuhan ini dan pentingnya perlindungan keselamatan sosial untuk setiap dari kita.

Namun, cabaran yang lebih besar menanti PERKESO untuk menempuh hari-hari mendatang – untuk 50 tahun selepas ini dan seterusnya. Struktur dan sistem pekerjaan yang banyak berubah, ekonomi dunia yang terbuka dan

kompetitif yang pastinya memberikan impak yang amat besar kepada ekonomi Malaysia serta pelbagai cabaran lain, menuntut agar ia lebih versatil, dinamik dan berinovasi agar bukan sahaja dapat kekal relevan tetapi lebih dari itu, dapat memberikan perlindungan keselamatan sosial yang bermakna kepada rakyat Malaysia.

Saya percaya PERKESO memiliki apa yang diperlukan untuk terus melangkah gagah ke hadapan. Strategi yang dinamik, perancangan yang jelas, budaya yang tepat, kepimpinan yang berwawasan serta warga kerja yang komited dan arif akan peranan dan juga tanggungjawab mereka merupakan antara senjata dan tonggak kekuatan utama pertubuhan ini untuk mendepani apa jua tuntutan dan cabaran yang mendatang. Adalah menjadi harapan saya agar kekuatan ini akan sentiasa dijalinkan dengan baik dan harmoni agar sinergi yang mantap dan optimum akan terhasil.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada barisan Pengurusan serta semua warga PERKESO yang telah memberikan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka sehingga berjaya membawa institusi ini ke tahap ia berada hari ini. Bulatkan tekad dan lipat gandakan usaha agar yang terbaik akan dapat sentiasa dihasil dan dicurahkan untuk Keluarga Malaysia.

**Selamat Menyambut Jubli Emas, PERKESO.**



**Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah**  
Pengerusi Lembaga PERKESO



**Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed**  
Ketua Eksekutif PERKESO

## INISIATIF PERKESO MEMENTINGKAN KESEJAHTERAAN HIDUP PEKERJA

Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera.

Tiada kata yang dapat diungkap melainkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya jua, PERKESO telah berjaya melangkau ke usia 50 tahun penubuhannya pada tahun ini.

Usia lima dekad ini tidak datang dengan mudah - pelbagai ranjau dan onak duri telah ditempuh sepanjang tempoh yang panjang ini. Namun Alhamdulillah, tiada gunung yang terlalu tinggi untuk didaki dan tiada lautan yang terlalu dalam untuk direnangi. Bersama, segala cabaran telah berjaya kita depani dan setiap satunya hanya mematangkan dan menguatkan kita. Dalam tempoh ini juga, begitu banyak kejayaan dan pencapaian yang kita tempa, baik di dalam mahupun di luar negara.

Namun, saya percaya bahawa ujian yang paling besar sepanjang 50 tahun kewujudan kita adalah apabila pandemik COVID-19 melanda dunia dan negara kita. Mandat yang diamanahkan semasa pandemik ini sememangnya begitu besar yang menyebabkan kita goyah pada awalnya. Namun, setiap apa yang berlaku mengajar kita untuk menjadi lebih bijak dan perkasa. Berkat semangat, keazaman dan kesungguhan semua, mandat dan amanah yang begitu besar itu telah kita galas dengan jayanya.

PERKESO sesungguhnya merupakan antara agensi Kerajaan utama dengan mandat yang begitu besar untuk melindungi golongan pekerja dan majikan di negara ini dengan jaringan perlindungan sosial. Dari permulaan yang begitu asas, jaringan perlindungan sosial yang kita tawarkan kini telah berkembang dengan pesat seiring dengan perubahan landskap pasaran buruh tempatan. Secara peribadinya, saya berasa amat berbangga kerana

PERKESO kini telah diberikan kepercayaan untuk memayungi lebih 8.7 juta pekerja, melibatkan 487,000 majikan di seluruh negara.

Hari ini, dapat kita lihat sendiri bagaimana besarnya kepercayaan yang diberikan oleh Kerajaan kepada kita. Dengan peruntukan mencecah RM23 bilion, kita telah diberi mandat untuk menguruskan lebih daripada 10 inisiatif berkaitan perlindungan sosial dan perkhidmatan pekerjaan khusus untuk membantu rakyat yang terkesan akibat COVID-19. Sejak awal tahun 2020 lagi, pelbagai program telah dilaksanakan antaranya Program Pengkalan Pekerjaan, Program Subsidi Upah, PenjanaKerjaya, Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara MYFutureJobs, Program SPS Lindung, SIP Prihatin, Program Saringan PERKESO dan sebagainya. Tidak terhenti di situ, amanat ini akan kita galas dan teruskan dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif baharu dan yang telah ditambah baik menerusi Bajet 2022, tidak lama lagi.

Pengalaman berharga melaksanakan inisiatif ini juga mengajar kita betapa masih wujudnya jurang dalam jaringan perlindungan sosial yang kita sediakan. Jurang ini perlu dilihat dengan serius dan ditangani segera. Dengan wujudnya perancangan dan usaha transformasi seperti penubuhan Skuad PERKESO Prihatin dan Program Sosial Sinergi, kita percaya inisiatif ini bakal menjadi wahana untuk kita memperkasakan kualiti penyampaian dan perkhidmatan perlindungan keselamatan sosial kepada generasi akan datang. Mengorak langkah ke hadapan, kita berhasrat untuk memastikan setiap rakyat Malaysia, walau apa jua pekerjaan dan latar belakang mereka akan diberikan perlindungan sosial sewajarnya. Ini meliputi setiap peringkat kitaran hidup atau *'From Womb To Tomb'*.

Namun realitinya, PERKESO yang berdiri utuh hari ini adalah hasil dedikasi, komitmen, inovasi dan pengorbanan setiap satu anggotanya, juga semua pemegang taruh yang ada. Justeru saya percaya, dengan belajar daripada pengalaman yang telah ditimba, ditambah pula dengan kerja keras dan usaha gigih yang berganda, serta membina daripada asas yang ada pada hari ini, kita pasti dapat melakukan lonjakan yang lebih besar dan melangkah lebih jauh lagi. Ini perlu menjadi tekad dan iltizam kita agar PERKESO terus relevan sebagai penyedia perlindungan keselamatan sosial utama buat Keluarga Malaysia.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat di dalam mendokumentasikan detik-detik bersejarah PERKESO serta menjayakan penerbitan buku ini. Semoga buku ini akan menjadi rujukan kepada semua dalam mengenali sejarah perjuangan dan pembangunan PERKESO dari awal kewujudannya.

**Selamat Menyambut Jubli Emas, PERKESO.**





K E P I M P I N A N

PERDANA MENTERI MALAYSIA

1957 - Kini

20



**Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj**  
1957 - 1970

**Tun Abdul Razak Hussein**  
1970 - 1976

**Tun Hussein Onn**  
1976 - 1981

**Tun Dr. Mahathir Mohammad**  
1981 - 2003 / 2018 - 2020



**Tun Abdullah Ahmad Badawi**  
2003 - 2009

**Dato' Sri Mohd Najib  
Tun Abdul Razak**  
2009 - 2018

**Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin  
Md Yasin**  
2020 - 2021

**Dato' Sri Ismail Sabri  
Yaakob**  
2021 - Kini

K E P I M P I N A N

MENTERI-MENTERI SUMBER MANUSIA

1971 - Kini



**Tan Sri Dato' V. Manickavasagam**  
1971 - 1976



**Tan Sri Lee San Choon**  
1976 - 1980



**Datuk Mak Hon Kam**  
1984 - 1987



**Datuk Richard  
Ho Ung Hun**  
1980 - 1984



**Tan Sri Lee Kim Sai**  
1987 - 1990



**Tan Sri Lim Ah Lek**  
1990 - 2001



**Tan Sri Dr. Fong  
Chan Onn**  
2001 - 2008



**Datuk Seri  
Dr. S. Subramaniam**  
2008 - 2013



**Datuk Seri M. Saravanan**  
2020 - Kini



**Dato' Sri Richard Riot  
Anak Jaem**  
2013 - 2018



**M. Kula Segaran**  
2018 - 2020

K E P I M P I N A N

PENGERUSI-PENGERUSI LEMBAGA PERKESO

1971 - Kini



**Dato' Abdul Kadir Talib**  
1971 - 1982



**Dato' Abdul Latiff Sahan**  
1982 - 1987



**Dato' Nik Mohd. Amin Nik  
Abu Bakar**  
1987 - 1992



**Dato' Anthony Yeo Keat Seong**  
1992 - 1997



**Dato' Kong How Kooi**  
1997 - 2001



**Datuk Ir. Hong Lee Pee**  
2001 - 2009



**Datuk Abu Huraira  
Abu Yazid**  
2009 - 2017



**Tan Sri Dr Aseh Che Mat**  
2017 - 2018



**Tuan Zakri Khir**  
2018 - 2020



**Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa  
bin Hj. Abdullah**  
2020 - Kini

K E P I M P I N A N

KETUA-KETUA EKSEKUTIF PERKESO

1971 - Kini



**En. S. Kumar**  
1971 -1972



**Dato Nik Mohd. Amin Nik  
Abu Bakar**  
1973 - 1982



**Dato' Sulaiman Osman**  
1983 - 1984



**Dato' Sri Dr. Mohammed Azman  
bin Dato' Aziz Mohammed**  
2015 - Kini



**En. A. T. Nathan**  
1985 - 1989



**En. Seow Ewe Hoe**  
1990 - 1996



**Dato' Wan Abdul  
Wahab Abdullah**  
1997 - 2000




**Datuk Ng Teck**  
2001 - 2004



**Dr. Soh Chee Seng**  
2005- 2008



**Datuk K. Selvarajah**  
2008-2015



Biarpun hanya sekadar lapan juta ahli PERKESO yang diinsuranskan, secara hakikatnya Skim Keselamatan Sosial melindungi sehingga 30 juta orang, termasuk tanggungan pencarum yang juga menerima manfaat daripada skim berkenaan.

DETIK  
PERMULAAN KAMI



# DETIK PERMULAAN KAMI

---

## PENUBUHAN PERKESO

Secara rasminya, PERKESO telah ditubuhkan dengan kelulusan daripada Akta Perlindungan Sosial Pekerja 1969. Persediaan peringkat awal penubuhannya merangkumi wawasan beberapa pemimpin negara untuk melindungi kehidupan para pekerja serta tanggungannya.

Selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua, terdapat permintaan untuk faedah-faedah perlindungan sosial. Pada peringkat awalnya, ia telah termaktub dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1951 dan juga Akta Pampasan Pekerja 1952. Sejurus selepas kemerdekaan Malaya, Skim Perlindungan Sosial telah diwujudkan pada tahun 1958.

Pada tahun 1957, En. A. E. Goddard daripada Kementerian Pesara dan Insurans Kebangsaan Britain di bawah naungan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) telah meneliti isu-isu penambahbaikan ke atas faedah keselamatan sosial bagi negara ini.

Laporan beliau telah merintis jalan untuk kajian-kajian yang lebih mendalam di peringkat yang lebih tinggi. Pada tahun 1965, dengan bantuan Penolong Pesuruhjaya Insurans India, Tan Sri A. N. Ambo yang menyumbang kepada Skim Pengkorporatan Teknikal bagi Pelan Colombo, usaha-usaha asas telah bermula ke arah mencipta suatu Skim Keselamatan Sosial yang lebih menyeluruh.

Matlamat jangka panjang Skim Keselamatan Sosial untuk Kerajaan Perikatan Nasional Malaysia pada waktu itu telah membuahkan suatu kerangka asas, yang dikenali sebagai Laporan Ambo. Ianya telah diluluskan dengan sebulat suara, yang merupakan suatu pencapaian yang amat luar biasa pada waktu itu, lantas melakar pencapaian yang sangat bermakna bagi dunia perlindungan sosial secara amnya.




Pejabat PERKESO yang pertama di Johor Bahru.

# PERJALANAN LIMA DEKAD



1969



April 2

Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 mendapat perkenan Diraja.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ditubuhkan sebagai Jabatan Kerajaan di bawah Kementerian Buruh & Tenaga Rakyat.

1971



Perlaksanaan Skim Perlindungan Bencana Kerja bermula di Johor Bahru.



Pelancaran Peringkat Pertama Rancangan Kecederaan Pekerja dilancarkan oleh Tun Abdul Razak, YAB Perdana Menteri Ke-2.

1972



Setem dan kad carum digunakan untuk tujuan caruman PERKESO.



1973



Balu pertama mendapat pencen PERKESO menerima faedah wang tunai daripada Menteri Buruh, YB Tan Sri Dato' V. Manickavasagam.



Majikan mempunyai sekurang-kurangnya 5 orang pekerja (gaji <RM500) layak mendaftar dan mencarum.



1975



1974

Perlindungan Skim Ilat mula dilaksanakan.

Malaysia menjadi tuan rumah menganjurkan ILO/UNFPA *Symposium of National Specialists on Population Aspects of Rural Social Security* (17 - 26 November 1975).



1977

▲  
Upacara Menandatangani Perjanjian Penyewaan dan Pembelian Alat-alat Komputer antara Ketua Setiausaha Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat En. Lee Cheng Yan dengan Pengerusi Kumpulan PERNAS bagi pihak PERNAS Trading.

1978



PERKESO memperkenalkan kaedah penggunaan sistem caruman berkomputer yang dirasmikan oleh YB Tan Sri Lee San Choon, Menteri Sumber Manusia.

Pemakaian Akta telah diperluaskan kepada perusahaan-perusahaan yang mengurangkan bilangan pekerjaanya kepada kurang daripada lima setelah layak dilindungi di bawah Akta.

▲  
**1982**

29 September – Sistem Waran untuk pembayaran faedah berkala diperkenalkan dan dilancarkan oleh Ketua Pengarah PERKESO.

●●●●●  
**1983**



Gambar ihsan: BERNAMA

- 1 Januari – Pencen Penakat mula diperkenalkan dan had siling gaji untuk liputan PERKESO dinaikkan kepada RM1,000.
- 1 Julai – PERKESO menjadi sebuah agensi Badan Berkanun.



1985

Logo baharu PERKESO dirasmikan oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, YB Tan Sri Lee Kim Sai di Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

1990

YB Menteri Sumber Manusia, Tan Sri Lim Ah Lek melancarkan poster PERKESO pada Mei 1990.





▼  
Majlis Penyerahan Cek Faedah Orang Tanggungan oleh Ketua Pengarah PERKESO, Encik Seow Ewe Hoo.

Syarat kelayakan bagi Skim Keilatan dikurangkan daripada 36 bulan kepada 24 bulan.

**1992**

Perlindungan kemalangan perjalanan (kemalangan pergi dan balik kerja) diperkenalkan.

Perlindungan PERKESO diperluaskan kepada semua majikan yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang pekerja yang bergaji RM2,000 ke bawah.

**1993**



▼  
**1 April**

Penarikan balik pengecualian Keselamatan Sosial Bagi Para Pekerja Asing di bawah Akta Keselamatan Sosial, 1969.



**1995**

YB Menteri Sumber Manusia, Tan Sri Lim Ah Lek melihat model bangunan baharu Ibu Pejabat PERKESO semasa Majlis Pecah Tanah Bangunan Baru Ibu Pejabat PERKESO di Jalan Ampang, Kuala Lumpur.



Sistem SIKAP diperkenalkan bagi mempercepatkan proses tuntutan faedah.

**1997**

YB Menteri Sumber Manusia, Tan Sri Lim Ah Lek semasa Majlis Pelancaran Faedah Pendidikan PERKESO pada 5 Disember 1997.





Ibu Pejabat PERKESO berpindah dari Pusat Bandar Damansara ke Menara PERKESO di Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

1999

1998



Sumbangan mesin hemodialisis kepada pusat-pusat amal dan rawatan dialisis diperkenalkan sebagai salah satu faedah di bawah skim perlindungan PERKESO.



2001

Kemudahan dialisis telah diperluaskan kepada penerima Bantuan Ilat.

2002

PERKESO menerima Persijilan MS ISO 9002: 1994 - pemprosesan tuntutan FHUS di Ibu Pejabat dan Pejabat PERKESO Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.





▼  
Pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 berkuat kuasa mulai 1 Mei 2005 berkaitan kelayakan siling gaji pekerja telah dinaikkan daripada RM2,000 kepada RM3,000 sebulan.

2005



Majlis Pelancaran dan Menandatangani Perjanjian antara PERKESO dan BackToHealth Malaysia Sdn Bhd disaksikan oleh YB Tan Sri Dr. Fong Chan Onn, Menteri Sumber Manusia pada 28 Februari 2005.

2006



▼  
1 Mac – Pelarasan kadar bayaran pencen di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan.

2008



YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam dan Timbalannya YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad disambut oleh Ketua Eksekutif PERKESO, Dr. Soh Chee Seng semasa membuat lawatan ke Menara PERKESO pada 27 Mac 2008.

2009



Ketua Eksekutif PERKESO, YBhg. Datuk K. Selvarajah telah melancarkan Program OPS Kesan pada bulan Ogos 2009.



Program Hari Bertemu Pelanggan dilaksanakan di semua pejabat PERKESO seluruh negara.

26 Februari 2009 – mySMS Aduan PERKESO 15888 telah dilancarkan.



YBhg. Datuk K. Selvarajah, Ketua Eksekutif PERKESO bersama wakil Badan-badan Berkanun dalam Majlis Pelancaran MyCoID Fasa ke-2 di PWTC pada November 2010.

2010

2012



Majlis Perasmian Pecah Tanah Pusat Rehabilitasi PERKESO, Melaka disempurnakan oleh YAB Tun Seri Setia (Dr) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka bersama YB Menteri Sumber Manusia pada 23 Mac 2012.

PERKESO telah menerima “Anugerah Khas Hak Asasi Manusia 2013” bagi kategori Agensi Kerajaan menerusi Program *Return to Work* daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) pada 10 Disember 2013.

2013



Majlis Pelancaran Program Saringan Kesihatan untuk semua pekerja yang berumur 40 tahun ke atas bagi mengesan Penyakit Tidak Berjangkit (Non-communicable Disease) telah disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 18 Februari 2013.

2014



1 Oktober 2014 - Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak telah mula beroperasi.



25 Oktober 2016 - Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula (*Rebranding*) PERKESO dirasmikan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia di perkarangan lobi utama Menara PERKESO.


2016



PERKESO telah menerima *ASSA Recognition Awards* melalui *Health Screening Programme*, di *33rd ASSA Board Meeting and Conference* bertempat di Hotel Sofitel Philippines Plaza Manila pada 22 hingga 23 September 2016.



2017  
 YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohammad Najib bin Tun Abdul Razak menyempurnakan gimik pelancaran dan seterusnya merasmikan Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak pada 21 April 2017.




1 Jun 2017 – Akta Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri 2017 (Akta 789) mula dikuatkuasakan.

2018 ▶



2-4 Oktober 2018 - PERKESO menganjurkan *ISSA Regional Social Security Forum for Asia and the Pacific 2018* yang dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail.



1 Januari 2018 – Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) mula dikuatkuasakan.

1 Januari - Peluasan Skim Bencana Pekerjaan untuk Pekerja Asing di Malaysia.

13 Mei 2019 - Majlis Perasmian *Neuro Robotics Rehabilitation & Cybernics Centre* disempurnakan oleh YB M. Kula Segaran, Menteri Sumber Manusia.



2020

2019



3 Julai - Kunjungan rasmi Menteri Kewangan, YB Senator Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz ke Menara PERKESO.



2021

Majlis Pelancaran Karnival Penjana Kerjaya Kebangsaan 2021 oleh Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Seri bertempat di Pusat Konvensyen KLCC secara virtual pada 25 Februari 2021.



Majlis Pelancaran PERKESO *Functional Adaptive Clothing* yang telah dirasmikan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong secara maya pada 10 April 2021.

1 Jun - Peluasan Perlindungan Keselamatan Sosial kepada Pekerja-Pekerja Tempatan.



- 1971**

**1 Oktober**  
Pelaksanaan Skim Bencana Pekerjaan di Johor Bahru.
- 1972**

**1 Julai**  
Skim Bencana Pekerjaan telah diperluaskan ke 4 pusat iaitu Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Ipoh dan Pulau Pinang.
- 1973**

Skim Bencana Pekerjaan terus berkembang ke 14 pusat lain di Semenanjung Malaysia, iaitu: Taiping, Alor Setar, Klang, Shah Alam, Melaka, Seremban, Kuantan, Butterworth, Kangar, Kota Bharu, Kuala Terengganu, Muar, Batu Pahat dan Kluang.

.....

**1 Januari**  
Skim di Taiping, Melaka, Seremban, Klang, Shah Alam, Kuantan dan Pusat Keselamatan Sosial Alor Setar telah dilancarkan.
- 1974**


**1 Mac**  
Sabah, Sarawak, pusat-pusat Kota Kinabalu dan Kuching telah ditubuhkan.

.....

**1 Oktober**  
12 pusat baharu di Semenanjung Malaysia telah ditubuhkan, iaitu di Sungai Petani, Kulim, Kuala Kangsar, Tapah, Teluk Intan, Temerloh, Segamat, Kuala Krai, Dungun, Rawang, Bentong dan Kuala Pilah.
- 1983**

Satu program untuk memperluaskan Skim Perlindungan Keselamatan Sosial ke seluruh daerah Sandakan (Sabah) dan Sibul (Sarawak) telah dilancarkan.

# ...DAN INILAH KISAH KAMI



- **1984** —

Persediaan juga telah dibuat untuk menubuhkan 3 pejabat tempatan baharu di 2 negeri iaitu pejabat-pejabat tempatan Tawau, Lahad Datu dan Keningau di Sabah serta pejabat-pejabat tempatan Bintulu, Miri dan Sri Aman di Sarawak.
- **1987** —

**1 Ogos**  
Skim perlindungan PERKESO dilaksanakan di seluruh Sabah dan Sarawak.
- **2015** —

**1 Julai**  
Pejabat PERKESO Mukah mula beroperasi.

.....

**10 Jun**  
Lawatan rasmi YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia ke Pejabat PERKESO Miri, Sarawak serta taklimat pembukaan pejabat PERKESO Limbang, Mukah dan Majlis Penyampaian Faedah PERKESO.
- **2016** —

**15 Mac**  
Pejabat PERKESO Seri Manjung, Perak mula beroperasi.

.....

**2 April**  
Perasmian Pejabat PERKESO Serian oleh Menteri Sumber Manusia.
- **2017** —

**22 Mei**  
Pejabat PERKESO Beaufort, Sabah mula beroperasi.

.....

**1 Ogos**  
Pejabat PERKESO Kota Marudu, Sabah mula beroperasi.
- **2018** —

**1 Oktober**  
Pejabat PERKESO Tg. Karang mula beroperasi.

# PEJABAT-PEJABAT PERKESO



Menara PERKESO,  
Kuala Lumpur



Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur



Petaling Jaya, Selangor



Bentong, Pahang



Kluang, Johor



George Town,  
Pulau Pinang




Ipoh, Perak



Kuantan, Pahang



Kuching,  
Sarawak



Kuala Pilah,  
Negeri Sembilan



Kemaman,  
Terengganu




Kulim, Kedah



Lahad Datu, Sabah



Melaka





Alor Setar, Kedah




Kuala Kangsar, Perak



Kangar, Perlis



Dungun, Terengganu



Johor Bahru, Johor



Keningau, Sabah



Batu Pahat, Johor



Miri, Sarawak



Labuan



Kapit, Sarawak



Langkawi, Kedah



Putrajaya



Beaufort, Sabah



Kota Bharu, Kelantan




Kota Marudu, Sabah



Muar, Johor



Sri Manjung, Perak



Teluk Intan, Perak



Kuala Krai, Kelantan



Klang, Selangor



Limbang, Sarawak



Sri Aman, Sarawak



Bintulu, Sarawak



Tanjung Karang, Selangor



Sandakan, Sabah



Kota Kinabalu, Sabah



Tawau, Sabah



Tapah, Perak

## AGENSI PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU

### PERTUBUHAN BURUH ANTARABANGSA (ILO)



Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) adalah sebuah agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang memegang mandat untuk memajukan keadilan ekonomi dan sosial melalui penyediaan standard buruh antarabangsa. Diasaskan pada Oktober 1919 di bawah Liga Negara-Negara, ia merupakan agensi PBB yang pertama dan tertua.

ILO mempunyai 187 negara ahli - 186 daripada 193 negara ahli PBB, serta Kepulauan Cook. Ia mempunyai Ibu Pejabat di Geneva, Switzerland, dengan sekitar 40 cawangan lapangan di serata dunia. ILO menggaji seramai hampir 2,700 kakitangan dari 150 negara, 900 daripadanya berkhidmat di dalam pelbagai projek dan program yang berbentuk kerjasama teknikal.

Standard buruh antarabangsa ILO adalah luas dengan hasrat untuk memastikan kesemua pekerjaan di seluruh dunia adalah mudah diakses, produktif serta mampan dalam persekitaran yang bebas, adil, selamat serta bermaruah. Sasaran-sasaran terbabit termaktub di dalam 189 konvensyen dan perjanjian, di mana lapan daripadanya telah diklasifikasikan sebagai asas menurut Deklarasi 1998 mengenai Prinsip-prinsip Asas dan Hak di Tempat Kerja.

Kedua-duanya melindungi kebebasan berserikat yang secara efektif mengiktiraf hak untuk perbincangan kolektif, penghapusan buruh paksa atau wajib, pemansuhan buruh kanak-kanak serta menolak diskriminasi dari sudut tugas dan pekerjaan. Lantaran daripada itu, ILO menjadi penyumbang utama terhadap undang-undang buruh antarabangsa.



*Perlembagaan ILO 1919*

*Perjanjian Versailles yang mengandungi Perlembagaan ILO yang ditandatangani pada 28 Jun 1919*

*(Sumber: <https://www.ilo.org/infostories/Stories/The-ILO>)*

#### **Bab 1 - Organisasi (Artikel 1) - Keahlian**

Nombor 3.

Mana-mana anggota asal Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan sebarang negeri yang masuk menganggotai PBB melalui keputusan Mesyuarat Agung, selaras dengan syarat perjanjian, boleh menjadi ahli kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dengan berkomunikasi kepada Pengarah Besar di pejabat ILO perihal penerimaan rasmi mereka terhadap Perlembagaan Pertubuhan Buruh Antarabangsa

Laporan Tan Sri A. N. Ambo yang pada amnya disambut baik oleh kesatuan-kesatuan sekerja dan para majikan telah kemudiannya dikemaskini serta diterjemahkan sebagai Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Ia merupakan penambahbaikan ke atas Ordinan Pampasan Tenaga Kerja, 1952 terutamanya dari aspek pemberian faedah dan liabiliti majikan.

Menteri Buruh dan Tenaga Kerja, YB Tan Sri Dato' V. Manickavasagam, telah mengetuai usaha untuk merangka Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 yang telah dinamakan sebagai Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969.

Akta terbabit mewajibkan penubuhan sebuah organisasi keselamatan sosial selaku Lembaga Penasihat, terdiri daripada wakil-wakil kesatuan, majikan, ahli-ahli perubatan serta kementerian-kementerian



Perdana Menteri, YAB Tun Abdul Razak, menyampaikan anugerah Darjah Panglima Setia Mahkota (Kehormat) kepada A. N. Ambo yang membawa gelaran Tan Sri.



Tan Sri A. N. Ambo

**SOCISO PENTING  
DALAM USAHA  
PEMBANGUNAN  
EKONOMI NEGARA  
- A. N. AMBO**

**PETALING JAYA, 11 April** —  
Kemungkinan keselamatan  
sosial akan penting dalam  
usaha pembangunan ekonomi,  
disebabkan masalah perolehan Pe-  
nawaran Keselamatan Sosial, Per-  
utusan Tanah Antarabangsa  
(ILO), Mr. A.N. Ambo hari ini.  
Maka menyatakan pada seminar di-  
sini hari ini bahawa perubahan pe-  
nawaran sosial mungkin berlaku di  
negara-negara lain yang sedang membangunkan  
ekonomi yang pesat. Beliau berkata  
negara-negara yang sedang membangunkan  
ekonomi yang pesat akan menghadapi  
masalah keselamatan sosial yang  
lebih banyak daripada negara-negara  
yang sudah maju. Beliau berkata  
negara-negara yang sedang membangunkan  
ekonomi yang pesat akan menghadapi  
masalah keselamatan sosial yang  
lebih banyak daripada negara-negara  
yang sudah maju. Beliau berkata  
negara-negara yang sedang membangunkan  
ekonomi yang pesat akan menghadapi  
masalah keselamatan sosial yang  
lebih banyak daripada negara-negara  
yang sudah maju.

bertanggungjawab, termasuk menyediakan Lembaga Rayuan untuk menangani sebarang isu tuntutan mahupun penyelesaian pertelingkahan.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah terbentuk lantaran daripada Akta berkenaan, sebagai sebuah jabatan kerajaan di bawah bidang kuasa Kementerian Buruh dan Tenaga Kerja pada Januari 1971.

Di peringkat permulaan, Skim Insurans Bencana Pekerjaan memerlukan para pekerja dan majikan untuk membayar sejumlah peratusan caruman tertentu bagi mendapatkan perlindungan di bawah skim tersebut. Nilai caruman yang dibayar akan menentukan kelayakan pencarum untuk menerima faedah.

Sewaktu pelancaran Program Keselamatan Sosial, sejumlah RM1 juta subsidi kerajaan membantu untuk menubuhkan 12 Pusat-Pusat Keselamatan Sosial menjelang penghujung 1972. Lebih banyak pusat-pusat baharu telah berjaya dibuka di Semenanjung Malaysia dan seterusnya di Sabah dan Sarawak.

Sementara itu, PERKESO juga menerima pendaftaran awal untuk dana kedua - Skim Keilatan. Skim ini memberikan perlindungan untuk penyakit kronik dan kematian akibat sebarang sebab. Pekerja yang berpendapatan kurang dari RM500 sebulan, menyumbang 1% daripada gaji mingguan mereka untuk skim ini.

Selain itu, wujud juga cadangan-cadangan untuk mempertimbangkan penyertaan petani dan nelayan, melindungi para pekerja yang berpendapatan lebih tinggi serta pemberian faedah bersalin kepada para pekerja wanita.



Pejabat PERKESO yang pertama di bangunan Kementerian Buruh.

## Sekim Perkeso akan diluas lagi:

### Manicka

15 MAR 1973

SABAK BERNAM, Rabu. — Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sedang mengkaji kemungkinan meluaskan Sekim Keselamatan Sosial Pekerja-pekerja (PERKESO) supaya meliputi orang-orang yang bekerja sendiri.

Menteri berkenaan, Tan Sri V. Manickavasagam menyatakan bahawa pada masa sekarang sekim tersebut meliputi pekerja-pekerja di bidang swasta sahaja.

### Kepentingan

"Oleh itu kementerian saya sedang mengkaji supaya sekim ini dapat dilaksanakan bagi kepentingan orang-orang yang bekerja sendiri," tegasnya.

Menteri itu berkata demikian di Majlis Taklimat yang diberikan oleh Pegawai Daerah Sabak Bernam, Ericik Ghazali bin Mohamed Noor, di Bлек Gerakan Daerah di sini pagi ini.

Menurut Tan Sri Manickavasagam dua orang pegawai kementeriannya yang diketuai oleh Ketua Pengarah Pekeso Nik Mohamed Amin, sedang berada di beberapa buah negara Asia Barat untuk mengkaji cara mendalam bagaimana sekim tersebut dilaksanakan di sana.



Kursus Latihan Komputer, 24 Mei 1976.

Petikan daripada  
ucaptama YAB Tun  
Abdul Razak sempena  
majlis pelancaran  
PERKESO

Saudara-saudara sekalian,


Faedah-faedah lain dari Social Security Scheme di samping mempengaruhi kemajuan ekonomi, juga membawa kesan baik kepada dasar kesihatan dan kebajikan negara. Semua wang yang terkumpul dari Sekim ini disalurkan untuk mendirikan Social Security hospitals dan juga sebagai tabung bantuan kewangan untuk Pusat-pusat Latihan kakitangan perubatan. Begitu juga Pusat-pusat Kebajikan Masyarakat terutama pusat-pusat pemulihan akan mendapat munafaat dalam bentuk bantuan wang kepada pekerja-pekerja cacat yang dirawat di sana.

Dalam bidang perindustrian, Social Security Scheme merupakan satu anugerah kepada pihak majikan kerana, sebagaimana yang sedia dimaklum, Social Security akan menggalakkan kestabilan tenaga buruh dalam satu-satu perusahaan.

Tambahan pula, pekerja-pekerja yang mempunyai keyakinan dan harapan serta merasa selamat terhadap hari depan mereka menjadi asset kepada majikan-majikan kerana mereka akan berusaha dengan lebih tekun dan productive lagi. Tidak syak lagi, Social Security Scheme ini berupa indirect investment kerana mendorong kemajuan ekonomi yang positif dengan menambahkan lagi kecekapan pekerja-pekerja serta meningkatkan productivity mereka.

Selain dari pertimbangan-pertimbangan ekonomi dan sosial yang dikatakan tadi, Social Security Scheme mempunyai role yang lebih penting dalam menggalakkan dan menjamin kesihatan dan keselamatan pekerja-pekerja amnya.

Keselamatan Sosial yang diluluskan oleh Parlimen ialah munafaat kaum pekerja andaikata mereka mendapat ko-  
nya menjalankan tugas masing-masing. Rawatan per-  
an wang tunai yang disediakan dalam Sekim ini  
orang pekerja dan keluarganya akan men-  
nasa ia dalam kesusahan di samping men-  
n percuma sehingga ia sembuh kembali.



## ASPIRASI PERDANA MENTERI YAB TUN ABDUL RAZAK HUSSEIN TERHADAP PERKESO

- Dengan berpegang teguh kepada keadilan sosial demi kepentingan sejagat, Skim ini memerlukan komitmen, sifat kebertanggungjawaban bersama, semangat kerjasama serta sokongan padu daripada para majikan, pekerja, ahli-ahli perubatan dan Kerajaan.
- Skim Keselamatan Sosial adalah suatu wadah yang amat penting untuk mewujudkan suasana industri yang aman dan harmoni.
- Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, PERKESO memainkan peranan yang besar untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta mempromosi kadar produktiviti yang lebih tinggi.
- PERKESO adalah kritikal untuk ekonomi negara kerana ia menyedia dan memelihara sumber manusia selaku salah satu daripada teraju penggerak ekonomi tanah air.
- Peranan utama PERKESO adalah mempromosi serta memastikan keselamatan serta kebajikan para pekerja menerusi imbuhan-imbuhan faedah perubatan mahupun tunai, sehingga mereka kembali sihat seperti sediakala.
- Di negara-negara maju, Skim Keselamatan Sosial mereka memainkan peranan yang begitu besar dalam menentukan pelbagai polisi-polisi ekonomi dan juga sosial mereka.



Pejabat PERKESO di Johor Bahru



Pada 1 Oktober 1971, PERKESO dengan bangganya telah membuka cawangannya yang pertama di Johor Bahru yang merintis penyediaan Skim Insurans Bencana Pekerjaan di sana.



## PEJABAT PERKESO PERTAMA

Sewaktu PERKESO ditubuhkan, pejabatnya telah ditempatkan di dalam bangunan Kementerian Buruh dan Tenaga Kerja, di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

Persediaan untuk membuka premis-premis PERKESO serta menyediakan kakitangan telah bermula seawal Mac 1971. PERKESO berjaya membuka pejabat tempatannya yang pertama di Johor Bahru. Ianya mula menawarkan Skim Insurans Bencana Pekerjaan di sana yang dilaksanakan bermula 1 Oktober 1971.

Dua orang pegawai daripada Pejabat Buruh di Menara KOMTAR Johor Bahru telah dilantik untuk memulakan operasi agensi kerajaan tersebut. Mereka adalah En. Hashim Ab Aziz serta seorang pegawai daripada Kementerian Buruh dan Tenaga Kerja.

Mengimbau kembali detik-detik sewaktu mula menjejakkan kaki di bangunan baharu, kakitangan PERKESO yang pertama, En. Hashim Ab Aziz yang kini berusia 67 tahun berkata, sememangnya tiada sebarang perabot ataupun peralatan yang disediakan. Sebaliknya, apa yang ada hanyalah penyodok sampah, penyapu dan mop untuk membersihkan tempat berkenaan.

“Pada awalnya, saya sendiri tidak tahu yang saya telah terpilih untuk terlibat (bertugas) dengan PERKESO. Saya cuma melapor diri di Pejabat Buruh pada 1 Mac 1971 untuk menjalani latihan selama sebulan sebelum diarahkan untuk berpindah ke pejabat PERKESO di Jalan Petri,” kata Hashim.

Beberapa pegawai serta kakitangan lain, termasuk kerani-kerani hanya mula berkhidmat di premis tersebut pada Mei 1971.

*Temu ramah dan gambar ihsan BERNAMA*



### Kakitangan PERKESO Yang Pertama

Hashim Ab. Aziz, bekas pelajar Sekolah Menengah Aminudin Baki, Jalan Abdul Samad, Johor Bahru, telah menerima surat tawaran bekerja daripada Pejabat Buruh sewaktu berusia 16 tahun. Tatkala itu, beliau dan keluarganya menetap di Senai, Johor.

Sebagai kakitangan PERKESO yang pertama, Hashim bertugas sebagai Peon (kini dikenali sebagai Pembantu Am Pejabat) yang menguruskan kesemua urusan pejabat seperti menerima, mengumpul serta menghantar surat-surat bagi para pegawai PERKESO.

Beliau merasa teruja mengingati kembali bagaimana beliau membantu mendapatkan seorang imam untuk membacakan doa selamat semasa majlis pembukaan bangunan PERKESO yang pertama itu. Pada waktu yang sama, beliau turut terkenang cabaran apabila dipertanggungjawabkan untuk mendapatkan Radio Televisyen Malaysia (RTM) membuat liputan media berkenaan majlis tersebut.

Mengenang kembali detik permulaan, Hashim menganggap PERKESO telah jauh berkembang sejak ianya mula ditubuhkan. Kemajuan pesat serta kemudahan-kemudahan teknologi telah banyak meningkatkan keberkesanan serta produktiviti kerja organisasi ini.

**Hashim turut berkongsi nasihat yang diberikan oleh kedua ibu bapanya sewaktu menghadapi cabaran di tempat beliau bertugas dahulu. Mereka selalu berkata jika anda suka kerja anda, anda tidak akan menyerah kalah.**

**“Siapa yang hendak menyara isteri dan anak-anak anda sekiranya berlaku kemalangan dan anda tidak mampu bekerja selama tiga bulan tanpa pendapatan?”.**

En. Hashim Ab. Aziz merupakan kakitangan PERKESO yang pertama di Johor

*Temu ramah dan gambar ihsan BERNAMA*

Hashim bersyukur dan gembira melihat PERKESO kini memiliki bangunannya sendiri di Jalan Abdul Razak (Susur 5) di Johor Bahru, setelah bertahun-tahun menumpang dan menyewa beberapa bangunan terdahulu. Sesudah berkhidmat selama 44 tahun, Hashim bersara daripada PERKESO pada 15 Jun 2015. Kini beliau berusia 67 tahun dan masih menetap di Johor.



Fail utama milik majikan pertama yang berdaftar dengan PERKESO.

Pekerja pertama yang berdaftar dengan PERKESO adalah En. Mohd. Taib bin Hassan yang bertugas sebagai seorang Peon di Syarikat Jackson & Masacorale.

Memproses kes adalah agak rumit pada waktu tersebut. Pekerja-pekerja PERKESO terpaksa bergelut dengan fail-fail yang besar berulang kali demi memastikan agar tulisan pada cek yang bakal dikeluarkan adalah betul dan tepat sebelum dihantar ke pejabat Akauntan Negara di Bank Negara.

Pada peringkat awalnya, caruman-caruman dibuat menggunakan setem. Para majikan dikehendaki melekatkan setem pada kad caruman PERKESO, bergantung kepada kadar caruman. Sebagai contoh, caruman sebanyak RM5.90 bererti mendapatkan setem bernilai RM5.90 daripada pihak bank.

Nombor pendaftaran ahli diletakkan di atas filem. Kakitangan PERKESO perlu memanaskan filem-filem berkenaan menggunakan haba panas untuk melihat nombor pendaftaran terbabit.

Kejayaan projek perintis di Johor meyakinkan PERKESO untuk memperluaskan skim berkenaan ke seluruh negara pada tahun 1972 secara berperingkat, bermula dengan empat belas (14) cawangan berasingan.

Pada 1 Julai 1972, Perdana Menteri YAB Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein telah merasmikan Skim Perlindungan Keselamatan Sosial di peringkat kebangsaan.

Dalam ucaptamanya, beliau meluahkan rasa bangga melihat Malaysia menjadi salah sebuah daripada 120 negara di seluruh dunia yang menawarkan keselamatan sosial kepada rakyatnya. Ianya merupakan faktor utama yang mampu memacu kadar pertumbuhan ekonomi negara yang lebih pesat.

Beliau juga menegaskan bahawa Skim Perlindungan Keselamatan Sosial berperanan besar dalam menentukan agihan pendapatan yang lebih saksama, mengambil kira tahap kemampuan dan keperluan seseorang pekerja. Skim yang bagus juga bakal menjamin tersedianya faedah-faedah kesihatan serta kebajikan demi kebaikan mereka.

PERKESO terus mengembangkan sayapnya dengan membuka 19 lagi cawangan di Semenanjung Malaysia menjelang hujung 1973. Sejumlah 14 lagi cawangan juga dibuka dalam 12 bulan seterusnya yang turut meliputi Sabah dan Sarawak.

Pada tahun 2021, sesudah 50 tahun menabur jasa, PERKESO boleh mendabik dada mempunyai sebanyak 54 buah pejabat memberikan perkhidmatan demi keperluan para pekerja serta tanggungan-tanggungan mereka di bumi tercinta ini.



En. Mohd. Taib bin Hassan, Peon bagi Syarikat Jackson & Masacorale, merupakan pekerja pertama yang berdaftar dengan PERKESO.

## M E K A N I S M E

SETEM CARUMAN  
PERLINDUNGAN SOSIAL

Pada awal penubuhan PERKESO, cawangan bank tidak banyak dan masih tidak ramai rakyat memiliki akaun bank. Pejabat pos merupakan pusat transaksi pembayaran setempat pada masa itu. Oleh yang demikian, proses mengatur dan memastikan pembayaran keselamatan sosial berkala dari majikan dan pekerja sememangnya mencabar.

Pada tahun 1971, sejumlah 18 Setem-Setem Keselamatan Sosial yang terawal telah diperkenalkan di bank-bank tempatan, bernilai daripada RM0.10 sehingga RM5.60. Itu merupakan titik tolak bermulanya kaedah caruman bulanan bagi para majikan. Selepas itu, PERKESO menambah sebanyak enam lagi denominasi, menjadikan jumlah 24 kesemuanya, dengan nilai di antara RM0.10 hingga RM10.10.

Majikan dikehendaki untuk membeli setem-setem dan melekatkannya pada kad-kad caruman pekerja sebelum menghantar ke pejabat PERKESO setiap enam bulan sekali sebagai bukti bahawa caruman telah dibuat.

Apabila bilangan syarikat dan pekerja yang mendaftar untuk skim terbabit semakin bertambah dengan memberangsangkan, kaedah caruman menerusi Setem Keselamatan Sosial menjadi semakin sukar dan menyulitkan. Pejabat-pejabat PERKESO terpaksa bergelut dengan begitu banyak dokumen-dokumen pendaftaran serta kad-kad caruman pekerja.

Demi mengurangkan beban kerja berkenaan serta meningkatkan kecekapan pemprosesan, pada 1 Julai 1976, PERKESO telah memperkenalkan satu sistem berbayar di Kuala Lumpur menggunakan cek ataupun wang tunai, seiring dengan pembayaran baucer di bank.

Menjelang tahun 1978, jumlah pencarum PERKESO telah mencecah seramai 880,000 orang di seluruh negara. Mengambil kira gaji bulanan masing-masing, kemungkinan berlakunya perpindahan lokasi tempat bekerja mahupun beralih kerja ke syarikat yang berlainan, pemprosesan tuntutan secara manual ternyata menjadi semakin perlahan, rumit dan kadangkala tidak tepat.

Perkara itu memberi isyarat untuk PERKESO mengemaskini dan memperbaiki mutu kecemerlangan perkhidmatan mereka demi memanfaatkan para pelanggan semua.



Rekabentuk setem telah dicipta oleh seorang artis tempatan yang berjaya memaparkan skop matlamat Skim PERKESO terbabit. Di bawah payung (lambang perlindungan PERKESO), terdapat visual seorang pekerja yang cedera (lengan beranduh) berserta tanggunannya yang menerima faedah daripada PERKESO.



Kaedah Kad Caruman yang digunakan oleh PERKESO menggunakan setem sebagai bayaran caruman.

## Social security stamps to be sold in banks

KUALA LUMPUR, Saturday.  
THE Government is to issue 24 million social security contribution stamps, in 18 denominations.

These stamps, which will range from 10 cents to \$5.60, will be on sale at approved banks.

The Government was to have launched the social security programme on Feb. 8 to cover almost a million workers, but it was postponed by two weeks because of the floods.

The implementation will begin in Johore Bahru with an injury insurance scheme covering about 30,000 workers. Similar projects will follow in Kuala Lumpur, Ipoh, Petaling Jaya and Penang.

### Two schemes

The stamps, designed by a local commercial artist, denote what the scheme is all about.

Under an umbrella, a man is shown in an injured position with an arm in a sling. Next to him is a woman in partial black signifying dependency.

The Employees' Social Security Act passed in 1969 provided for two schemes — the permanent invalidity pension scheme and the employment injury insurance scheme.

An official of the Ministry of Labour said the social security scheme was part of the employment injury insurance scheme.

### Stamps for social security

Kuala Lumpur, Saturday. —The Government is to issue 24 million Social Security Contribution stamps in 18 different denominations. These stamps priced at 10 cents to \$5.60 will be on sale at approved banks.

The Government had planned the social security programme to begin on February 8 to cover about one million workers, but it has been postponed for two weeks because of the recent floods.

### Butiran Teknikal

Tahun: 1971

Denominasi : 10¢, 20¢, 30¢, 40¢, 50¢, 60¢, 80¢, \$1.10, \$1.20, \$1.50, \$1.70, \$2.10, \$2.50, \$3.10, \$3.50, \$4.40, \$4.50 dan \$5.60

Tahun: 1974

Denominasi : 10¢, 20¢, 30¢, 40¢, 50¢, 60¢, 80¢, 90¢, \$1.10, \$1.20, \$1.40, \$1.50, \$1.70, \$1.90, \$2.50, \$2.70, \$3.10, \$3.50, \$3.80, \$4.40, \$4.50, \$5.60, \$7.90, \$10.10

Saiz Setem: 27mm X 35mm Kertas: Tidak diketahui

Pencetak : Dublin Print

Majikan dikehendaki untuk membeli setem-setem dan melekatkannya pada kad-kad caruman pekerja sebelum menghantar ke pejabat PERKESO setiap enam bulan sekali sebagai bukti bahawa caruman telah dibuat.



Set 24 denominasi setem yang dikeluarkan oleh PERKESO untuk caruman pekerja.

## MENGIMBAU KEMBALI SETEM-SETEM CARUMAN PERKESO



**TYT Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd. Ali bin Mohd. Rustam**  
Yang Dipertua Negeri Melaka

**“Apabila semakan audit dijadualkan, saya panik, bekerja siang dan malam untuk menyiapkan tunggakan melekatkan setem-setem, menggunakan air dan span!”**

TYT Tun menjelaskan bahawa menguruskan lejar elektrik merupakan tugas utama beliau. Selain itu, beliau juga bertindak selaku kerani gaji yang diamanahkan untuk menyusun temuduga-temuduga pekerja, penolakan gaji bulanan, kenaikan pangkat, elaun kerja lebih masa serta laporan-laporan sulit.

Pihak Kerajaan kemudiannya telah memperkenalkan sebuah Skim PERKESO yang baharu untuk membantu pekerja yang jatuh sakit bagi mendapatkan rawatan di hospital. Walaupun ada segelintir pekerja yang mengambil insurans swasta, namun tidak semua orang mampu berbuat demikian.

Selaku kerani gaji, tugas TYT Tun adalah untuk mengira bayaran gaji dan elaun kerja lebih masa, juga penolakan bagi KWSP dan PERKESO mengikut kadar pekerja dan majikan. Di kala itu, sistem masih belum berkomputer, maka mereka hanya menggunakan kad-kad caruman.

TYT Tun perlu menampal setem pada kesemua kad-kad nama pekerja LLN, Sekiranya berlaku sebarang kemalangan, beliau perlu merujuk kepada kad nama pekerja terbabit untuk menentukan berapakah jumlah yang telah disumbang oleh pihak majikan.

“Saya begitu penat menampal setem!”, ujar TYT Tun. Beliau menguruskan 600-700 kakitangan LLN, bererti adalah tanggungjawab beliau untuk menampal dan mengecop kesemua kad-kad caruman mereka.

TYT Tun masih ingat bagaimana beliau dikehendaki membeli ratusan setem caruman setiap bulan untuk disimpan di dalam laci bersama ratusan kad-kad caruman. Ada kalanya beliau terlalu sibuk hinggakan ada kerja yang tertunggak selama dua bulan.

TYT Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd. Ali bin Mohd. Rustam merasa teruja mengenang kembali pengalaman kerjanya yang pertama di Lembaga Letrik Negara (LLN) di bawah Persekutuan Malaya, yang terdahulunya dikenali sebagai Lembaga Letrik Kebangsaan (LLK).

“Saya menyertai LLN pada 1 Februari 1969 dan kekal di sana selama 10 tahun, sehingga 1979. Saya bermula sebagai kerani lejar yang menguruskan bil-bil elektrik. Saya perlu menyediakan kertas lejar, mencatat bacaan meter terdahulu, kemudian memberikannya kepada pembaca meter. Selepas itu saya akan menulis bacaan meter semasa, memberi kertas asal berkenaan kepada pengguna, manakala salinan kedua akan saya simpan. Sebaik pengguna tersebut membayar bil, saya akan memangkah kertas terbabit untuk menandakan yang ianya telah dibayar,” jelas TYT Tun.

Bertanggungjawab menjaga seramai 6,000 pengguna, TYT Tun pada ketika itu mempunyai 10 buah buku lejar beserta 600 helai kertas lejar. Di penghujung setiap hari bertugas, TYT Tun perlu menyeimbangkan jumlah kutipan yang diperolehi dengan jurubayar. Sekiranya jumlah itu seimbang, kertas daripada jurubayar akan dikoyakkan. Jika tidak, TYT terpaksa mencari jumlah yang tercicir itu kerana pada setiap pagi, akan ada petugas yang perlu memotong bekalan elektrik di rumah-rumah yang mempunyai bayaran tertunggak.

“Apabila semakan audit dijadualkan, saya panik, bekerja siang dan malam untuk menyiapkan tunggakan melekatkan setem, menggunakan air dan span!”, celoteh TYT sambil tertawa.

Menurut beliau, peraturan-peraturan PERKESO yang ketat pernah menyebabkan penolakan tuntutan PERKESO seorang pekerja di Melaka yang terlibat dengan kemalangan di Jasin, atas alasan tempat kejadian itu adalah jauh daripada tempat beliau bertugas. Alhamdulillah, TYT Tun bersyukur melihat proses tuntutan yang jauh lebih fleksibel dan bertimbang rasa kini.



TYT Tun memuji faedah yang diterima oleh Orang Berinsurans daripada Skim Keilatan serta Pusat Rehabilitasi di Ayer Keroh. Seorang kenalan beliau yang pernah diserang strok telah pulih seperti sedia kala selepas menjalani rawatan di pusat tersebut.

TYT Tun juga berbesar hati melihat orang yang bekerja sendiri, malah tidak lama lagi, suri rumah juga boleh menyumbang untuk dilindungi di bawah PERKESO. Rata-rata, ramai sudah mengenali PERKESO dan mahukan perlindungan berkenaan, berbanding situasi dahulu di mana perkara terbabit perlu dilaksanakan secara paksaan. Dahulu, semua orang perlu menanggung kesemua bil perubatan dan hospital, tetapi kini, hinggan peralatan prostetik serta bantuan perubatan juga ditanggung oleh PERKESO.

“Saya harap semua majikan akan mencarum untuk pekerja mereka dan mereka yang bekerja sendiri juga akan turut menyertai perlindungan yang ditawarkan kerana skim ini bukan sekadar bermanfaat kepada para pekerja, malah kepada tanggungan dan majikan mereka juga.”

Kini melalui PERKESO, perlindungan yang begitu berharga juga muncul dari pelbagai aspek yang tidak diduga, dan ada kalanya berterusan ke akhir hayat!

“Tanpa PERKESO, perlindungan keselamatan sosial pastinya tidak dapat direalisasikan sebegini efektif hingga menjadi contoh bukan hanya di Malaysia, malah di seluruh dunia,” tegas TYT Tun di akhir temuramah.



## SETEM PERINGATAN PERKESO

### MEMPERINGATI PERISTIWA PENTING PERKESO

Walaupun PERKESO telah menamatkan penggunaan Setem Keselamatan Sosial pada tahun 1977, ini tidak bererti keunikan, sejarah serta minat orang ramai terhadap setem-setem tersebut berakhir begitu sahaja.

Sepanjang perjalanannya, PERKESO meraikan peristiwa-peristiwa pentingnya dengan rakyat Malaysia menerusi pengeluaran setem-setem peringatan yang penuh bermakna.

Tahun 1973 menyaksikan penerbitan setem kenang-kenangan PERKESO yang pertama tatkala Jabatan Pos Malaysia mengeluarkan set istimewa dengan denominasi 10¢, 15¢ dan 50¢. Direka oleh Bradbury, Wilkinson & Co. Ltd. dan dicetak oleh Harrison & Sons Ltd. di England, setem-setem tersebut telah menjadi tunggak kempen kesedaran PERKESO kepada masyarakat di seluruh negara.

Pada waktu itu, simbol terbabit telah pun dikenali oleh lebih 321,500 pekerja yang berkhidmat di dalam 12,000 firma-firma industri yang menerima manfaat perlindungan daripada Skim Insurans Bencana Pekerjaan.



Direka oleh Bradbury, Wilkinson & Co. Ltd. dan dicetak oleh Harrison & Sons Limited Co. di England

#### Butiran Teknikal

- Tahun: 1973
- Denominasi: 10¢, 15¢ & 50¢
- Saiz Setem: 27mm X 35mm • Kertas: *Unwatermarked white paper*
- Proses Pencetakan: Litografi

Bradbury dan Wilkinson telah meletakkan tangan-tangan yang berupa pertindihan sebuah mesin separa bulat yang dipahat dengan merah dan biru di bahagian tepi setiap setem. Ketiga-tiga setem tersebut mempunyai warna latar yang berbeza - jingga (10 sen), kuning cair (15 sen) dan biru kelabu cair (50 sen).

Muka taip “Malaysia” adalah jenis “Butterfly” yang terletak di bahagian atas, manakala “Pertubuhan Keselamatan Sosial” dengan denominasi ungu perang dimuatkan dengan kemas di bawah logo PERKESO.

Ketiga-tiga setem PERKESO tersebut dicetak dalam empat warna litografi oleh Harrison & Sons, di atas tera air kertas putih. Kesemua setem terbabit dijual bersama dengan Sampul Surat Hari Pertama rasmi yang memaparkan logo PERKESO yang kebiruan berserta risalah maklumat.

Setem-setem berkenaan turut mempunyai nilai sejarah apabila Skim Perlindungan Keselamatan Sosial mula diperkenalkan pada 1 Oktober 1971 di mana caruman bulanan pekerja dilakukan dengan melekatkan setem-setem yang berdenominasi tertentu pada kad caruman mereka sebagai bukti pembayaran.



Sampul Surat Hari Pertama Pertubuhan Keselamatan Sosial yang dikeluarkan pada tahun 1973.

# The new stamps

**M**ALAYSIA's first stamps for 1973 are due on Monday, July 2. Three vertical commemoratives (27mm by 35mm) mark the setting up of SOCSO, Malaysia's Social Security Organisation *Pertubuhan Keselamatan Sosial*.

They have the same design, the SOCSO emblem in shades of blue. An open umbrella in bright blue signifies the protection offered by the social security schemes.

It shelters a worker with his arm in a sling and a crankshaft before him, symbols that indicate the function of SOCSO in providing help and recompense to injured workers.

The woman and child at his right represent the dependants helped by allowances and funeral expenses when accidents are fatal, while the invalid chair in the front represents the medical care recommended by the scheme's panel doctors.

This may include artificial limbs, hearing aids, spectacles, dentures and rehabilitation as required.

The key at the left is for progress, progress made by Malaysia in developing social benefits side by side with economic measures to improve living standards and reduce insecurity.

This symbol is familiar to over 321,500 workers in 12,600 industrial firms now covered by the Employment Injured Insurance Scheme.

It appears on the nine monochrome stamps sold by banks to employers of five or more industrial workers whose wages do not exceed \$500 a month. The scheme now operates in 12 centres in West Malaysia.

Bradbury Wilkinson, the designers of the SOCSO stamps, have placed bands of overlapping semi-circular machine engraving in red and blue down the sides of each stamp.

The three stamps have different coloured grounds, orange for the 10-cent value and light lemon yellow and a pale bluish grey for the 15-cent and 50-cent denominations.

"Malaysia" in the type familiar on the butterfly definitives is placed across the top, and "Pertubuhan Keselamatan Sosial" with the denominations in



By Annajane Kennard

brownish purple beneath the SOCSO emblem.

The stamps mark a long drawn-out achievement which began with requests for social security benefits after World War II, first met by the Employees Provident Fund of 1951 and the Workmen's Compensation legislation of 1952.

## Two funds

In 1957, Mr. A. E. Goddard of Britain's Ministry of Pensions and National Insurance came out under I.L.O. auspices to study wider social security benefits.

His report led to further studies at high level. In 1965 the help of India's Deputy Commissioner of Insurance, Mr. (now Tan Sri) N. A. Ambo was provided by the Technical Co-operation Scheme of the Colombo Plan.

His report, welcomed by trades unions and employers, found expression in the Social Security Act of 1969. The Act set up the Social Security Organisation, an advisory council on which the unions and employers, the medical profession and responsible Ministries are represented, and an Appellate Board to settle claims.

It provided two funds, the first of which, the Employment Injury Insurance Scheme, is financed by employers' contributions to cover injuries occurring at work.

Mr. Ambo returned to start the pilot scheme in Johore in 1971 and to see its extension to Kuala Lumpur and Petaling Jaya and then to Ipoh and Georgetown in June and July, 1972.

A government subsidy of over \$1 million brought

the centres served by the scheme to twelve at the end of last year. Further centres are being opened in West Malaysia and there are plans for centres in Sabah and Sarawak.

Meantime registration is in train for the second fund, the Invalidity Pensions Scheme to cover disease and injury arising from any cause. Workers will contribute one per cent of the weekly wage of those earning less than \$500 a month.

Malaysia's social security plans are flexible and the inclusion of farmers and fishermen as well as wage earners of larger sums, and of maternity benefits are under consideration.

## Local themes

The three SOCSO stamps printed in four-colour lithography by Harrison and Sons are on unwatermarked white paper. There is plenty of room for them on the official first-day covers now on sale, which bear the SOCSO emblem in shades of blue and include a descriptive brochure.

The new stamps are the first of five Malaysian commemorative issues this year. Two more have local themes; a set for the 10th Anniversary of Malaysia with 10, 15 and 50-cent stamps, and a set for the first anniversary of MAS, the Malaysian Airlines System (15, 30 and 50-cent). They are due at the end of August and the beginning of October.

The other sets have pairs of stamps to mark international anniversaries.

The 25th anniversary of WHO, the World Health Organisation, will be marked by 30 and 75-cent stamps in August and the 50th anniversary of the International Police Organisation, Interpol, by 25 and 75-cent stamps in September.



Logo baharu PERKESO dilancarkan secara rasmi oleh Menteri Buruh dan Tenaga Kerja, YB Tan Sri Lee Kim Sai.



## IDENTITI KAMI

### PERKESO - SIMBOL KESELAMATAN SOSIAL

Pada Januari 1971, sewaktu penubuhan PERKESO, ia diletakkan sebagai sebuah jabatan di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Kerja. Keputusan yang bersejarah telah dibuat pada tahun 1985 apabila statusnya diubah daripada sebuah jabatan di bawah Kementerian kepada sebuah badan berkanun.

Perubahan tersebut menandakan bermulanya era baharu bagi PERKESO kerana ia boleh dengan sendirinya memperbaharui, mengemaskini kesemua keputusan-keputusan berkaitan polisi serta meningkatkan kualiti perlindungan keselamatan sosial kepada setiap pemegang taruh.

Bersempena detik bersejarah tersebut, logo baharu telah dilancarkan yang memaparkan tiga heksagon yang setiap satunya mempunyai imej abstrak figura, digabungkan untuk mewakili ketiga-tiga elemen Kerajaan, majikan dan pekerja - selaku teras utama pertumbuhan ekonomi, kestabilan serta pembangunan negara kita.

Simbol penyatuan dan saling kebergantungan tersebut tetap tidak berubah sepanjang kewujudannya sejak lima dekad yang lampau dan ianya kekal relevan hingga ke hari ini.



Pensyarah Institut Teknologi MARA, En. Ahmad Khiri bin Mohd. Zain, pemenang peraduan "Mencipta Logo Baru PERKESO".  
(Berita Harian, 10 Mei 1986)

## IDENTITI KAMI

PERKESO SEBAGAI SIMBOL  
KESELAMATAN SOSIAL

1971



Logo PERKESO memaparkan visual seorang pekerja yang tangannya beranduh di bawah sekaki payung biru terbuka yang membawa maksud perlindungan yang ditawarkan oleh Skim Keselamatan Sosial PERKESO. Mesin di hadapannya adalah simbol fungsi PERKESO yang memberikan bantuan dan pampasan kepada pekerja yang tercedera.

Visual wanita dan kanak-kanak di sebelah kanan mewakili tanggungan beliau yang dibantu oleh bayaran elaun dan kos pengebumian sekiranya berlaku kemalangan

maut. Kerusi roda mewakili penjagaan perubatan yang disarankan oleh anggota-anggota panel Doktor Skim, termasuk anggota palsu, alat pendengaran, cermin mata, gigi palsu serta rawatan rehabilitasi.

Grafik kunci di bahagian kiri memaparkan kemajuan ketara yang diteroka oleh Malaysia dalam mengembangkan faedah-faedah keselamatan sosial serta langkah-langkah ekonomi demi mempertingkatkan mutu kehidupan dan keselamatan pekerja.

P E N J E N A M A A N   K A M I

SIMBOL PENYATUAN DAN SALING  
KEBERGANTUNGAN PERKESO



**PERKESO**  
1986



**PERKESO**  
Kini

Logo PERKESO mempunyai tiga (3) heksagon yang setiap satunya mempunyai imej abstrak figura, digabungkan untuk mewakili ketiga-tiga elemen Kerajaan, majikan dan pekerja – selaku teras utama pertumbuhan ekonomi, kestabilan serta pembangunan negara.




YB Tan Sri Dato' V. Manickavasagam melawat pejabat PERKESO di Bangunan Hwa Li, Kuala Lumpur.




Upacara Menandatangani Perjanjian Perjanjian Penyewaan dan Pembelian Alat-alat Komputer antara Ketua Setiausaha Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Encik Lee Cheng Yan dengan Pengerusi Kumpulan PERNAS bagi pihak PERNAS Trading. (Berita Harian, 21 September 1977)



PERKESO memperkenalkan kaedah penggunaan Sistem Caruman Berkomputer yang dirasmikan oleh YB Tan Sri Lee San Choon. (Menteri Sumber Manusia pada 15 Mei 1978)



PERJALANAN  
**LEGISLATIF**  
KAMI




## M O D U L

## MODEL BISMARCK


Model Bismarck (juga dikenali sebagai “Model Insurans Keselamatan Sosial”) merupakan sebuah sistem penjagaan kesihatan yang terhad di mana setiap orang membayar sejumlah yuran yang kemudiannya dikumpul dan digunakan untuk perbelanjaan penjagaan kesihatan yang diberikan oleh sesebuah institusi milik kerajaan negeri atau pusat, mahupun swasta.

Model Bismarck telah dicipta oleh Otto von Bismarck pada tahun 1883 yang memfokuskan usaha untuk memberikan rawatan kepada pekerja serta ahli keluarga mereka. Sejak Model Beveridge 1946 yang pertama diperkenalkan, ia berfokuskan kepada penyediaan penjagaan kesihatan sebagai hak asasi manusia menerusi percukaian, hampir setiap sistem Bismarck menjadi universal dan sesebuah negara membekalkan insurans atau perlindungan kepada mereka yang kurang berkemampuan.



Canselor Prussia Otto von Bismarck

Model terbabit mengambil nama sempena seorang Canselor Prussia, Otto von Bismarck yang mengilhamkan prinsip negara yang berkebijakan sewaktu menyatukan Jerman pada kurun ke-19. Walaupun diperkenalkan di Eropah, sistem penjagaan kesihatan ini hampir serupa dengan sistem di Amerika yang menggunakan konsep insurans - dipanggil “dana sakit” oleh pihak insurans - lazimnya dibiayai secara bersama oleh pihak majikan dan pekerja menerusi pemotongan gaji.



## UNDANG - UNDANG YANG PERTAMA


### AKTA 4: AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

Ketika cadangan Skim Keselamatan Sosial telah diusulkan, kesemua 82 cadangan telah diterima dan diluluskan sebulat suara di setiap peringkat kerana adalah amat jelas bahawa ia melindungi sebarang kemungkinan kecederaan pekerjaan, penyakit-penyakit berkaitan pekerjaan serta hilang upaya yang mempunyai dua kali ganda nilai berbanding Skim Pampasan Pekerja yang sedia ada pada waktu itu.

PERKESO telah diamanahkan untuk mentadbir dan menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

Skim-skim di bawah Akta 4 membolehkan PERKESO untuk memberikan rawatan perubatan percuma, kemudahan untuk rehabilitasi fizikal mahupun pekerjaan serta bantuan kewangan kepada pekerja seandainya berlaku kemalangan atau penyakit yang mengurangkan daya upaya mereka untuk bekerja, ataupun mengakibatkan mereka hilang upaya. Jika ada pekerja yang meninggal dunia, waris tanggungan mereka akan menerima bantuan kewangan melalui pembayaran pencen.

Pekerja asing juga dilindungi di bawah Akta 4, manakala mereka yang bekerja sendiri pula dipayungi oleh Akta 789. Kedua-dua kumpulan sasar tersebut hanya layak menerima bantuan daripada Skim Bencana Pekerjaan.



Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 adalah undang-undang Malaysia yang digubal untuk memberikan jaminan keselamatan sosial.

PERUNDANGAN PERTAMA

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 (AKTA 4)



“Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan agar Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerja dibaca untuk kali kedua. Skim yang dicadangkan yang terkandung dalam RUU ini patut dijalankan bagi semua perusahaan dengan pekerja lima atau lebih yang menerima gaji sehingga \$500 sebulan. Oleh itu, pekerja yang diupah untuk menjalankan pekerjaan bukan buruh, yang memperoleh gaji lebih dari \$400 hingga \$500 sebulan, yang kini tidak dilindungi di bawah Ordinan Pampasan Orangkerja, juga akan dilindungi dan mendapat faedah di bawah Skim yang dicadangkan ... “

Abdul Ghafar bin Baba (Allahyarham Tun)  
- 26 Februari 1969

Dari sudut sejarah keselamatan sosial di Malaysia, Akta 4 merupakan detik bermulanya keselamatan sosial di negara kita. Sebelum Akta 4 tersebut, terdapat Ordinan Pampasan Orangkerja 1952 yang mempunyai banyak kelemahan yang memberi impak secara langsung terhadap nilai pampasan mahupun liabiliti majikan, lantas membuka kemungkinan mereka mengelak daripada tanggungjawab yang sepatutnya mereka pikul.

Diketuai oleh Tan Sri A. N. Ambo pada tahun 1965, usaha merangka serta memperhalusi pelbagai ulasan awal daripada pihak-pihak berkuasa serta perbahasan parlimen mengenai Akta 4 telah mengambil masa sekitar tiga tahun.



1969

Bacaan kedua dan ketiga Akta dilakukan oleh Allahyarham Tun Abdul Ghafar bin Baba yang mengusulkan agar Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerja dibaca.



Bangunan Parlimen

Tun Abdul Ghafar bin Baba mencadangkan Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerja untuk dibaca. Cadangan-cadangan di dalamnya bakal digunakan oleh setiap syarikat perniagaan yang mempunyai sekurang-kurangnya lima orang pekerja yang setiap seorang daripadanya menerima gaji sehingga RM500 sebulan.

Pada permulaannya, Rang Undang-Undang berkenaan dijangka bakal memanfaatkan sekitar 150,000 orang pekerja daripada Insurans Bencana Pekerjaan di setiap kawasan yang dicadangkan iaitu Georgetown, Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Ipoh serta Johor Bahru. Manakala Skim Keilatan pula dianggarkan mampu memberi faedah kepada lebih 800,000 pekerja di seluruh negara.

Akta terbabit disasarkan untuk melindungi pekerja di Malaysia serta memastikan kesaksamaan di kalangan warganegara, tanpa mengira status masing-masing. Ianya diharap dapat menjana persekitaran tempat kerja yang lebih selamat dan melindungi pekerja seandainya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini di tempat kerja.

Biarpun sekadar di peringkat cadangan, telah muncul desakan agar keselamatan sosial dijadikan lebih komprehensif demi melindungi kebajikan bukan setakat pekerja mahupun majikan, malah individu yang bekerja sendiri, nelayan, petani serta buruh kasar. Laungan sokongan sebegitu telah rancak dibincang dan dibahaskan, namun ianya tetap mengambil beberapa tahun sebelum dapat dilaksanakan.

Dalam melancarkan skim tersebut, pihak Kerajaan telah menampung kos-kos pentadbiran di peringkat awal rancangan tersebut.

Adalah agak menarik melihat Akta yang semula itu bukan hanya dibincang dan dibahaskan, terdapat juga pihak-pihak yang mendesak agar pekerja yang masih dalam rehabilitasi kecederaan dibenarkan untuk terus bekerja. Pada mereka, yang demikian itu adalah lebih baik berbanding dikategorikan sebagai mempunyai kecacatan fizikal yang tidak mampu untuk mendapat sebarang peluang pekerjaan lain.

Ketika perbahasan di Dewan Negara, Tun Musa bin Hitam berasa amat berbangga menyaksikan langkah padu yang berwawasan untuk membentangkan Akta tersebut, apatah lagi apabila dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Indonesia, Filipina mahupun Singapura yang tidak mempunyai skim sebegitu.

Pelbagai perkara telah dibincangkan agar pekerja di bandar dan luar bandar menerima layanan yang sama rata, memastikan agihan bayaran pampasan dapat dilaksanakan secara adil dan cepat, khususnya jika bencana melanda. Terdapat perbahasan yang menyentuh soal pampasan hilang upaya di mana waris-waris tanggungan cuma menerima pampasan jika kematian pekerja terjadi dalam keadaan yang luar biasa, seperti wabak atau penyakit telah dibangkitkan bahawa kematian yang berpunca daripada sebarang sebab sekalipun tetap meninggalkan kesan kepada waris-waris tanggungan. Oleh itu, pampasan seharusnya tetap disalurkan tanpa mengambil kira punca kematian.



*Parlimen ditangguh*

◦ 1971

Persidangan parlimen yang pertama diadakan pada 22 Februari 1971 setelah ditangguhkan selama 21 bulan ekoran insiden 13 Mei 1969.





All employees in Johore earning less than \$500 and working in industries employing five or more people will automatically come under the protection of social security from tomorrow.

Announcing this today in a Radio and TV broadcast, Labour Minister Tan Sri V. Manickavasagam said that it would not only herald the dawn of social security in the country but would also put Malaysia on the map of world social security.

Registration would also commence tomorrow in Kuala Lumpur and Petaling Jaya for employers who qualify.

Before the year ends, it is hoped that employers in Johore and Malacca



MANICKA

... positive response to scheme

will have been regularised. After this is done, registration of employers will follow and at the end of which, the scheme will be ready for implementation.

The Minister said 12 more centres had been selected to introduce the scheme throughout Malacca next year.

**Response**

In East Malaysia, however, the scheme would not be implemented for the present although the Employee Social Security Act applies to the whole country.

urging employers to respond in a positive way to the scheme. Tan Sri Manickavasagam said:

101  
**Launched:  
That  
social  
security  
scheme**

By UNNY KRISHNAN:  
Kuala Lumpur, Thursday

"The importance of social security as an economic factor in stimulating economic growth is acknowledged everywhere.

"It contributes to the provision of human resources without which economic development cannot take place.

"It assists in maintaining the capacity of the productive sector by producing the health of workers. It maintains the United States force by establishing vocational training services and schemes for vocational rehabilitation of the disabled. It also ensures stability of manpower.

"Once you come under the scheme, your obligation and liability under the existing Workmen's Compensation Ordinance would automatically cease."

"And your greatest benefit is that your employees

would be freed from the fear of economic insecurity not only for himself but for his family also."

Benefits under the scheme include cash payment for temporary disability, permanent disability, payment of pension etc. included. (Continued)

**Benefits**

The Minister praised doctors in Johore Bahru who had responded to the Social Security Organisation's call to them for cooperation as panel doctors to make the scheme a success.

He assured workers in the traditionally agricultural sector that they would eventually be covered by the scheme like their colleagues in the modern agricultural sector.

Skim Perlindungan Keselamatan Sosial PERKESO dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Tun Abdul Razak bin Hussein, diiringi oleh YB Tan Sri Dato' V. Manickavasagam, Menteri Buruh dan Tenaga Kerja, YB Tan Sri Lee San Choon, Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Kerja dan Encik S. Kumar, Ketua Pengarah PERKESO di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 1 Jun 1972.



Skim Perlindungan Keselamatan Sosial PERKESO dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Tun Abdul Razak bin Hussein, diiringi oleh YB Tan Sri Dato' V. Manickavasagam, Menteri Buruh dan Tenaga Kerja di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.



Peringkat pertama Pelan Bencana Pekerjaan dilancarkan oleh Perdana Menteri, YAB Tun Abdul Razak bin Tun Hussein di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Akta 4 telah dilulus dan disokong sebulat suara oleh parti-parti kerajaan dan pembangkang sebagai sebuah skim yang mampu memberi faedah kepada majikan serta pekerja di saat mereka memerlukan bantuan. Di bawah skim berkenaan, pekerja akan layak menerima faedah seperti pencen ilat, faedah hilang upaya, faedah orang tanggungan, faedah pengurusan mayat serta faedah perubatan.

En. Mohd. Zahir bin Hj. Ismail (Sungai Petani) memperjuangkan agar skim terbabit dipanjangkan kepada pekerja yang tiada pekerjaan buat seketika, disebabkan oleh penutupan kilang atau pejabat, ataupun ditamatkan perkhidmatan. Adalah dicadangkan agar bantuan disalurkan kepada mereka yang terlibat selagi mereka masih aktif mencari pekerjaan baharu.

Secara umumnya, Parti Perikatan melihat Akta ini sebagai sangat bermanfaat kepada majikan serta pekerja dan telah dilaksanakan pada peringkat awal. Kehendak umum menentukan bahawa skim berkenaan tidak hanya melibatkan majikan yang mempunyai lima orang pekerja sahaja, malah perlu dibuka untuk sesiapa sahaja.

Pada tahun 1980, Skim Perlindungan PERKESO telah berjaya dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia dan menjelang 1987 ke seluruh Sabah dan Sarawak juga.

Pada tahun 1993 pula, PERKESO mengumumkan bahawa Skim Keselamatan Sosial Pekerja tidak merangkumi pekerja asing di dalam bilangan minima lima orang pekerja yang disyaratkan oleh skim berkenaan.

**“Tuan Speaker, saya berdiri untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian Buruh kerana telah berjaya membentangkan Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerja demi kepentingan pekerja di negara kita. Saya ambil maklum bahawa Rang Undang-Undang terbabit merupakan salah satu daripada Rang Undang-Undang yang begitu dinanti-nantikan oleh golongan pekerja. Saya sedar ada dalam kalangan pekerja yang tidak menduga bahawa kerajaan kita - Kerajaan Perikatan - mampu serta berani menerima Rang Undang-Undang sebegini yang pada luarnya kelihatan sungguh lengkap dan sekiranya dikaji dari sudut perspektif jangka panjang, ia akan memelihara keselamatan serta kedudukan golongan pekerja di negara ini ...”**

**Tun Musa Hitam**  
11 Februari 1969



Empat peristiwa penting menjadi tonggak kejayaan YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam sepanjang perkhidmatan beliau selaku Menteri Sumber Manusia antara tahun 2008-2013.

Tiga daripadanya menjamin peningkatan faedah keselamatan sosial untuk jutaan pekerja di Malaysia, iaitu:

1. Memperkenalkan Gaji Minimum.
2. Menaikkan had umur persaraan kepada 60 tahun kepada pekerja perkhidmatan awam dan swasta.
3. Membina Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak yang serba canggih demi memastikan tenaga kerja yang kekal produktif.

Kejayaan keempat adalah Program *Return To Work* (RTW) yang akan dikupas lebih lanjut di dalam Bab 3.

Lapan tahun kemudian, pada tahun 2021, YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam mengenang kembali pencapaian beliau dengan penuh bangga dan bersemangat.



**“Dengan adanya PERKESO, semua pembangunan dan penambahbaikan faedah pekerja akan dapat dilakukan. Ianya merupakan sebuah kejayaan yang besar untuk mempunyai pangkalan data kira-kira lapan juta pekerja sehingga kini. Disebabkan oleh struktur dan pangkalan data sedia ada, yang boleh kita tentu-sahkan pada bila-bila masa juga, kita mampu bergerak ke hadapan dengan lebih mudah untuk melaksanakan sebarang polisi atau amalan baharu.”**

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam**  
Menteri Sumber Manusia dari 2008-2013

## Pengenalan Gaji Minimum Dan Meningkatkan Umur Persaraan Kepada 60 Tahun

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam menegaskan bahawa Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 adalah mercu tanda penting bagi sejarah PERKESO kerana Malaysia bukanlah sebuah negara berkebajikan seperti Sweden dan Belanda. Menurut beliau, memperkenalkan Gaji Minimum dan menaikkan had umur persaraan kepada 60 tahun merupakan dua kejayaan besar bagi pekerja.

Kepentingan Gaji Minimum bermaksud semua pekerja bakal meraih faedah daripada peningkatan faedah keselamatan sosial, termasuk pekerja asing. Ianya berkait rapat dengan soal gaji dan caruman yang menghasilkan pertambahan faedah keselamatan sosial buat semua pekerja dan tanggungan mereka.

Masih segar di ingatan beliau bagaimana hebatnya tentangan sewaktu cuba memperkenalkan Gaji Minimum tersebut. “Pihak pembangkang sungguh lantang bersuara. Lazimnya, kita menyaksikan bantahan daripada pihak pekerja, namun pada waktu itu, ramai majikan yang menaiki Mercedes Benz dan BMW telah datang ke Pejabat Pentadbiran kami untuk membantah. Bukanlah mudah untuk mengatasi tentangan sedemikian rupa.”

Keperluan untuk memperkenalkan Gaji Minimum tersebut adalah kritikal kerana ramai pekerja pada waktu itu berkhidmat di kilang-kilang serta syarikat-syarikat kecil dengan gaji bulanan sekitar RM600-RM700. Setelah penolakan caruman dibuat, kebanyakan mereka memang hidup dalam kemiskinan yang sangat daif.

**“Saya menerapkan prinsip penyatuan serta mengingatkan bahawa wang PERKESO adalah milik rakyat dan tidak boleh dikeluarkan atau digunakan untuk sebarang tujuan lain. Ia adalah di bawah pengurusan dan jagaan pihak Kerajaan.”**

Keluhan isu gaji minimum tercetus apabila pengawal-pengawal keselamatan yang bergaji asas RM150 sebulan tetapi membawa pulang pendapatan bulanan mencecah RM1,200 melalui elaun kerja lebih masa. Walau bagaimanapun, bagi mereka, caruman PERKESO hanyalah berdasarkan gaji asas.

Sehingga tahun 2020, paras gaji asas telah meningkat sebanyak 70% berbanding RM900 pada mulanya. Kenaikan gaji untuk kesemua pekerja adalah signifikan memandangkan pekerja bakal menerima faedah daripada jumlah caruman PERKESO yang lebih banyak, lantas lebih menjamin keselamatan sosial demi masa depan mereka.

### Skim bagi Kehilangan Pekerjaan

Skim lain yang dicetuskan selama tempoh perkhidmatan YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam tetapi dilaksanakan kemudian, adalah berkenaan kehilangan pekerjaan apabila syarikat ditutup. “Saya ingat lagi peristiwa di mana sebuah ladang di Setiawan jatuh mufliis, syarikat itu disita dan pekerja tidak mendapat pampasan. Dalam kes sedemikian, golongan berpendapatan rendah akan terjejas teruk dan tidak dilindungi. Pada tahun 2017, Parlimen meluluskan Akta yang mewajibkan agar majikan dan setiap pekerja menyumbang 0.2% daripada gaji mereka. Ini termaktub dalam Sistem Insurans Pekerjaan.”



### Peranan PERKESO sebagai Pelindung

“Saya menerapkan prinsip penyatuan serta mengingatkan bahawa wang PERKESO adalah milik rakyat dan tidak boleh dikeluarkan atau digunakan untuk sebarang tujuan lain. Ia adalah di bawah pengurusan dan jagaan pihak Kerajaan,” ujar beliau.

“PERKESO seharusnya patuh kepada pegangan prinsip-prinsip tingginya yang tersendiri. Ia perlu memperjuangkan serta menjamin tanggungjawabnya pada masa ini dan juga di masa-masa akan datang demi melindungi hak-hak keselamatan sosial semua pekerja di hari muka.”

### Kepuasan Peribadi

Apabila ditanya perihal perasaan YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam terhadap kejayaan-kejayaannya semasa berkhidmat selaku Menteri Sumber Manusia, beliau menjawab, “Saya menganggap itu semua sebagai satu penghormatan untuk melakukan sedemikian. Bukan semua orang berpeluang melakukan apa yang telah saya usahakan. Jika sesuatu itu kita lakukan dengan tekun, masa yang dihabiskan dapat melahirkan rasa puas hati yang tidak terhingga. Ianya saya lakukan bukan untuk mengharapkan pujian”. Rasa syukur pekerja terhadap YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam diterjemahkan dalam episod yang beliau kongsi. “Semasa Pilihanraya 2013, Kongres Kesatuan Pekerja (MTUC) tampil keluar berkempen untuk saya. Mereka meluahkan penghargaan ke atas apa yang telah saya lakukan kepada pekerja. Adalah sangat luar biasa melihat MTUC menyokong seorang Menteri Kerajaan kerana selalunya, merekalah yang membangkang Kerajaan!” kata beliau secara berseloroh.

## A K T A 7 8 9

## AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI 2017

Apabila Akta 4 mula dikuatkuasakan, terdapat cadangan agar semua pekerja ditawarkan perlindungan yang mereka mampu miliki, termasuk bagi nelayan, pekerja estet dan mereka yang bekerja sendiri di pelbagai sektor.

Walau bagaimanapun, ianya tidak mungkin berlaku di bawah Akta 4 kerana ia khusus untuk pekerja yang digaji. PERKESO membangkitkan isu keselamatan sosial untuk meliputi mereka yang berniaga sendiri dan peniaga gerai, selaras dengan prinsip keadilan sosial sejagat yang digariskan di bawah Artikel 23, Deklarasi Hak-Hak Manusia 1948, *Convention 102*, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) berkaitan Standard Minimum Keselamatan Sosial 1952 serta Cadangan-Cadangan 202 (R202 ILO) mengenai *Social Security Protection Floor 2012*.

Usaha-usaha telah dibuat untuk mengkaji, memperhalusi serta memanjangkan jaringan keselamatan sosial kepada golongan yang bekerja sendiri yang tidak terikat dengan sebarang kontrak perkhidmatan dengan mana-mana majikan serta mereka yang tidak dipayungi di bawah sebarang perlindungan keselamatan sosial.

Pada mulanya, Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri dirangka untuk pemandu-pemandu teksi yang bekerja sendiri ataupun mereka yang menjalankan perkhidmatan seumpamanya memandangkan mereka pada umumnya lebih terdedah kepada risiko kemalangan.



Menerusi Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan Akta 2016, Akta A1508), PERKESO telah menggubal intipati Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri seterusnya memberikan ia bidang kuasa untuk melaksanakan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri.

Ianya merupakan langkah pertama ke arah perlindungan sebelum melanjutkannya kepada sektor-sektor tidak formal yang lain. Oleh kerana ada ramai pemandu teksi yang bekerja sendiri, wujud keperluan untuk mengadakan suatu skim keselamatan sosial untuk mereka.

Cadangan tersebut mengambil kira faktor-faktor berikut:

- (i) Kebarangkalian mereka yang bekerja sendiri terlibat dalam kemalangan jalan raya adalah tinggi sedangkan hanya segelintir kecil yang mempunyai skim insurans peribadi; dan
- (ii) Sakit atau kematian yang berlaku akibat daripada aktiviti-aktiviti bekerja sendiri.

Cadangan berkenaan telah diumumkan oleh pihak Kerajaan pada 1 Julai 2012. Seperti yang dijanjikan sewaktu pembentangan Belanjawan 2017 pada 21 Oktober 2016, RM60 juta telah diperuntukkan sebagai pemberian geran untuk melancar dan melaksanakan Skim Keselamatan Sosial bagi pemandu teksi yang bekerja sendiri.



PERKESO melalui Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2016 [Akta A1508] telah menggubal Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri, yang memberinya kuasa untuk melaksanakan skim keselamatan sosial tersebut.

## A K T A 8 0 0

AKTA SISTEM INSURANS  
PEKERJAAN 2017


Pada tahun 2010, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) telah dilantik untuk mengendalikannya satu kajian terperinci mengenai Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) daripada tiga sudut - perundangan, rangka kerja operasi dan aktuari. Pelaksanaan kajian tersebut melibatkan ahli jawatankuasa projek daripada tiga pihak, terdiri daripada wakil-wakil Kerajaan, pekerja dan majikan. Kementerian Sumber Manusia juga mengadakan sesi libat urus secara komprehensif dengan pemegang taruh, termasuk mengadakan aktiviti ke seluruh negara untuk mendapatkan maklum balas mengenai cadangan pelaksanaan SIP.

Selepas beberapa bacaan di dalam Kamar pada 25 Oktober 2017, Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-Undang Sistem Insurans Pekerjaan ataupun RUU SIP 2017 bersama pindaan yang bakal dibuat di peringkat jawatankuasa.

Pindaan terbabit menyentuh 18 klausa mengenai caruman serta peruntukan-peruntukan yang berkaitan di dalam Jadual Kedua dan Jadual Ketiga.

Rang Undang-Undang SIP 2017 dirangka untuk menyediakan sebuah program jaringan keselamatan sosial yang mengandungi dua komponen utama iaitu insurans pekerjaan dan perkhidmatan pekerjaan. Insurans pekerjaan adalah kritikal untuk membantu pekerja yang kehilangan kerja dengan pemberian faedah sementara dalam bentuk kewangan.

Perkhidmatan pekerjaan pula membantu pencarian dan penempatan kerja, kaunseling kerjaya, program-program latihan serta perkhidmatan-perkhidmatan lain untuk Orang Berinsurans yang telah kehilangan kerja. Akta baru tersebut dicadangkan selepas kajian komprehensif dijalankan mengenai pelaksanaan SIP. Lembaga Penasihat Ekonomi Kebangsaan di dalam Model Ekonomi Baru yang diterbitkan pada 2010 telah mencadangkan agar SIP dilaksanakan sebagai satu daripada lima langkah polisi utama untuk merealisasikan transformasi di tempat kerja.



Rekabentuk Sistem Insurans Pekerjaan untuk Malaysia terbitan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).



“Di bawah Akta Kerja 1955, jumlah faedah pemberhentian kerja adalah berdasarkan tempoh perkhidmatan dengan seseorang majikan yang sama. Ini menyebabkan pekerja yang telah berkhidmat kurang daripada lima tahun sebelum diberhentikan menerima faedah pemberhentian kerja secara sekali bayar yang kebiasaannya tidak mencukupi untuk menanggung perbelanjaan selepas diberhentikan. Tambahan pula, terdapat kes-kes pekerja yang diberhentikan tanpa pampasan apabila ditinggalkan oleh majikan, syarikat mengalami likuidasi ataupun mufliis.”

Akta yang dikemukakan tersebut bertujuan membantu mereka yang kehilangan pekerjaan, khususnya sewaktu kemelesetan ekonomi. Sebagai sebuah negara yang diintegrasikan ke dalam rantai ekonomi global, risiko pendedahan terhadap impak kemelesetan ekonomi tidak dapat dielakkan.

Kesimpulannya, SIP dilihat sebagai penstabil sewaktu kemelesetan ekonomi kerana faedah yang diberikan merupakan pendapatan asas kepada golongan yang telah kehilangan kerja. Ianya juga menyokong perbelanjaan pengguna. Seandainya ekonomi berkembang secara normal, SIP dijangka dapat mengurangkan keperluan simpanan kecemasan dalam kalangan pekerja kerana mereka dilindungi sekiranya diberhentikan kerja. Ini akan membantu menstabilkan perniagaan serta melonjak aktiviti ekonomi yang akan membantu komuniti perniagaan.

Ramai tidak menyedari betapa pentingnya peranan Akta SIP semasa pandemik yang melanda dunia pada 2019 dan Malaysia pada 2020 dan 2021.

66	DN 18.12.2017
<p>Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 iaitu suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi sistem insurans pekerjaan yang ditadbir oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk menyediakan faedah-faedah tertentu dan program penempatan pekerjaan semula kepada orang berinsurans sekiranya berlaku kehilangan pekerjaan yang akan menggalakkan dasar pasaran buruh aktif dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.</p>	
<p>Pada 25 Oktober 2017 yang lalu, Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan atau RUU SIP 2017 ini dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa. Untuk makluman awal Dewan yang mulia, pindaan tersebut meliputi fasal 18 mengenai caruman dan peruntukan yang berkaitan dalam Jadual Kedua dan Jadual Ketiga.</p>	
<p>Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat sekalian, Sistem Insurans Pekerjaan atau ringkasnya SIP merupakan program jaringan keselamatan sosial yang terdiri daripada dua komponen utama iaitu satu, insurans pekerjaan dan perkhidmatan pekerjaan. Insurans pekerjaan membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan dengan menyediakan faedah-faedah berbentuk bantuan kewangan sementara.</p>	
<p>Perkhidmatan pekerjaan pula, menyediakan bantuan carian pekerjaan, penempatan pekerjaan, kaunseling kerjaya, program latihan dan lain-lain kepada orang berinsurans yang kehilangan pekerjaan bagi membantu mereka mendapatkan pekerjaan baru. Kerajaan telah mengkaji cadangan pelaksanaan SIP secara komprehensif daripada pelbagai sudut. Majlis Penasihat Ekonomi Negara dalam Model Baru Ekonomi yang diterbitkan pada tahun 2010 untuk mencadangkan pelaksanaan SIP sebagai satu daripada lima langkah dasar yang penting bagi merealisasikan transformasi tempat kerja ataupun <i>workplace transformation</i>, dengan izin.</p>	
<p>Pada tahun 2010 kerajaan telah melantik Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau ILO untuk menjalankan kajian terperinci berkaitan SIP dalam tiga aspek utama iaitu perundangan, kerangka operasi dan aktuari. Pelaksanaan kajian ini melibatkan <i>tripartite project committee</i>, dengan izin, yang dianggotai oleh wakil kerajaan, wakil pekerja dan majikan. Kementerian Sumber Manusia juga telah mengatakan libat urus yang menyeluruh dengan pihak pemegang taruh ataupun <i>stakeholders</i> termasuk <i>road show</i> ke seluruh negara bagi mendapatkan maklum balas mengenai cadangan pelaksanaan SIP.</p>	
<p>Kementerian Sumber Manusia seterusnya telah memberitang cadangan pelaksanaan SIP kepada kerajaan melalui Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara, Majlis Ekonomi dan Jemaah Menteri. Secara amnya Tuan Yang di-Pertua, tiga pertimbangan utama kerajaan dalam melaksanakan SIP adalah seperti berikut.</p>	
<p>Pertama, menambah baik perlindungan keselamatan sosial sedia ada bagi pekerja kehilangan pekerjaan, peruntukan sedia ada berkaitan faedah penamatan kerja dinyatakan di bawah Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh Sabah (Bab 67) dan Ordinan Buruh Sarawak (Bab 76). Walau bagaimanapun, liputan ketiga-tiga perundangan ini adalah hanya kepada pekerja sektor swasta yang bergaji sehingga RM2,000 di Semenanjung Malaysia atau RM2,500 bagi Sabah dan Sarawak atau pekerja manual tanpa mengira had gaji.</p>	
<p>Undang-undang ini juga menetapkan jumlah faedah penamatan pekerja mengikut tempoh perkhidmatan dengan majikan yang sama menyebabkan pekerja yang berkhidmat kurang daripada lima tahun sebelum diberhentikan akan menerima faedah penamatan secara <i>lump sum</i> yang tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan selepas diberhentikan. Di samping itu, terdapat juga kes pekerja diberhentikan tidak mendapat pampasan apabila majikan melarikan diri, syarikat mengalami likuidasi ataupun mufliis.</p>	
<p>Bagi pekerja yang tidak diliputi oleh ketiga-tiga perundangan tadi pula, mereka tertakluk kepada kontrak perkhidmatan atau boleh diliputi oleh perjanjian kolektif berkaitan dengan faedah penamatan kerja. Sekiranya kontrak perkhidmatan atau perjanjian kolektif tidak mengandungi apa-apa terma faedah penamatan pekerja, majikan tidak berkewajipan untuk membayar faedah penamatan jika pekerja tersebut diberhentikan kerja. Dalam erti kata lain, faedah penamatan kerja sedia ada tidak meliputi semua golongan pekerja sektor swasta berbanding cadangan pelaksanaan SIP yang akan merangkumi semua pekerja tempatan dalam sektor swasta.</p>	

Hanya selepas tiga hari bersara daripada Kementerian Sumber Manusia, YBhg. Dato' Mohd Sahar bin Darusman telah dipanggil untuk kembali berkhidmat. Ketua Eksekutif PERKESO pada waktu itu telah memohon kepakarannya untuk membantu SIP yang ketika itu masih di peringkat draf Rang Undang-Undang untuk dibahaskan di Parlimen.

Beliau masih ingat betapa banyaknya cabaran sebelum Akta SIP diluluskan. “Perdana Menteri, Jawatankuasa Menteri-Menteri serta wakil sektor swasta telah diberi taklimat sebanyak empat kali dalam tempoh lebih 10 tahun, sebelum Akta tersebut dilulus dan digazetkan,” kata Dato' Mohd Sahar.

Pada suatu sesi persidangan terakhir di Parlimen, terdapat perbahasan yang panjang mengenai Akta SIP. Warga kerja PERKESO telah berkumpul di bangunan Parlimen manakala Ketua Eksekutifnya pula terpaksa menunggu di pejabat Perdana Menteri untuk mendapatkan tandatangan beliau. Akhirnya, pada tepat jam 12.15 tengah malam pada 27 Disember 2017, Akta SIP telah diluluskan di Dewan Negara. Ia mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2018, bermakna PERKESO hanya mempunyai tujuh hari untuk membuat persediaan bagi pelaksanaan Akta tersebut, dengan bantuan tiga orang kakitangan sahaja.



Salah satu daripada isu hangat berkenaan Akta SIP adalah kadar caruman yang dikenakan. Setelah menerima banyak bantahan, persetujuan telah dicapai untuk mengenakan kadar caruman 0.2% bagi kedua-dua pihak majikan dan pekerja. Ini adalah lebih rendah berbanding dengan kadar caruman 1% yang dicadangkan dalam piawaian antarabangsa sebelum ini.

Fokus PERKESO terhadap kelulusan Akta SIP adalah semata-mata untuk membantu golongan pekerja yang menghadapi risiko diberhentikan kerja. Dengan kadar caruman yang ditetapkan, pekerja boleh menerima faedah melebihi RM10,000 untuk enam bulan seterusnya, membuktikan kehebatan perlindungan insurans PERKESO.

Majikan berasa terbeban dan kurang bersetuju dengan beberapa transformasi yang bakal berkuatkuasa hampir serentak. Tentangan mereka mula kelihatan baik di luar mahupun di dalam Parlimen. PERKESO terpaksa menyakinkan pihak pembangkang dan juga menteri dalam usaha mendapatkan sokongan sebulat suara.

Akta SIP menjadi pemangkin yang menyemarakkan beberapa lagi inisiatif lain, di mana ada di antaranya yang masih dilaksanakan sehingga hari ini. Semasa pandemik, pihak Kerajaan mengenalpasti PERKESO sebagai wadah terbaik mereka untuk menyalurkan bantuan, bukan sahaja kepada pekerja malah majikan juga.

Menurut Akta SIP, PERKESO dibenarkan membayar faedah berperingkat sehingga 80% daripada gaji setiap pekerja yang hilang pekerjaan selama enam bulan yang berikutnya. Banyak lagi pakej-pakej rangsangan lain yang turut ditawarkan melalui Akta tersebut di bawah Pelan Pemulihan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

**“Semasa pandemik, pihak Kerajaan mengenalpasti PERKESO sebagai wadah terbaik mereka untuk menyalurkan bantuan, bukan sahaja kepada pekerja malah majikan juga.”**

Namun begitu, Akta SIP kini cuma melindungi pekerja yang bergaji tetapi tidak bagi mereka yang bekerja sendiri. Telah dicadangkan supaya golongan yang bekerja sendiri turut dilindungi di bawah Akta ini dengan nilai caruman 0.4% bagi melayakkan mereka untuk menerima perlindungan penuh. Cadangan ini masih diusahakan.

Pelaksanaan Akta SIP telah memanfaatkan hampir 140,000 pekerja, di mana PERKESO telah membayar lebih daripada RM16 juta kepada mereka yang hilang pekerjaan akibat pandemik COVID-19. Kerajaan turut menyalurkan RM4 juta lagi sebagai bantuan kepada pekerja dan majikan di bawah pakej PEMULIH.

Peranan PERKESO yang mementingkan perlindungan keselamatan sosial jelas memartabatkan PERKESO selaras dengan usaha menjayakan Akta SIP.



**Dato' Mohd Sahar Bin. Darusman**  
Ketua Pejabat, Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)



Akta SIP kini cuma melindungi pekerja yang bergaji tetapi tidak bagi mereka yang bekerja sendiri. Telah dicadangkan supaya golongan yang bekerja sendiri turut dilindungi di bawah Akta ini dengan nilai caruman 0.4% bagi melayakkan mereka untuk menerima perlindungan penuh.

## PEMERIKSAAN DAN IMBANGAN KESELAMATAN SOSIAL

PERKESO bekerjasama dengan Kerajaan untuk melindungi pekerja yang mengalami kemalangan dan penyakit kritikal semasa bekerja, Manakala, Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) pula memastikan persekitaran bekerja yang berdaya maju.

MEF yang ditubuhkan pada tahun 1959 merupakan badan swasta dan bebas, berperanan melindungi majikan di Malaysia dengan memastikan dasar Kerajaan tidak memberi kesan negatif kepada perniagaan. MEF menghargai hubungan mereka dengan PERKESO yang membentuk pakatan tiga pihak dengan Kerajaan untuk kepentingan negara, majikan dan pekerja.

YBhg. Datuk Hj. Shamsuddin Bardan, Pengarah Eksekutif, Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), yang mula berkhidmat dengan MEF pada tahun 1983, mengakui bahawa mereka gembira dengan pencapaian PERKESO. Beliau mengakui bahawa penambahbaikan yang dilakukan oleh PERKESO adalah tepat pada waktunya.

“Tiada siapapun dapat menjangka pandemik ini akan melanda. PERKESO melalui SIP telah memperkemaskan sistem teknologi maklumat mereka hingga membolehkan urusan transaksi dilakukan atas talian.” Beliau mengucapkan tahniah kepada PERKESO atas pencapaian tersebut.

Dengan meningkatkan perlindungan keselamatan sosial melalui PERKESO, ianya memberi manfaat untuk mengurangkan bebanan majikan. MEF sentiasa berminat untuk mengambil bahagian dalam usaha-usaha penambahbaikan skim-skim PERKESO dan memberikan maklum balas secara telus dan terbuka.

Pada masa yang sama, MEF memperjuangkan pembahagian kos yang lebih seimbang antara majikan dan pekerja setelah mengambil kira faedah tambahan yang kebiasaannya hadir bersama kos tambahan. Semasa pelaksanaan SIP, MEF telah mengemukakan pandangan mereka mengenai jumlah awal yang diusulkan. Mereka berpuas hati dengan jumlah yang dikurangkan hasil kegigihan dan usaha mereka.

Datuk K. Selvarajah, Ketua Eksekutif PERKESO (2008-2015) menegaskan bahawa pendekatan PERKESO hendaklah sentiasa profesional pada setiap masa. Beliau mengenang kembali beberapa peristiwa di mana pekerja ditimpa kemalangan ataupun menemui ajal, ada majikan yang memohon untuk menambah gaji pekerja terbabit menggunakan tarikh terdahulu supaya waris boleh mendapat perlindungan PERKESO.

“Saya pernah berjumpa dengan Presiden MEF untuk memberikan mereka sedikit masa agar syarat-syarat perlindungan dapat dipatuhi. Persefahaman kami adalah seandainya MEF gagal berbuat demikian, PERKESO akan memulakan prosiding pendakwaan terhadap majikan yang gagal membayar berdasarkan caj-caj perkhidmatan.”

Menurutnya lagi, MEF telah bertemu dengan PERKESO demi mencari penyelesaian yang baik. Komunikasi dua-hala serta pengurusan keselamatan sosial adalah kunci untuk mewujudkan suasana tempat kerja yang harmoni.



**Datuk K. Selvarajah**  
Ketua Eksekutif PERKESO 2008 - 2015

**“Daripada 100 perniagaan yang kami semak, secara purata hanya 10% dari majikan syarikat-syarikat kecil yang gagal mendaftar para pekerja masing-masing.”**

Walaupun PERKESO tidak meningkatkan kadar caruman sejak awal penubuhan mereka, MEF berpandangan ianya amatlah wajar kerana klausa penubuhan mereka pernah disemak semula untuk melindungi setiap pekerja tanpa mengira jumlah gaji. Baru-baru ini, perlindungan juga telah dipanjangkan untuk meliputi pekerja ekonomi gig.

MEF berpandangan inilah masa untuk bergerak ke arah memperkasa pekerja dan menggalakkan majikan untuk lebih kerap berhubung dengan PERKESO. Amatlah penting bagi PERKESO untuk memupuk kesedaran dalam kalangan mereka untuk memastikan perlindungan

PERKESO adalah inklusif terhadap semua yang bekerja untuk menjana pendapatan hidup dan bukan hanya yang menerima gaji.

Tugas MEF adalah untuk memastikan kepentingan majikan turut dipandang berat agar impak kos yang terbabit dipertimbangkan. Sebarang polisi akan diteliti demi mengkaji kesan terhadap pasaran buruh, kos untuk berniaga serta kemampuan pelaburan di Malaysia.

“Yakinlah bahawa MEF akan adil dan rasional dalam mengutarakan pandangan tanpa memihak kepada sesiapa pun.” kata Datuk Hj. Shamsuddin Bardan di akhir temu bualnya.

**“Tiada siapapun dapat menjangka pandemik ini akan melanda. PERKESO melalui SIP telah memperkemarkan sistem teknologi maklumat mereka hingga membolehkan urusan transaksi PERKESO dilakukan atas talian.”**

**Datuk Hj. Shamsuddin Bardan,**  
Pengarah Eksekutif  
Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia  
(MEF)



## T E R A S   K A M I

## NILAI TERAS

## NILAI KORPORAT

PERKESO PRIHATIN adalah budaya yang telah disemai bersama-sama nilai-nilai murni sejagat agar aspirasi keprihatinan dapat direalisasikan dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan demi kesejahteraan pelanggan.

## V I S I

## M I S I

Peneraju Keselamatan Sosial yang Unggul, Komprehensif dan Dinamik.

Memberi Perlindungan Keselamatan Sosial yang Komprehensif Demi Kesejahteraan Sosial Semua, Sepanjang Hayat.

## Nilai Teras Bersama

Pelan Strategik PERKESO 2021 - 2025 didukung oleh nilai-nilai teras bersama seluruh warga PERKESO. Menepati janji dan sentiasa berpegang kepada asas utama Perkhidmatan Awam seperti integriti dan semangat berpasukan. Menyemai nilai-nilai murni seperti SENYUM, SAPA, SALAM, SANTUN dan PRIHATIN (S4P), di samping turut berpegang kepada lima Nilai Teras Bersama dalam mencapai visi dan misi yang dijanjikan.

Nilai Teras Bersama iaitu :

- Komited
- Sinergistik
- Transformatif
- Prihatin
- Kebolehpercayaan



Bab 2  
Perjalanan 50 Tahun Kami

## P I A G A M P E L A N G A N

## MEMBURU KECEMERLANGAN OPERASI

PERKESO adalah organisasi yang bertanggungjawab untuk mentadbir dan menguatkuasa Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, Akta Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri 2017 (Akta 789) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

Demi memastikan ahli-ahli PERKESO menerima perkhidmatan yang terbaik, amat perlu untuk mempunyai polisi-polisi yang jelas dan telus sewaktu menangani kes-kes yang sampai ke perhatian PERKESO.

Pihak pengurusan PERKESO menjamin pemberian perkhidmatan akan mematuhi kesemua Akta yang berkenaan serta memenuhi keperluan yang telah ditetapkan.

Berkelulusan Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Teknologi MARA, En. John Riba mula berkhidmat dengan PERKESO sebagai Pegawai Tadbir di Pejabat PERKESO Negeri Sarawak pada tahun 1996. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengurus di Pejabat PERKESO Bintulu dan memegang jawatan selaku Ketua Cawangan Perancangan dan Dasar, Bahagian Perancangan dan Hal Ehwal Korporat. Selepas itu, beliau ditugaskan sebagai Pengarah di Pejabat PERKESO Negeri Sarawak pada tahun 2015. Seterusnya beliau dipertanggungjawabkan untuk memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) sehingga kini.

**“Sebagai seorang anggota PERKESO saya amat bersyukur dan bangga dapat membantu orang di dalam kesusahan. Saya turut terlibat dalam inisiatif-inisiatif penambahbaikan skim-skim PERKESO.”** jelas Encik John Riba.

Selain daripada memenuhi keperluan pekerja menerusi Akta, PERKESO juga memperkenalkan “Skuad PERKESO Prihatin” dan Program Sinergi Sosial, walaupun ianya bukan teras perniagaan atau termaktub di dalam Akta. Walau bagaimanapun, kedua-duanya merupakan usaha yang ternyata mulia dan melangkaui ekspektasi pelanggan.






**Encik John Riba Marin**  
Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO

Pada tahun 2019, PERKESO juga telah memperluaskan liputan keselamatan sosial kepada Pekerja Asing dalam memberikan perlindungan sama rata hak asasi manusia yang selaras dengan ‘*Convention Equality of Treatment (Accident Compensation)*’ 1925 (C019) di bawah ILO.

PERKESO sentiasa selangkah di hadapan dalam merancang untuk menjadi agensi tunggal keselamatan sosial di mana setiap permohonan yang diterima boleh diproses di dalam satu platform bagi semua lapisan masyarakat. PERKESO akan memperkenalkan Skim Insurans ‘*No Fault Accident*’ supaya semua pekerja yang dilindungi boleh menerima faedah tanpa ada yang tercicir, serta memberi perlindungan kepada suri rumah.

Untuk merealisasikan kesemua itu, PERKESO perlu meningkatkan siling caruman dan caruman minimum demi menjamin kemampunan dana sedia ada di samping meningkatkan jumlah bayaran faedah kepada Orang Berinsurans. En. John berharap PERKESO dapat menjadi sebuah badan keselamatan sosial yang utama dan komprehensif serta mampu melindungi semua rakyat ‘*from Womb to Tomb*’.





**TRANSFORMASI PERKHIDMATAN UNTUK  
PENINGKATAN PRODUKTIVITI**



ARTNER  
FICE  
SERVICE  
CELLENCE  
DUSTRIAL

CUSTOMER

3

## KEPRIHATINAN KAMI

# MEMBAWA HARAPAN MELALUI MANFAAT PENJAGAAN KESIHATAN

PERKESO percaya bahawa jaringan keselamatan sosial yang terbaik merupakan keupayaan untuk menjalani kehidupan berdikari, menjadi ahli komuniti yang bertenaga serta menabur bakti sebagai warganegara yang produktif.

Kepercayaan tersebut menjadikan PERKESO lebih fokus untuk menyediakan program saringan kesihatan untuk pekerja, serta kemudahan rehabilitasi yang canggih dan serba moden, demi menjamin kesejahteraan mereka agar kekal berdikari dan produktif.

Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak - PRPTAR



Kakitangan pemulihan sentiasa bersedia membantu.





## K O M I T M E N   K A M I

PROGRAM SARINGAN KESIHATAN  
(HSP)

Program Saringan Kesihatan (HSP) adalah pemeriksaan kesihatan percuma yang diberi kepada Orang Berinsurans bagi mengenal pasti individu yang berisiko menghidap penyakit tidak berjangkit.

Usaha-usaha PERKESO sememangnya berterusan untuk menggalakkan gaya hidup sihat dan amalan pencegahan penyakit. HSP memberi kemudahan kepada pekerja untuk menjalani ujian saringan kesihatan sebagai salah satu langkah ke arah kesihatan optima.

HSP boleh dibuat dan dituntut oleh semua penarum PERKESO yang layak, sejak ianya diperkenalkan pada tahun 2013.

Pada mulanya, sejumlah 319,886 baucer HSP diedarkan kepada pekerja yang berusia 40 tahun ke atas yang layak menggunakan perkhidmatan tersebut. Namun, proses mengedar dan menunaikan baucer tersebut didapati agak rumit. Maka bermula 29 September 2018, PERKESO menggantikan mekanisme HSP supaya Orang Berinsurans boleh membuat saringan kesihatan tanpa menunjukkan baucer secara fizikal.

HSP tanpa baucer berkenaan menggunakan platform aplikasi Sistem Pesanan Ringkas (SMS) untuk menghantar nombor baucer HSP menerusi telefon bimbit Orang Berinsurans. Hingga kini, sejumlah 20,252 SMS telah dihantar kepada Orang Berinsurans untuk tujuan tersebut.

## Objektif Program: -

- Untuk meningkatkan kesedaran kesihatan mengenai penyakit tidak berjangkit dan mempromosikan budaya gaya hidup sihat.
- Pengesanan awal penyakit tidak berjangkit.
- Mencegah kecacatan dan kematian pramatang kerana penyakit tidak berjangkit.
- Mencegah pengurangan atau kehilangan pendapatan yang disebabkan oleh penyakit tidak berjangkit.
- Meningkatkan sumber daya manusia dan produktiviti melalui persekitaran yang lebih sihat di sektor swasta.









## Free check-ups for two million

### Socso members to get health screening

**PETALING JAYA:** About two million private sector employees will be eligible for free medical check-ups from the Social Security Organisation (Socso).

Human Resources Minister Datuk Seri Dr S. Subramaniam is expected to announce the mechanism for the health screening for Socso members today.

The move will benefit workers if they contract any non-communicable diseases like diabetes and hypertension, among other things. It will also urge the workers to be more aware of their health.

The initiative, announced under Budget 2013 by Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak, is targeted at Socso contributors aged 40 years and above. It is believed that the free check-ups will be applicable to Socso members who are still working.

It was reported that the Federal Government had allocated RM19.3bil for healthcare and management under Budget 2013, an increase of RM2bil from the last budget.

Budget 2013 has allocated RM200mil for Socso contributors to get free medical check-ups.

Other health initiatives include sugar and urine tests offered at 1Malaysia Clinics.

Socso currently has some six million contributing members nationwide.

Health Minister Datuk Seri Low Tiang Lu had expressed hope that the Budget allocation for blood test screening and free health checks would help reduce non-communicable diseases by 100 to 200.

He had said that the funds would help in financing programmes for the early prevention of such diseases.

Artikel pada 15 Oktober 2012, The Star.

### Siapa yang layak untuk Program Saringan Kesihatan?

PERKESO menyediakan saringan kesihatan secara percuma dan berterusan kepada semua pencari PERKESO berusia 40 tahun dan ke atas yang mempunyai akaun aktif.





## SAMBUTAN HARI PEKERJA 2019 “PEKERJA AMANAH, ASPIRASI NASIONAL”

Acara tersebut diadakan di Dewan Utama, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya untuk meraikan dan menghargai sumbangan pekerja terhadap pembangunan negara.

Lebih daripada 5,000 penjawat awam dan pekerja sektor swasta hadir untuk mendengar amanat YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad. Turut serta ialah Menteri Sumber Manusia, YB M. Kula Segaran, serta beberapa tetamu kehormat yang lain.

Dalam ucaptamanya, YAB Tun Dr. Mahathir memuji hubungan kerjasama tiga pihak di antara Kerajaan, pekerja dan majikan yang gagah memacu pertumbuhan ekonomi negara. Pelbagai inisiatif telah diperkenalkan oleh pihak Kerajaan demi membangunkan pasaran buruh negara, termasuk memperkasa tenaga kerja tempatan.







## HARI PEKERJA

### *RUN AND RIDE 2019*

*Run and Ride* Hari Pekerja PERKESO dianjurkan bersempena sambutan Hari Pekerja 2019 untuk mempromosi amalan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia, khususnya golongan pekerja. Acara tersebut menerima penyertaan di antara 5,000 hingga 7,500 peserta. Di antara aktiviti yang disediakan termasuk larian sejauh 5 km dan 10 km serta kayuhan sejauh 20 km dan 40 km. Turut diadakan adalah sesi *Zumba*, cabutan bertuah serta pameran.





50 TAHUN PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL PERKESO





50 TAHUN PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL  
PERKESO



## KLINIK BERGERAK

### *MOBILE PREVENTION AND HEALTH SCREENING UNIT*

Klinik bergerak (*Mobile Prevention and Health Screening Unit*), merupakan sebuah bas yang dibina khas untuk membolehkan saringan kesihatan dilakukan di premis-premis pekerjaan.

Ia akan bergerak di pelbagai lokasi untuk mempromosi HSP yang diberikan secara percuma kepada pencharum.



## PANDUAN DAN KESELAMATAN KAMI

# PROGRAM KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN 2018

Sebagai usaha menggalakkan perjalanan selamat pergi dan balik dari tempat kerja, PERKESO berganding bahu dengan beberapa organisasi untuk melaksanakan Program Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan demi meningkatkan tahap kesedaran pekerja perihal isu-isu keselamatan sewaktu bekerja.

Semua majikan haruslah mengutamakan keselamatan perjalanan pekerja sebagai salah satu elemen polisi keselamatan dan kesihatan pekerjaan di setiap tempat bekerja.

Kemalangan sewaktu perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja meningkat setiap tahun. Pada tahun 2018, ianya meningkat sebanyak 5.8% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Kementerian Sumber Manusia dan PERKESO memandang serius dalam soal keselamatan pekerja dan menggesa semua pemegang taruh untuk bekerjasama demi mempertingkatkan usaha mencegah kemalangan sebegitu.

Program *Commuting Safety Support* (CSSP) telah diperkenalkan oleh PERKESO sebagai acara tahunan yang mempunyai matlamat untuk mengurangkan kadar kemalangan pekerja dalam perjalanan. Semoga kesedaran awam yang sedemikian mampu mengurangkan lagi peratusan kemalangan di masa akan datang.



Sistem caruman keselamatan sosial di Malaysia menjamin pendapatan pekerja serta tanggungan mereka sekiranya pekerja mengalami hilang upaya ataupun maut dalam kemalangan. Skim terbabit disokong oleh jaringan perkhidmatan yang menyeluruh, termasuk program-program mempromosi kesihatan dan keselamatan pekerjaan, kempen-kempen gaya hidup sihat serta pusat-pusat rehabilitasi yang mencegah kemalangan mahupun penyakit serta membantu menyerap semula pekerja yang kembali pulih setelah mengalami kecederaan.





## K O M I T M E N   K A M I

*RETURN TO WORK (RTW)*

PERKESO memperkenalkan Program *Return To Work* (RTW) bermula 15 Januari 2007. Ia adalah sebuah program rehabilitasi fizikal yang diberikan kepada Orang Berinsurans. Program tersebut penting untuk memastikan mereka yang kurang upaya dan berpenyakit dapat memulihkan fungsi minda serta anggota badan mereka untuk kembali bekerja lebih awal dengan sihat dan selamat.

Syarat penyertaan Program RTW adalah Orang Berinsurans itu mesti disahkan tercedera sewaktu bekerja telah membuat permohonan di bawah Skim Bencana Pekerjaan atau Skim Keilatan, bersemangat untuk menjalani rehabilitasi ataupun bantuan pencarian pekerjaan.

Program RTW akan membantu mereka secara sistematik ke arah pemulihan berdasarkan konsep biopsi psikososial. Ini termasuk psikologi, biofizikal dan faktor-faktor sosial untuk membantu mereka kembali bekerja.

Seorang pengurus kes akan ditempatkan di setiap pejabat cawangan PERKESO di seluruh negara. Mereka bertindak sebagai pemudahcara di antara Orang Berinsurans, doktor yang merawat, pusat rehabilitasi dan pihak-pihak yang berkaitan.



Majlis Pelancaran dan Menandatangani Perjanjian di antara PERKESO dan BackToHealth Malaysia Sdn Bhd, disaksikan oleh YB Tan Sri Dr. Fong Chan Onn, Menteri Sumber Manusia pada 28 Februari 2005.



### Pekerja Produktif Melalui Program *Return To Work* (RTW)

Satu lagi perkembangan penting adalah untuk memastikan pekerja produktif dalam apa jua keadaan. “Adalah perlu untuk menyangkal kepercayaan bahawa PERKESO adalah pemberi bantuan kewangan. Adalah perlu untuk menerapkan prinsip bahawa PERKESO perlu bertanggungjawab untuk menjadikan seseorang pekerja produktif.”

Program *Return To Work* (RTW) diperkenalkan untuk membantu pekerja pulih daripada kecederaan dengan apa cara sekalipun, menggalakkan rehabilitasi kemahiran-kemahiran lama ataupun baru supaya mereka dapat terus menjadi produktif. “Ada pekerja yang tidak menyukainya tetapi kami teruskan juga objektif tersebut demi kebaikan jangka panjang pekerja.”

### Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak (PRPTAR)

Perancangan, reka bentuk dan pembinaan pusat rehabilitasi tersebut adalah projek yang paling besar pernah dilaksanakan oleh PERKESO. Untuk mencapai objektif rehabilitasi yang optima, pusat yang serba canggih berkenaan telah didirikan.

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam (Menteri Sumber Manusia), Datuk K. Selvarajah (Ketua Eksekutif PERKESO) dan Dato’ Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato’ Aziz Mohammed (Ketua Bahagian



Perubatan PERKESO) telah melawat beberapa negara seperti Jepun, Kanada dan Jerman untuk meneliti konsep pelaksanaan rehabilitasi di sana. Mereka ambil maklum bahawa pekerja yang lumpuh seluruh badan tetap mampu menjadi produktif dan boleh menyara hidup mereka.

PERKESO sememangnya telah terlibat dalam rehabilitasi dengan menggunakan kemudahan-kemudahan swasta seperti gimnasium, perkhidmatan fisioterapi serta terapi cara kerja.

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam masih ingat bagaimana lukisan arkitek mengenai struktur dan reka bentuk pusat tersebut telah dibuat di rumah beliau. Setelah perbincangan dengan pihak jururunding selama beberapa minggu, pihak Jepun telah menawarkan diri untuk membantu. Kerajaan negeri Melaka, melalui Ketua Menteri pada waktu itu, TYT Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam telah menawarkan sebidang tanah dengan harga RM5 sekaki persegi pada bulan Mac 2012.


Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak telah meraih banyak anugerah sebagai pusat rehabilitasi yang serba lengkap dengan pelbagai perkhidmatan dan teknologi untuk menjayakan prinsip RTW.



**Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak (PRPTAR)**

Lokasi: Melaka, Malaysia  
Tanah Saiz: 22.43 hektar / 55.42 ekar  
Projek GFA: 51,707.00 meter persegi / 556,569.00 kaki persegi  
Status: Lengkap Dibina  
Kategori: Pelan Induk, Penjagaan Kesihatan  
Tahun: 2013

Lot PT7263, Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya, Durian Tunggal 75450, Melaka



**“Lukisan arkitek mengenai struktur dan reka bentuk pusat tersebut telah dibuat di rumah saya. Setelah berbincang dengan pihak jururunding beberapa minggu, Jepun telah menawarkan diri untuk membantu. Kerajaan negeri Melaka, melalui Ketua Menteri pada waktu itu, YAB Tun Mohd Ali telah memberikan kami sebidang tanah dengan harga RM5 sekaki persegi pada bulan Mac 2012.”**

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam,  
Menteri Sumber Manusia (2008-2013)**





Majlis Perasmian Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak (PRPTAR) oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak pada tahun 2017.



Bilik Multi-Sensory



Kolam Hidroterapi



Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Seri M. Saravanan membuat kunjungan ke Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak (PRPTAR).

## PUSAT REHABILITASI PERKESO TUN ABDUL RAZAK

### LOKASI PEMULIHAN, REHAT DAN LATIHAN

#### PENERAJU PROGRAM REHABILITASI PERUBATAN MELIBATKAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN REHABILITASI YANG TERKINI DAN SERBA CANGGIH

Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak adalah satu-satunya pusat rehabilitasi di Malaysia dan Asia Tenggara yang menggabungkan rehabilitasi perubatan dengan pekerjaan.

Lebih penting lagi, Bahagian Vokasional menyediakan rangkaian latihan kemahiran yang komprehensif dengan fokus untuk mengembalikan Orang Berinsurans dan pesakit ke tempat kerja setelah mengalami hilang upaya.

Konsep unik tersebut menawarkan rehabilitasi pelbagai disiplin serta mengoptimalkan proses rehabilitasi pekerjaan supaya penjarum yang terlibat dapat kembali ke tempat kerja dengan lebih cepat. Ianya penting demi membuka peluang membina semula kemahiran untuk terus bersemangat, di samping mengelakkan timbulnya kemurungan supaya mereka segera memperolehi pendapatan kembali.

Gabungan unik perkhidmatan pemulihan ini meletakkan PERKESO sebagai penyedia program pemulihan perubatan yang terkemuka di rantau ini.

Pusat berkenaan dinamakan Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak untuk memperingati Almarhum mantan Perdana Menteri yang melancarkan PERKESO pada tahun 1971. Dengan niat murni begitu, ianya telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak.

Kini, pusat berkenaan telah digunakan sepenuhnya sehingga ada pekerja yang tercedera terpaksa menunggu selama tiga bulan sebelum dapat menggunakan kemudahan-kemudahan di sana.

PERKESO sedang giat mengusahakan untuk memperluaskan perkhidmatan rehabilitasi melalui pusat-pusat satelit di Lembah Klang, Terengganu dan Johor, malahan mungkin juga dibina di pusat-pusat membeli belah.



PERKESO berhasrat menjadi pusat rehabilitasi bertaraf dunia dengan memberikan perkhidmatan yang berkualiti berteraskan tujuan pengekalan kerja serta pengintegrasian semula sosial. Untuk mencapai wawasan tersebut, kami mengaplikasikan beberapa prinsip teras berikut:

- Fokus pada kesejahteraan dan keselamatan pesakit
- Melabur dalam pengurusan bakat
- Mengintegrasikan teknologi dan inovasi
- Memupuk kerjasama dan komunikasi
- Mengiktiraf pentauliahan dan pendidikan
- Memacu kelestarian, kecekapan dan pertumbuhan

Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO merupakan doktor pertama yang menyertai PERKESO. Beliau melihat terdapat keperluan untuk memperluas dan mengembangkan perkhidmatan PERKESO kepada masyarakat. Selain itu, beliau ingin melaksanakan program yang berbeza serta tidak akan menjadi pembaziran dan merasakan pekerjaan adalah keselamatan sosial yang terbaik.

Visi yang telah dirangka bertahun-tahun lalu telah dimulakan dengan menawarkan perkhidmatan kepada Orang Berinsurans untuk memberi mereka harapan atau peluang kedua. Dengan matlamat ini, pusat pemulihan tersebut dilihat sebagai suatu pelaburan dan bukan pembaziran. Ini adalah peluang terbaik sebagai faktor untuk melabur dalam teknologi *cyberdyne*.

PERKESO menyedari bahawa tiada yang lebih bernilai untuk seseorang kembali normal, bersosial dengan masyarakat dan mendapat pekerjaan semula setelah melalui fasa pemulihan.

Walaupun ada kes di mana pesakit mungkin tidak dapat kembali kepada keadaan sebelumnya akibat kecederaan yang parah, matlamat PERKESO adalah untuk menyediakan rehabilitasi sosial dan kualiti hidup yang lebih baik bagi mereka.

Dr. Hafez, Pengarah Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak sentiasa bersemangat menguruskan pusat ini. Seajar dengan prinsip dan pegangan PERKESO, lebih daripada 3% kakitangan di sini terdiri daripada golongan OKU yang dapat berfungsi dengan baik. Malah, mereka mempunyai seorang kakitangan perkhidmatan pelanggan yang buta, En. Mohd Shafik yang selalu dilihat berjoging sendirian di sekitar pusat rehabilitasi.



Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini, Pusat Rehabilitasi Tun Abdul Razak juga menawarkan perkhidmatannya kepada golongan bukan pencarum.

Pusat ini juga berusaha untuk mendekati masyarakat melalui program rekreasi yang merangkumi ahli keluarga pesakit luar. Bantuan bersama yang dilakukan termasuklah memberi semangat kepada pesakit luar yang mungkin fobia untuk menaiki kenderaan awam setelah mengalami kecacatan fizikal. Program dan aktiviti rekreasi secara langsung ini membantu pesakit untuk berintegrasi dengan masyarakat.

Walaupun pihak berkepentingan prihatin dengan kos pusat rehabilitasi baharu dan pulangan pelaburannya, fasiliti di Ayer Keroh ini telah membuktikan bahawa ia adalah pelaburan yang amat bermanfaat.

PERKESO menghargai semua pencarumnya dan percaya sepenuhnya bahawa mereka dapat terus menyumbang kepada masyarakat jika diberi pemulihan yang berkualiti dan tepat pada masanya. Walaupun untuk kes yang parah, diharapkan melalui proses rehabilitasi ini dapat membantu pencarum berdikari untuk meringankan beban keluarga.

Antara tahun 2009 dan Februari 2020, program RTW telah membantu 30,110 Orang Berinsurans untuk kembali bekerja.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pusat rehabilitasi turut memberikan perkhidmatan kepada bukan pencarum yang berpuas hati dengan layanan baik dan hasil pemulihan yang berjaya.

Untuk memperluaskan perkhidmatan kepada semua warganegara Malaysia, undang-undang perlu diubah. Antaranya dengan mengubah status Pusat ini dari sebuah agensi kepada sebuah perbadanan. Manakala, dari segi bayaran, Orang Berinsurans dibiayai sepenuhnya oleh PERKESO sementara bayaran sederhana dikenakan untuk bukan pencarum.

**Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak adalah tempat kami memberi kemudahan dan memberi harapan kepada mereka yang memerlukannya untuk kembali bekerja.**

**Dengan sistem yang tepat untuk menggalakkan program pemulihan, ia akan membuka peluang lebih besar untuk Orang Berinsurans yang hilang upaya kembali bekerja. Biasanya, jika seseorang itu sakit, mereka akan mendapatkan rawatan perubatan untuk sembuh tetapi ia tidak menjamin untuk kembali bekerja kerana kelumpuhan anggota badan. Oleh itu, kita perlu menggabungkan kesejahteraan perubatan dengan program vokasional di samping menawarkan peluang pendapatan.**



**Dr. Hafez Bin Hussain,**  
Pegarah  
Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak  
(PRPTAR)



Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak adalah tempat kami memberi kemudahan, bantuan serta harapan kepada mereka yang memerlukannya untuk kembali bekerja.





Di Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak, penjagaan perubatan memainkan peranan yang besar dalam sistem pengurusan hilang upaya. Kami menawarkan konsep penjagaan perubatan yang komprehensif dengan bantuan kakitangan klinikal dan ahli-ahli terapi.

## PUSAT REHABILITASI *NEURO ROBOTICS & CYBERNICS*

PERKESO sekali lagi menempa sejarah dengan penubuhan Pusat Rehabilitasi Neuro Robotik dan Cybernics di Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak.

Dengan itu, Malaysia menjadi negara yang pertama di rantau ASEAN dan yang keempat di dunia, yang menawarkan perkhidmatan rawatan HAL Cyberdyne kepada pesakit-pesakitnya

Majlis Perasmian pada 13 Mei 2019 telah disempurnakan oleh YB M. Kula Segaran, Menteri Sumber Manusia dan turut dihadiri oleh beberapa jemputan khas dari Kedutaan Jepun, Cyberdyne Inc. Jepun, Thailand dan Singapura.

PERKESO kekal komited untuk memberikan rawatan rehabilitasi terbaik kepada Orang Berinsurans. Teknologi Pakaian Robot HAL meningkatkan fungsi dan pergerakan pesakit yang mempunyai kecederaan tulang belakang dan strok dengan lebih ketara.

Setiap peralatan robotik amat penting untuk meningkatkan kebolehan berjalan, menguatkan otot kaki dan tangan serta kebolehan untuk mengangkat benda yang berat sambil menguatkan otot-otot spina.

Melalui teknologi tersebut, Pakaian Robot HAL Cyberdyne boleh memastikan pemulihan Orang

Berinsurans yang lebih sempurna. Mereka boleh kembali bekerja untuk menyara keluarga dan orang tersayang untuk terus menyumbang kepada kestabilan ekonomi negara.

Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak adalah sebuah syarikat milik penuh PERKESO di bawah Kementerian Sumber Manusia. Ia merupakan sebuah pusat rehabilitasi bertaraf antarabangsa yang menyatukan rawatan perubatan dengan rehabilitasi vokasional. Pusat berkenaan telah dibina dengan motif yang murni, khususnya untuk membantu Orang Berinsurans serta golongan pekerja untuk direhabilitasi secara fizikal dan vokasional sehingga mereka boleh kembali bekerja dan dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat. Terletak di Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya, Melaka di atas tanah seluas 55 ekar, ianya telah mula beroperasi pada 1 Oktober 2014. Perkhidmatan yang komprehensif disediakan sebagai sebuah program rawatan intensif yang cekap di bawah satu bumbung dengan pelbagai peralatan berteknologi tinggi yang dikawal selia oleh golongan profesional daripada beberapa bidang disiplin.

Dalam waktu terdekat, visi PERKESO adalah untuk mengembangkannya lebih jauh sehingga menjadi pusat *neuro cybernetics* yang menggabungkan teknologi siber dan manusia dalam program pemulihan di Perak.



Program Rehabilitasi HAL Cyberdyne merangkumi sesi di antara 60-90 minit sehari, 3-5 hari seminggu selama 12 minggu, bergantung kepada isu dan keadaan setiap pesakit.

# Futuristic Rehab Centre

AUDREY WJANDRIN  
MELAKA

**R**USHING back to work at the hotel, proved to be a grave mistake for one healthy young employee.

Najib Mokrima, then 23, was riding his motorcycle after his lunch break and was minutes away from his work place, when he was hit by an on-coming car. He injured his spinal cord and has been unable to work ever since. That was in 2004.

Today, he is seeking therapy at the Social Security Organisation's (SOC-50) Tun Razak Rehabilitation Centre (TRRC) in Ayer Keroh and hopes to tend for himself, without burdening his family.

"I was able to move around in a wheelchair after the accident but after a repeat surgery for my spine, I have gained so much weight and am unable to lift my own body. I've decided to try this rehabilitation centre and am so glad that they have a space for me.

"Instead of sitting at home, fiddling with my phone and feeling depressed, I now have so many friends who are in the same situation as me and it feels good to know that I'm not alone.

"The attendants are so nice and the food is amazing. I'm a different person inside and out, since I joined this family," said the store clerk from Genting. Although Najib gets a RM1,200 cheque from SOC50 every month, he hopes to one day be able to find employment again, with the help of the rehabilitation centre.

TRRC provides intensive rehabilitation treatment which focuses on medical physical rehabilitation that includes physiotherapy, occupational therapy,

optometry, audiology, speech therapy, work hardening and vocational rehabilitation.

Human Resources Minister M. Kula Segaran announced three months ago that TRRC had rehabilitated 3,875 SOC-50-insured persons and for the first four months of this year, 539 cases were referred to TRRC, with 463 having been discharged, of whom 258 had been rehabilitated and 195 had returned to work.

The centre brings together more than 100 experts and staff with one mission in mind: to help injured workers recover, physically, spiritually and vocationally and finally return to work for a better life and socially reintegrated.

Their hostels are made of 150 rooms with a full capacity of 308 persons at any time. Meanwhile, to manage medical care, medically-dependent patients will be placed in 38 bedded wards with the care of doctors and nurses. There is also an emergency room for basic treatment and stabilization and an ambulance on standby to rush patients to Melaka General Hospital for further treatment in any case of emergency.

The centre offers a broad range of services matching with disability management expertise which range from musculoskeletal problems, amputation, sprains and strains, neurological problems, traumatic brain injury to spinal cord injury cases.

To date it has welcomed more than 4,500 patients since its launch in 2014. Today, there are 350 patients, which is its full capacity.

TRRC executive director Dr Hafiz Hussain said the response has been overwhelming, and there is at present, a three-month waiting list.



Human Resources Minister M. Kula Segaran speaking to patient Mohd Nizam Nazam Mohd Razlan, 24, who is undergoing rehabilitation using Cyberdyne's Hybrid Assistive Limb (HAL) Robot Suit. Kula Segaran is affiliated to Tun Razak Rehabilitation Centre (TRRC) in Ayer Keroh in May. Also present were Dr Hafiz (left) and Dr Yusayuki Sanzai (second from right).



Award winning SOC50 Tun Razak Rehabilitation Centre will continue to set milestones after milestones in transforming the lives of patients for the better.

"Initially, we were wondering if we could fill up the 250 spaces, and today we are planning on having satellite facilities and few more centres such as this to accommodate the growing demand for more rehabilitation services in the country."

"Unlike other rehabilitation centres, we provide an intensive 42-day programme on average to get patients back into the workforce as soon as possible, with the skills they already have or to upskill them with new skills. They must attend between four and six hours of therapy a day.

"We offer our services to everyone regardless of their socioeconomic background and medical conditions. What we focus on are their abilities and functional capacities and not their disabilities.

At the centre, each patient is given a "passport" to carry with them at all times, indicating their therapy sessions, diagnosis and condition.

They have access to gym facilities,

hydrotherapy (therapeutic use of heated water to treat or prevent disability), robotics therapy, work hardening to restore physical, behavioural and vocational functional and training in different types of daily activities such as personal hygiene, laundry, cosmetics, economy and household transactions and personal care.

"Our approach is holistic, our medically-dependent patients are even allowed to bring a caregiver with them. We cater food and lodging for both patient and carer. We have spiritual facilities for all religions, we provide healthy dietary meals, and we even have a psychologist on board to look into their psychological needs.

"All our facilities and equipment are state-of-the-art and cutting-edge, however, we are especially proud to have collaborated with Japanese company Cyberdyne Inc, to establish the first Neuro-Robotics Rehabilitation and Cybernetics Centre," Dr Hafiz added.

Kula Segaran launched the Neuro-

Pusat Rehabilitasi Neuro Robotik dan Cybernics adalah sebuah kolaborasi di antara Cyberdyne Inc. Jepun dengan PERKESO, dilengkapi dengan 24 unit Pakaian Robot HAL. Ia adalah teknologi neurorobotik terkini dari Cyberdyne Inc. Jepun yang menggabungkan interaksi di antara manusia, robot dan maklumat.

Pusat Rehabilitasi ini menempatkan Pusat Pemulihan & Cybernics Neuro-Robotik, dilengkapi dengan HAL® *Robot Suit (Hybrid Assistive Limb)*.

Pusat Rehabilitasi ini juga menyediakan Fisioterapi terkemuka; Terapi Pekerjaan, Hidroterapi, Terapi Pertuturan, Terapi Robotik, Terapi Sensori, Pembangunan Prostetik dan Ortotik, serta Pengerasan Kerja dan Pemulihan Industri.

Teknologi terbabit membolehkan perkhidmatan rawatan dibekalkan kepada pesakit-pesakit yang mengalami kecederaan otak atau tulang belakang seperti lumpuh, penyakit neurodegeneratif dan sebagainya.

Pada pertengahan tahun 2019, lebih daripada 100 Orang Berinsurans telah menerima rawatan Pakaian Robot HAL. Program Rehabilitasi HAL Cyberdyne merangkumi sesi di antara 60-90 minit sehari, 3-5 hari seminggu selama 12 minggu, bergantung kepada isu dan keadaan setiap pesakit.

PERKESO menjamin Orang Berinsurans yang dirawat di pusat tersebut akan menerima sekurang-kurangnya tiga jenis rawatan rehabilitasi Cyberdyne HAL seperti HAL jenis kaki, HAL jenis satu sendi dan HAL jenis lumbar.



Untuk maklumat lanjut mengenai fasiliti dan perkhidmatan di pusat tersebut, sila layari laman sesawang <https://www.rehabmalaysia.com/mengenai-kami>

## KECEKAPAN OPERASI AUTOMASI

Tiada apa yang dapat menjadikan sesebuah organisasi lebih cekap, efektif dan pantas dalam memberikan perkhidmatan melainkan proses-proses manual diautomasi sepenuhnya.

PERKESO menjadi contoh terbaik kerana menjadi agensi Kerajaan yang berbuat demikian. Usaha ke arah tersebut berlaku tepat pada masanya untuk menguruskan bilangan pencarum yang kian bertambah demi menyalurkan faedah-faedah yang diperlukan.

Pada 25 Januari 2017, PERKESO mencipta sejarah dengan pelancaran penjenamaan nama dan logo Sistem ASSIST. Penjenamaan tersebut diumumkan semasa Perhimpunan Bulanan PERKESO di Menara PERKESO, Jalan Ampang. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Eksekutif PERKESO, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed.

Logo ASSIST yang unik mencerminkan ciri-ciri PERKESO yang sentiasa prihatin dan terkini dalam soal kemajuan ICT untuk menjamin kemampuan memberikan khidmat kepada pelanggan.



Simbol Hati di dalam logo terbabit membawa maksud PERKESO mengambil berat terhadap pelanggan-pelanggannya. Bulatan dan Tangan menunjukkan bahawa akses kepada seluruh perkhidmatan sosial mereka kini berada di hujung jari. Bulatan Hijau melambangkan keharmonian dan keterbukaan PERKESO, manakala Merah menggambarkan kepekaan mereka terhadap aplikasi dan teknologi terkini. Putih mewakili kemurnian PERKESO untuk menerima perubahan.

### Sistem Pembayaran

Portal ASSIST adalah portal layan diri yang baru diperkenalkan di mana ia berfungsi sebagai kaedah pendaftaran perusahaan dan pendaftaran pekerja serta pembayaran caruman. Majikan yang mencarum boleh mendapatkan Jadual Caruman mereka dan seterusnya membuat pembayaran caruman secara atas talian mulai 1 Januari 2018. Portal ASSIST juga merupakan portal layan diri untuk majikan menguruskan maklumat syarikat, pekerja dan caruman bulanan PERKESO.



### Polisi Keselamatan ICT

Ia mengandungi semua garis panduan dan syarat untuk penggunaan aset ICT PERKESO. Pengguna atau pihak ketiga yang mengaksesnya dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan segala peraturan yang ditetapkan dan dipaparkan oleh PERKESO. Polisi berkenaan menjelaskan bahawa setiap pengguna mempunyai tanggungjawab serta peranan untuk melindungi kesemua aset ICT PERKESO.

# SIKAP

## KAEDAH AUTOMASI SISTEM PENGIMEJAN PERKESO

Pada tahun 1997, proses operasi manual PERKESO mula ditransformasi ke arah sistem berkomputer moden. PERKESO sentiasa mencari kaedah untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik terutamanya memproses permohonan tuntutan faedah kepada pencarium. PERKESO telah mengenal pasti beberapa elemen untuk dipertingkatkan dan disesuaikan, seiring dengan teknologi terkini pada waktu tersebut.

Salah satu isu yang dihadapi adalah pengumpulan slip caruman bulanan pekerja, slip bank, dokumen pekerja serta fail permohonan faedah pekerja. Melalui SIKAP, kesemua dokumen tersebut boleh disimpan sebagai fail bergambar di dalam sistem komputer. Ia juga membantu mengemas kini data bulanan hampir serta-merta, menjadikannya terkini dan relevan. Oleh itu, pencarian dokumen asal dan pemprosesan faedah dapat dipercepatkan.

Proses manual terdahulu memerlukan operator luar dan selalu juga berlaku kesilapan. Penyimpanan dokumen menjadi lebih mudah kerana kurangnya penggunaan kertas dan ruang simpanan.

Fail fizikal tidak lagi perlu untuk dikurier dari cawangan ke ibu pejabat, mengelakkan kelewatan atau kehilangan selepas dihantar secara pos. Pada tahun 1995, PERKESO telah menerima “Anugerah Piagam Pelanggan Terbaik Kategori Badan Berkanun” kerana kemampuan untuk menyelesaikan tuntutan, seperti yang dijanjikan di dalam Piagam Pelanggan.

Dengan adanya automasi, PERKESO berikrar untuk memproses tuntutan Faedah Hilang Upaya Sementara dan Faedah Hilang Upaya Kekal dalam tempoh kurang daripada tiga bulan selepas tarikh dokumen lengkap diterima. Adalah lebih mengujakan apabila tuntutan faedah dapat diproses dengan lebih pantas dalam tempoh kurang daripada seminggu apabila sistem tersebut dilaksanakan sepenuhnya.

Ini adalah satu pencapaian bagi PERKESO apabila sistem ini berjaya dilaksanakan di seluruh negara. Pemprosesan tuntutan faedah dapat dipendekkan kurang daripada seminggu.



## PERKHIDMATAN ASPIRASI REHABILITASI DIGITAL (INSPIRE)

INSPIRE (*Integrated System for Prosthetic & Orthotic, Inventory and Rehabilitation*) telah dilancarkan pada 20 November 2017 sebagai langkah transformasi digital untuk menguruskan perkhidmatan rehabilitasi kepada Orang Berinsurans. Ia menjamin kesinambungan faedah rehabilitasi di bawah satu platform yang melibatkan kolaborasi pelbagai dimensi.

INSPIRE dibangunkan untuk melaksanakan semua modul perkhidmatan dan rehabilitasi yang dibuat secara berperingkat. Ia melibatkan prostetik, bantuan perubatan, pengurusan inventori bantuan perubatan, implan, pengurusan dialisis, pengurusan pembayaran, pengurusan pembekal dan pemberi perkhidmatan, rawatan perubatan, kewangan, doktor rujukan @Epulih, talian bantuan serta prestasi papan pemuka.

Sistem terbabit boleh diakses oleh pengguna dari dalam dan luar PERKESO termasuk Pejabat PERKESO, Ibu Pejabat,

pusat rehabilitasi, pembekal, pusat dialisis dan hospital. Kini, ia memberi perkhidmatan kepada hampir 40 ribu Orang Berinsurans yang membolehkan penyesuaian perkhidmatan rehabilitasi secara individu.

INSPIRE adalah sistem komprehensif yang mengendalikan perkhidmatan rehabilitasi kompleks demi memenuhi keperluan semasa dan keperluan akan datang pelanggan berdasarkan keupayaan masing-masing. Tambahan pula mekanisme biometrik di dalam INSPIRE adalah strategi berkesan untuk menjamin keselamatan dan kepatuhan di samping membendung berlakunya penipuan.

INSPIRE memberikan perkhidmatan rehabilitasi holistik yang berimpak tinggi kepada Orang Berinsurans sebagai matlamat akhir PERKESO. Ia sememangnya selari dengan visi korporat untuk menjadi peneraju keselamatan sosial yang unggul, komprehensif dan dinamik.





**Objektif:**

1. Meningkatkan pendapatan sara hidup & mengurangkan kadar kemiskinan.
2. Menjadikan semua rakyat Malaysia memiliki pengetahuan berkenaan dengan pengurusan kewangan yang sistematik.
3. Memperkenalkan platform keselamatan sosial secara berpusat, sistematik & komprehensif untuk seluruh rakyat.
4. Melahirkan insan yang lebih holistik dengan memiliki kemahiran yang kompeten dalam pelbagai bidang

**MySynergy bertujuan untuk mencegah:**

1. Pertindihan manfaat
2. Manfaat untuk kumpulan bukan sasaran
3. Peruntukan agensi / kekurangan dana



Program Sinergi Sosial akan memberikan jaringan keselamatan sosial yang menyeluruh, khususnya kepada mereka yang memerlukan iaitu dari golongan B40.

## MYFutureJobs

Your National Employment Services Provider

Melalui Akta 800, Sistem Insurans Pekerjaan mula dikuatkuasakan dengan fokus untuk menyalurkan bantuan serta merta kepada mereka yang diberhentikan kerja. Tugas seterusnya adalah untuk cuba memadankan mereka dengan pekerjaan alternatif dalam tempoh enam bulan.

MyFutureJobs merupakan inovasi portal pekerjaan negara berasaskan Kecerdasan Buatan (AI). Menurut YBhg. Dato' Sahar bin Darusman, Ketua Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan, ia adalah salah satu daripada sistem terbaik yang sedia ada. "Kami telah membuat banyak kajian untuk membandingkannya dengan sistem-sistem seumpamanya di Eropah, Korea dan Jepun. Ternyata apa yang kami mulakan adalah yang terbaik di dunia, dibangunkan oleh pakar-pakar *World Association* dari Belanda yang juga membangunkan sistem sebegitu di Singapura," ujar beliau.

Dato' Sahar masih ingat bagaimana beliau sendiri melakukan banyak sesi dialog mengenai sistem tersebut. Ia memperincikan huraian lengkap mengenai pekerjaan, kemahiran, pengetahuan, kebolehan, hubung kait peraturan serta perundangan (bagi pekerjaan yang perlu dikawal selia) dan sebagainya. Kesemua maklumat tepat berkenaan memudahkan pepadanan kemahiran dengan keperluan jawatan bagi pihak pekerja serta majikan.

Tidak banyak agensi lain yang mempunyai data komprehensif, lengkap dan terkini. Setiap hari, di antara 150,000-200,000 peluang pekerjaan muncul dari peringkat pengurusan hingga ke pekerja kilang, semuanya tersedia untuk dipilih oleh 190,000 pencarum PERKESO yang aktif mencari pekerjaan.

Data yang dikemaskini amat lengkap berbanding kaji selidik yang mengandungi data yang rata-ratanya 3-6 bulan terkebelakang. Oleh itu, MyFutureJobs sentiasa dikemaskini secara automatik pada setiap hujung bulan sebaik para majikan membuat caruman PERKESO masing-masing.

Dato' Sahar juga menjelaskan bahawa sistem terbabit mampu untuk menganalisis butiran permintaan pekerjaan negara untuk masa akan datang. Sebagai contoh, kini terdapat lebih 20,000 kekosongan jawatan yang memerlukan pereka pasaran digital, pembangun perisian komputer serta pembangun laman sesawang. Maklumat sebegitu sangat bernilai untuk pihak universiti menghasilkan bilangan graduan yang berkemahiran untuk dipadankan dengan keperluan industri pada sesuatu masa.

Ibu bapa, pelajar, pendidik dan perancang seharusnya peka terhadap perkembangan peluang-peluang kerjaya semasa agar dapat mengekang risiko lambakan graduan daripada bidang-bidang tertentu yang mungkin gagal memperolehi pekerjaan yang bersesuaian. Adalah penting untuk berkongsi trend perjawatan dengan jabatan-jabatan Kerajaan yang tertentu agar dapat disesuaikan dengan pengambilan mahasiswa di universiti serta keperluan pasaran tenaga kerja tahunan.

MyFutureJobs telah mendaftar 7.1 juta pekerja tempatan, 1.72 juta pekerja asing serta ekspatriat. Ini membolehkan analisis jangkaan terhadap pasaran kerja yang lebih tepat dan komprehensif untuk menampung keperluan tenaga kerja negara.

“DNA PERKESO untuk sentiasa memandang ke hadapan adalah hasil kepimpinan barisan Ketua-Ketua Eksekutif. Kami dibenarkan untuk mencorak Bahagian berdasarkan keperluan tugas masing-masing. Saya diizinkan untuk membawa masuk saintis data yang pakar dalam bidang statistik dan aktuari serta individu-individu yang berminat dengan pengumpulan data dan penjaan laporan. Kami dilatih untuk berpandangan jauh, menjalankan kajian dan penanda aras industri bagi penyediaan tenaga kerja.”

Dato’ Sahar telah merujuk kepada Jabatan Buruh Amerika Syarikat sebagai penanda aras bagi setiap pekerjaan yang ada di dalam sistem mereka kerana jabatan mereka mampu mengesan dan meramal peluang-peluang pekerjaan di sektor kerajaan mahupun swasta sehingga lima tahun ke hadapan. Maklumat sebegitu tidak ternilai harganya untuk perancangan di peringkat Kerajaan Pusat bagi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menawarkan biasiswa pendidikan mahupun membuka jabatan-jabatan baharu. Itu semua memungkinkan ketepatan perancangan sumber manusia negara agar tidak berlaku lambakan ataupun kekurangan pekerja.



**Dato’ Mohd Sahar bin Darusman**  
Ketua Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan, PERKESO

Memang tiada sistem keselamatan sosial yang menawarkan sebegini banyak perkhidmatan di bawah satu bumbung dengan data yang terperinci, rehabilitasi, tawaran vokasional dan sebagainya. Apa yang kami ada di PERKESO merupakan suatu kelebihan untuk negara.



## UNTUK KOMUNITI

## INISIATIF JANGKAUAN KOMUNITI KAMI



Walaupun PERKESO berjaya mencapai pematuhan caruman dan menyalurkan lebih banyak faedah kepada pencarum, tahap kesedaran orang ramai mengenai manfaat PERKESO masih agak terhad.

Ramai pekerja tidak mengetahui pelbagai faedah yang boleh dipohon melalui PERKESO. Oleh yang demikian, PERKESO menjalankan pelbagai program jangkauan komuniti. Pada masa lalu, PERKESO keluar dengan menggunakan van, pembesar suara serta kain rentang yang diikat di sisi van, mirip seperti konsep “surat khabar lama” yang biasa kita lihat.

Sejak kebelakangan ini, PERKESO giat menganjurkan program jangkauan komuniti yang lebih besar, menarik dan meriah untuk mengundang majikan dan pekerja menyertai aktiviti-aktiviti mereka di samping mengenali dengan lebih dekat rangkaian faedah yang boleh diperolehi menerusi PERKESO.



Program sebegini sentiasa menjadi keutamaan PERKESO. Pada tahun 1970-an dan 1980-an, Jabatan Penerangan menggunakan van dan pembesar suara untuk membolehkan setiap pegawai yang bertugas menyampaikan maklumat demi menyedarkan majikan mengenai skim-skim sedia ada.

Di kawasan perindustrian pula, hanya pihak majikan dan kesatuan diberikan taklimat memandangkan bilangan pekerja yang terlalu ramai di situ. Pasukan yang terlibat akan mengadakan perbincangan susulan dengan pemimpin masyarakat dan ketua kampung setempat.

En. Mohd Shahar bin Ismail, Ketua Bahagian Pengurusan Korporat PERKESO, mengimbau kembali satu kes yang pernah beliau uruskan secara peribadi di peringkat awal kerjayanya.

“Seorang wanita berbangsa Cina telah lumpuh selepas ditimpa kemalangan dan hanya boleh membuka matanya sahaja. Meskipun menerima Pencen Keilatan, hati beliau amat sedih apabila jumlah yang diberi tidaklah mencukupi kerana ibu wanita tersebut terpaksa menjaganya 24 jam sehari. Ini membuat saya melihat setiap kes dengan menggunakan hati dan bukannya dengan mata sahaja.”

“Hingga ke hari ini, program jangkauan komuniti PERKESO telah meliputi kawasan-kawasan terpencil dan kampung-kampung orang asli dalam usaha untuk memastikan sekiranya orang yang mereka sayangi ditimpa sesuatu musibah, mereka masih mempunyai pilihan untuk mendapatkan bantuan di bawah skim-skim kami.”



**Encik Mohd Shahar bin Ismail**  
Ketua Bahagian Pengurusan Korporat, PERKESO







## SISTEM INSURANS PEKERJAAN (SIP)

### KARNIVAL PEKERJAAN

Jaringan Keselamatan Sosial yang terbaik adalah apabila pencarumnya berjaya memperolehi pekerjaan. Memahami kepentingan konsep tersebut, PERKESO telah menganjurkan Karnival Pekerjaan SIP PERKESO 2019 di NU Sentral, Kuala Lumpur pada 15 dan 16 April 2019. Tujuan karnival ini adalah untuk membantu mereka yang menganggur atau yang sedang mencari kerjaya baharu untuk mendapatkan pekerjaan.

Seramai 2,365 pengunjung yang terdiri daripada Orang Berinsurans, pelajar universiti dan ILP, orang kurang upaya dan pencari kerja telah hadir dan memeriahkan karnival ini.

Pendaftaran telah dilaksanakan secara atas talian dan ia terbukti sangat berkesan bagi memudahkan proses pendaftaran pengunjung.

Ini merupakan kejayaan luar biasa apabila karnival ini dihadiri oleh 44 majikan pelbagai bidang industri dengan lebih daripada 5,000 tawaran pekerjaan. Sebagai inisiatif dan dorongan, sebanyak enam penghargaan khas disampaikan oleh Menteri Sumber Manusia kepada majikan yang menawarkan pekerjaan kepada 10 Orang Berinsurans.

Karnival ini dirasmikan oleh YB M. Kula Segaran, Menteri Sumber Manusia pada 16 April 2019 sebelum Majlis Menandatangani Memorandum Kerjasama dengan VDAB (*Flemish Employment Service and Vocational Training*), Belgium diadakan. Majlis menandatangani memorandum ini melibatkan Ketua Eksekutif PERKESO dan Ketua Eksekutif VDAB serta disaksikan oleh Menteri Sumber Manusia dan Duta Besar Belgium.

Kerjasama VDAB dan PERKESO melibatkan beberapa siri bengkel, persidangan, seminar dan forum yang berkaitan dengan Perkhidmatan Pekerjaan untuk melatih anggota SIP dengan kemahiran yang diperlukan untuk pekerjaan.

Menteri menyatakan keyakinan terhadap kepakaran dan pengalaman VDAB dan berharap agar kerjasama antara kedua-dua organisasi ini terus berpanjangan.





## FAKTOR WOW! KAMI

### KARNIVAL WOW! PERKESO 2020

Karnival WOW! PERKESO adalah berdasarkan 'World of Work'. Tanggungjawab utama PERKESO di Dunia Pekerjaan adalah untuk menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada semua pekerja yang bekerja sendiri dan tanggungan mereka. Karnival ini membolehkan PERKESO menyebarkan maklumat mengenai Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri (SKSPS). Secara tidak langsung menarik lebih ramai Orang yang Bekerja Sendiri (OBS) untuk mendaftar dan menyumbang kepada skim ini. Pelbagai aktiviti menarik seperti Mini Karnival Pekerjaan EIS, saringan kesihatan percuma, persembahan artis jemputan dan banyak lagi aktiviti dianjurkan untuk menarik perhatian orang ramai.

Terdapat juga pameran produk PERKESO yang dipaparkan pada karnival tersebut bagi kemudahan Orang Berinsurans dan masyarakat umum melihat dan mempelajari tentangnya.



Karnival ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada majikan dan pekerja, di mana sebanyak 78 syarikat swasta dan awam mengambil bahagian dalam acara tersebut dengan tawaran peluang pekerjaan sebanyak 10,802 kekosongan.













Mobile Health Promotion & Injury Prevention Unit and Caravan PERKESO

## U S A H A K A M I

### KARAVAN PERKESO

Karavan PERKESO telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Amir Omar, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia.

Konsep ini mengimbas tahun-tahun awal ketika PERKESO melakukan lawatan menggunakan van dengan kain sepanduk diikat di sisi namun kini lebih moden dan selesa.

Pelancaran Karavan PERKESO menunjukkan komitmen agensi untuk menyantuni orang ramai. PERKESO merancang menggunakan unit karavan ini untuk menyasarkan kawasan pedalaman dan luar bandar di mana maklumat mengenai organisasi, faedah anggota dan program mungkin sukar diperolehi.

PERKESO berhasrat memberi tumpuan kepada individu bekerja sendiri yang merangkumi nelayan, petani, penjaja, aktivis seni serta mereka yang terlibat dalam ekonomi gig dan perniagaan dalam talian.

**“Pelanggan kami sentiasa menjadi keutamaan saya. Kepuasan mereka adalah penghargaan buat saya. Saya percaya, adalah penting untuk sentiasa mendekati semua pelanggan. Kita mesti mudah dihubungi dan didekati oleh rakyat.**

**Pelancaran karavan bergerak PERKESO pada tahun 2020 memenuhi tujuan ini dan meningkatkan akses rakyat di kawasan luar bandar kepada kami. Kami akan meneruskan usaha kami dan memastikan mereka berpuas hati.”**



**Datin Azlaily binti Abd Rahman**  
Timbalan Ketua Eksekutif (Korporat)

Datin Azlaily adalah penasihat undang-undang pertama yang dibawa ke PERKESO. Dilantik sebagai Pengurus Besar Bahagian Undang-Undang pada Januari 2001, beliau menyelesaikan banyak kes Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial (JRKS) dan kes-kes rayuan di seluruh Malaysia secara agresif. Di bawah Akta 4, terdapat peruntukan yang mensyaratkan penubuhan JRKS yang menjadi platform untuk Orang Berinsurans, majikan, bahkan doktor yang merawat mengemukakan rayuan bagi tuntutan yang ditolak.

Pada mulanya, terdapat banyak tafsiran yang berbeza mengenai apa yang menentukan kelayakan faedah dalam Akta 4. Untuk menangani masalah ini, Datin Azlaily membuat garis panduan yang menjadi asas dalam membuat keputusan lebih telus dan berkesan. Di samping itu, beliau juga memulakan kursus dan latihan pendakwaan untuk pegawai penguatkuasaan PERKESO di seluruh negara.

Tahun ini PERKESO berjaya memperoleh keputusan terbaik dari penilai bebas dan mengungguli pesaingnya.

Timbul rasa kepuasan apabila melihat perkhidmatan pelanggan meningkat dengan ketara dan cemerlang.

“Saya bangga bahawa PERKESO telah berkembang maju selama beberapa tahun ini dan telah membantu begitu banyak rakyat yang kini dilindungi di bawah pelbagai skim. Lebih banyak perlindungan keselamatan sosial akan diperkenalkan pada masa akan datang untuk memenuhi keperluan yang berubah-ubah.

Saya juga berbesar hati menjadi sebahagian daripada pasukan pembangunan modul Standard Kompetensi Kebangsaan (NCS) berkaitan Pentadbiran Keselamatan Sosial sejak 2018. Pada Disember 2020, Jabatan Pembangunan Kemahiran telah meluluskan modul kami dan kini semua institusi awam dan swasta di Malaysia boleh menerima pakai dan memasukkannya sebagai subjek pembelajaran. Impian saya menjadi kenyataan, keselamatan sosial diajar di institusi-institusi dan mungkin di sekolah pada masa akan datang,” akhiri Datin Azlaily.



Bab 3 Transformasi Perkhidmatan untuk Peningkatan Produktiviti

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Wajah anak-anak yatim yang riang menambahkan kegembiraan pada majlis iftar yang diadakan. Turut hadir untuk pertama kalinya dalam majlis iftar bersama penerima faedah pada tahun 2019 ialah YB M. Kula Segaran, Menteri Sumber Manusia yang tidak melepaskan peluang untuk mengenali Orang Berinsurans.

Dalam ucaptamanya, beliau menyatakan bahawa fokusnya adalah untuk memperkukuhkan PERKESO sebagai agensi utama dalam memberikan perlindungan keselamatan sosial kepada semua tenaga kerja di Malaysia.

PERKESO juga menyampaikan sumbangan ‘duit raya’ dan hamper kepada anak-anak yatim dan ibu tunggal. Selain itu, pembayaran faedah dan peralatan pemulihan juga disampaikan kepada penerima faedah PERKESO yang hadir. Diharapkan sumbangan dan faedah ini dapat membantu penerima faedah dalam membuat persiapan perayaan Hari Raya Aidilfitri masing-masing.



PERKESO menganjurkan Iftar 2019 bersama penerima faedah.



Sambutan Hari Raya Aidilfitri PERKESO pada tahun 2018



Perayaan Krismas PERKESO pada tahun 2018



Sambutan Tahun Baru Cina PERKESO pada tahun 2018



Sambutan Tahun Baru Cina PERKESO pada tahun 2019



Perayaan Deepavali PERKESO pada tahun 2019



Perayaan Deepavali PERKESO pada tahun 2017

## PROGRAM PRIHATIN KELUARGA ANGGAT PERKESO (PROTEK)

Program Prihatin Keluarga Angkat PERKESO (PROTEK) adalah inisiatif oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed pada awal tahun 2019. Secara prinsipnya PROTEK diperkenalkan demi memastikan program Tanggungjawab Sosial Korporat PERKESO lebih berstruktur dan meninggalkan impak jangka panjang. Acara kebajikan yang biasa dilakukan bersifat *'one-off'* seperti sambutan perayaan atau terhad kepada pemohon yang ditimpa kesusahan dari semasa ke semasa didapati kurang berkesan.

PROTEK merupakan pendekatan secara berfokus dan kini mempunyai seramai 100 anak angkat yang dikategorikan sebagai asnaf fakir dan miskin. Mereka akan dibantu dengan perbelanjaan persekolahan meliputi kelengkapan pakaian sekolah, penyertaan dalam program motivasi dan perbelanjaan yuran persekolahan khususnya bagi yang

bakal menduduki peperiksaan Penilaian Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Prestasi pelajaran anak angkat ini dipantau oleh Mentor mereka dari PERKESO melalui kerjasama pihak sekolah dan PIBG demi memastikan mereka boleh melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Selain itu, anak-anak angkat ini turut diberi bantuan dalam persediaan menyambut perayaan serta sumbangan komputer riba atau tablet kepada yang benar-benar memerlukan khususnya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

PROTEK adalah inisiatif nilai tambah kepada penerima faedah PERKESO demi memastikan mereka keluar dari kategori asnaf fakir miskin menerusi kerjaya yang terjamin setelah berjaya tamat pengajian di IPT.





50 TAHUN PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL  
PERKESO

## KEPRIHATINAN KAMI

### SKUAD PERKESO PRIHATIN

Skuad PERKESO Prihatin yang diperkenalkan pada tahun 2016 adalah program yang sangat unik. Pendekatan Skuad PERKESO Prihatin adalah konsep turun padang untuk membantu mana-mana Orang Berinsurans yang cedera dan tanggungannya dengan memberi bantuan segera dan membantu membuat permohonan faedah.

Pendekatan berani dan radikal ini sangat dihargai oleh Orang Beinsurans dan telah mendapat pujian daripada pemimpin masyarakat di pelbagai peringkat.

YB Dato' Haji Mahfuz Haji Omar, Timbalan Menteri Sumber Manusia semasa ucapan penutupnya pada sesi terakhir Sidang Dewan Rakyat 2018 memberi pujian atas usaha dan tindakan pantas Skuad PERKESO Prihatin dalam membantu Orang Berinsurans dan tanggungan mereka. Ucapan YB juga mendapat tepukan dari ahli-ahli Yang Berhormat Kangar, Parit Sulung dan Segamat.

YB Dato' Haji Mahfuz Haji Omar sering turun padang bersama Skuad PERKESO Prihatin untuk berjumpa dan menghulurkan bantuan kepada Orang Berinsurans atau tanggungan mereka. Beliau sendiri telah menyaksikan penghargaan yang diberikan kepada PERKESO atas tindakan pantas meringankan beban mereka yang ditimpa bencana. Seterusnya memberi harapan kepada mereka untuk meneruskan kehidupan.

Skuad PERKESO Prihatin bekerjasama dengan pemimpin masyarakat setempat, ketua kampung, polis, bomba, hospital dan entiti lain untuk memastikan jaringan keselamatan sosial dan kesejahteraan Orang Berinsurans dapat diperluas bagi menjalinkan hubungan yang lebih erat dengan pemimpin masyarakat.

Skuad PERKESO Prihatin sentiasa menjalin hubungan baik dengan media supaya hak dan faedah Orang Beinsurans yang diberikan oleh PERKESO dapat diketahui umum.

Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 telah memberikan skim perlindungan yang optimum kepada pekerja melalui Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan. Sehingga kini, terdapat 579,599 penerima di bawah kedua-dua skim tersebut dan PERKESO telah mengeluarkan pembayaran berjumlah RM3.7 bilion untuk semua pembayaran faedah yang diluluskan melalui skim tersebut.

PERKESO berharap agar setiap warga PERKESO berkongsi maklumat yang diterima dari media sosial mengenai keadaan ibu tunggal atau anak yatim yang memerlukan pertolongan PERKESO supaya mereka dapat dibantu.




### Warkah Seorang Anak Kepada PERKESO

Surat tulisan tangan yang dikirim oleh seorang remaja kepada Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO untuk mengucapkan terima kasih telah menjadi inspirasi kepada PERKESO untuk terus membantu mereka yang memerlukan.

Surat ini telah dikirim oleh Ahmad Faris Aiman bin Ahmad Rizal yang ayahnya lumpuh diserang strok sehingga tidak dapat bekerja. Keluarga tersebut menerima Pencen Ilat ayahnya. Faedah ini membantu keluarga ini untuk meneruskan kehidupan.

Bantuan itu menjadi lebih bermakna apabila remaja itu memperoleh keputusan yang cemerlang dan memasuki sekolah berasrama penuh. Melalui suratnya, jelas bahawa dia bertekad untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya untuk menunjukkan rasa terima kasihnya kepada PERKESO.

Kisah ini telah meningkatkan kesedaran masyarakat tentang PERKESO dan faedah yang diberikan. PERKESO berharap dapat menanamkan kesedaran tentang pentingnya mewujudkan masyarakat penyayang yang akan mendorong negara untuk menjadi negara maju.



Surat asal yang diterima oleh Ketua Eksekutif PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed.



50 TAHUN PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL PERKESO



## MENGUNGGULI KESELAMATAN SOSIAL DENGAN SEMINAR DAN PERSIDANGAN

### INTERNATIONAL FORUM ON DISABILITY MANAGEMENT (IFDM)

PERKESO amat berbesar hati menganjurkan forum antarabangsa mengenai pengurusan hilang upaya buat pertama kalinya di Malaysia. IFDM telah diadakan pada 22 - 24 November 2016 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dan dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Forum ini telah dihadiri 1,280 peserta dari 39 buah negara. Forum ini berjaya menarik penyertaan penceramah-penceramah yang pakar dalam bidang pengurusan kurang upaya.

Topik-topik yang dibentangkan dan dibincangkan adalah topik penting seperti cuti sakit berpanjangan, pengurusan sumber manusia, pemulihan fizikal, sokongan pekerjaan, penempatan pekerjaan, perlindungan sosial serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Forum ini telah dirancang dengan teliti selama tiga tahun dan telah dianjurkan dengan jayanya, di mana ia telah memberikan pendedahan yang baik kepada ribuan majikan melalui penyertaan mereka.



Pelancaran buku PERKESO, "SOCISO RETURN TO WORK IN MALAYSIA - A JOURNEY TO A DECADE" oleh Professor Marius Olivier, Pengarah *International Institute for Social Law and Policy* (IISLP)



Gambaran persidangan *International Forum On Disability Management*.





## *INTERNATIONAL SOCIAL SECURITY ASSOCIATION (ISSA) REGIONAL SOCIAL SECURITY FORUM (RSSF) FOR ASIA AND THE PACIFIC 2018*

Pada tahun 2018, satu lagi forum berjaya dianjurkan PERKESO di Malaysia buat julung kalinya. PERKESO telah diberi penghormatan oleh *International Social Security Association* (ISSA) sebagai tuan rumah untuk menganjurkan Forum Keselamatan Sosial Serantau (RSSF) untuk Asia dan Pasifik 2018.

Forum yang diadakan di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur ini berlangsung dari 2 hingga 4 Oktober 2018. Forum ini dilihat sebagai platform utama untuk pengamal keselamatan sosial dari seluruh dunia. Delegasi yang menghadiri forum ini berkongsi maklumat dan pengetahuan penting melalui perbincangan untuk menganalisis trend keselamatan sosial yang penting dan isu-isu keutamaan di rantau Asia Pasifik.

Forum antarabangsa dan berprestij ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Antara yang hadir ialah lima tetamu kehormat, 145 delegasi asing, 160 delegasi domestik dan 65 tetamu undangan dari seluruh dunia, semuanya mewakili institusi anggota ISSA.

YAB Timbalan Perdana Menteri dalam ucapannya menyatakan bahawa kesejahteraan sosial rakyat Malaysia adalah keutamaan Kerajaan, bahkan menganjurkan agar perlindungan yang diberikan lebih holistik dan meliputi semua lapisan masyarakat. Beliau berharap liputan ini akan merangkumi semua jenis pekerja, termasuk mereka yang bekerja sendiri, suri

rumah, orang tua, kanak-kanak dan orang kurang upaya serta memastikan bahawa faedah yang berkaitan dapat disalurkan kepada mereka yang memerlukan.

Bersama dengan penganjuran forum ini, ISSA juga telah mengadakan program khas yang dinamakan Anugerah 'Good Practice' ISSA. PERKESO berjaya merangkul tiga pengiktirafan seperti berikut:

1. **Program Sokongan Keselamatan Komuter**  
(Kategori: Pencegahan Risiko Pekerjaan, Kualiti Perkhidmatan)
2. **Inisiatif Transformasi Penguatkuasaan**  
(Kategori: Pengumpulan dan Pematuhan Sumbangan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi)
3. **Sijil Kecemerlangan untuk Kejayaan Aplikasi Garis Panduan ISSA mengenai Promosi Kesihatan di Tempat Kerja.**

ISSA melalui ucapan penutup Presidennya, mengucapkan tahniah kepada PERKESO atas kejayaan penganjuran RSSF untuk Asia dan Pasifik 2018. Forum yang dilaksanakan dengan baik ini telah melebihi jangkaan para perwakilan dari dalam mahupun luar negara.

Jawatankuasa Penganjur (NOC) telah berjaya merancang dan mengelola perjalanan forum dengan lancar. PERKESO sekali lagi berjaya bersinar dan menonjolkan Malaysia di platform antarabangsa.





50 TAHUN PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL  
PERKESO





International Social Security Association  
**TECHNICAL SEMINAR ON DIGITALIZATION**  
NEW FORMS OF WORK: FOCUSING ON OCCASIONAL WORKERS

18 - 20 FEBRUARY 2020  
INTERCONTINENTAL KUALA LUMPUR,  
MALAYSIA





Organized by:  
MAMPU BERKUALITI BERKESAMA

tion  
DIGITALIZATION  
INTERNATIONAL RISKS

International Social Security  
TECHNICAL SEMINAR

18 - 20 FEBRUARY 2020  
INTERCONTINENTAL KUALA LUMPUR  
MALAYSIA

VISION ZERO CO



issa

International Social Security Association  
TECHNICAL SEMINAR ON DIGITALIZATION

## K E S E L A M A T A N   K A M I

### PROGRAM 'VISION ZERO' 2019

Keselamatan diri selalunya diambil mudah sehingga ia mengundang bahaya kepada diri sendiri. Langkah keselamatan yang mudah seperti memakai topi keledar, mengikat tali pinggang keledar dan memberi isyarat di persimpangan boleh memberi perbezaan antara hidup dengan mati. Keselamatan adalah perkara yang perlu dipupuk dalam kalangan generasi muda masa kini.

Pada pelancaran Persidangan *Vision Zero* Malaysia pada 10 Julai 2019, Menteri Sumber Manusia, YB M. Kula Segaran memaklumkan kepada hadirin bahawa jumlah kemalangan melibatkan pekerja yang pergi dan balik kerja menunjukkan trend yang membimbangkan dengan purata dua kematian dicatatkan setiap hari.

Jumlah kemalangan pekerjaan yang dilaporkan kepada PERKESO pada tahun 2018 adalah 72,631 kes dan melibatkan 888 kematian. Ini merupakan kehilangan besar bagi keluarga dan negara.

Dalam usaha meningkatkan kesedaran tentang kemalangan sifar dalam masyarakat, pengetahuan tentang keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan perlu ditingkatkan dan diamalkan pada semua peringkat bukan sahaja di sektor pekerjaan tetapi juga di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Persidangan ini mendapat sambutan baik oleh sekitar 1,000 peserta dari dalam dan luar negara. Ia adalah platform terbaik untuk membincangkan kaedah penyelesaian serta pencegahan kemalangan, kecederaan dan penyakit pekerjaan.

Kementerian Sumber Manusia menyokong sepenuhnya pelaksanaan *Vision Zero* yang diperkenalkan oleh *International Social Security Association* (ISSA) kerana ia menekankan kepentingan keselamatan dalam kehidupan seharian.



*Vision Zero* Malaysia 2019 adalah persidangan yang dianjurkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (PERKESO) dan disertai oleh profesional, majikan dan ahli akademik OSH.

**KENAPA VISION ZERO ?**

- “*Vision Zero*” adalah pendekatan transformasi untuk pencegahan yang mengintegrasikan tiga dimensi keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan di semua peringkat pekerjaan.
- Membina budaya pencegahan yang kuat, mencegah kemalangan, bahaya dan penyakit berasaskan dari pekerjaan.
- Keadaan kerja yang selamat dan sihat bukan sahaja merupakan kewajipan moral dan undang-undang, ia bermanfaat dari segi ekonomi.
- Konsep *Vision Zero* ISSA adalah fleksibel dan dapat disesuaikan dengan mengutamakan keselamatan, kesihatan mahupun kesejahteraan untuk pencegahan dalam apa jua konteks. *Vision Zero* bermanfaat di mana-mana tempat kerja, perusahaan atau industri di semua wilayah di dunia.



Pelancaran *Vision Zero* oleh Menteri Sumber Manusia, YB M. Kula Segaran.



Ini adalah sebuah platform atau salah satu tonggak *Vision Zero* dalam pemodenan pengurusan dan penyediaan maklumat relevan yang mempromosikan pencegahan dan kesihatan pekerja. Halaman *Vision Zero* PERKESO (<https://visionzero.perkeso.gov.my>) menganjurkan platform perdagangan untuk pencegahan dan promosi kesihatan pekerja untuk:

- menyebarkan konsep *Vision Zero* dengan menyediakan alat yang boleh disesuaikan;
- mengemaskini maklumat dengan pantas di peringkat nasional;
- mengenalpasti dan menonjolkan amalan perniagaan baik melalui kempen komunikasi yang bersasar;
- menekankan tema keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kalangan masyarakat umum dan juga syarikat untuk membawa perubahan mentaliti kepada semua yang terlibat.

## S U M B A N G A N K A M I

# INISIATIF DAN BANTUAN COVID-19

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan satu tempoh yang mencabar bagi majikan dan pekerja tatkala diuji dengan tekanan kewangan. Ramai pekerja kehilangan pekerjaan dan ada yang dipaksa cuti tanpa gaji. Malah, majikan sendiri bergelut dengan aliran tunai apabila perniagaan terpaksa ditutup ketika PKP.

Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO telah memperkenalkan beberapa pakej rangsangan untuk pekerja dan majikan yang terjejas akibat

wabak COVID-19. Pakej rangsangan ini dapat meringankan beban majikan dan pekerja dalam tempoh sukar ini.

Berdasarkan Akta 800 dan Akta 789 yang diluluskan pada tahun 2017, ia memudahkan urusan PERKESO untuk menyalurkan bantuan ekonomi kepada yang terjejas melalui Pakej Rangsangan COVID-19.

### PAKEJ RANGSANGAN COVID-19 OLEH PERKESO

2020





## S T R A T E G I K A M I

## PELAKSANAAN KERJASAMA STRATEGIK

**Libat Urus dengan Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO)**

Sejak penubuhan PERKESO di bawah Akta 4 1969, kerjasama erat dengan Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) telah terjalin.

Pada 31 Mac 2017, tiga pakar dari Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) dalam bidang Pemeriksaan/Pentadbiran Buruh telah mengadakan kunjungan rasmi ke PERKESO. Lawatan ini bertujuan mendapatkan pandangan, ulasan dan cadangan dari pihak berkepentingan dalam meningkatkan sistem pemeriksaan buruh dan reformasi undang-undang buruh.

Encik Hairiri Harun dan Encik Mohd Noh Ishak dari Cawangan Penguatkuasaan PERKESO telah memberi taklimat mengenai pemeriksaan dan penguatkuasaan di PERKESO. Maklumat telah dikongsi mengenai sistem yang digunakan untuk membantu aktiviti penguatkuasaan. Lawatan sehari itu memberi manfaat kepada PERKESO, pihak berkepentingan dan agensi berkaitan dalam mengkaji dan memperbaiki kaedah pemeriksaan di agensi masing-masing yang akhirnya akan memberi manfaat kepada semua pekerja di Malaysia

Pihak ILO yang diwakili oleh Nuno Cunha (Pakar ILO Perlindungan Sosial (Bangkok)) dan Ann Santhiago (Pegawai Projek Nasional ILO, Malaysia) turut mengadakan perbincangan tambahan mengenai kerjasama teknikal.

Para anggota juga mengambil kesempatan untuk membincangkan halatuju kerjasama teknikal dan berkongsi pengetahuan mengenai Program ILO untuk Malaysia (2018-2020), Skim Bencana Pekerjaan, Sistem Insurans Pekerjaan dan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri.

Lawatan ini mengukuhkan peluang kerjasama untuk mencapai kemajuan dalam memperluas keselamatan sosial di Malaysia.

**Memupuk Harmoni**

Kesatuan Kakitangan PERKESO menegakkan prinsip melindungi pekerja di dalam mahupun luar organisasi. Hubungan majikan-pekerja yang harmoni telah lama diwujudkan oleh kesatuan ini.

Kesatuan Kakitangan PERKESO juga bergabung dengan MTUC, CUEPACS dan BBDS untuk memastikan kesatuan-kesatuan sekerja tersebut mempunyai hubungan yang harmoni dengan majikan.

**“Adalah lebih baik jika kita dapat menyelesaikan semua masalah di peringkat pengurusan terlebih dahulu sebelum kita membawanya ke kementerian. Kami juga mahukan hubungan yang harmoni antara pekerja dan pengurusan PERKESO. Persepsi biasa melihat Kesatuan adalah halangan dan seteru. Syukurlah setakat ini, kami berjaya menyelesaikan semua perkara secara damai.” menurut Saudara Tuan Azman.**

Kesatuan kakitangan adalah enjin yang mendorong organisasi, oleh itu sangat penting bagi semua pihak untuk bekerja secara harmoni. Apabila pekerja menunjukkan prestasi dan produktiviti yang tinggi, suara mereka akan didengar dan dihormati oleh pihak pengurusan. Sekiranya pekerja gagal menunjukkan prestasi, maka mereka hanya bergantung kepada belas ihsan keputusan pengurusan. Oleh itu, sangat penting bagi pekerja untuk melaksanakan tugas mereka dengan baik.



Malaysia telah menjadi anggota ILO sejak 1957 dan telah meratifikasi 18 Konvensyen ILO, yang mana 17 daripadanya masih berkuatkuasa. Ini merangkumi lima daripada lapan konvensyen teras ILO. Konvensyen teras yang tidak diratifikasi adalah Konvensyen Kebebasan Berpersatuan dan Perlindungan Hak Menganjur 1948 (No. 87) dan Konvensyen Diskriminasi (Penggajian dan Pekerjaan) 1958 (No. 111).



**Saudara Tuan Azman bin Tuan Yaacob**  
Presiden Kesatuan Pekerja PERKESO



**Encik Che Hamid bin Che Ahmad**  
Ketua Pegawai Sumber Manusia, PERKESO



Dari pandangan pihak pengurusan, En. Che Hamid teringat bagaimana beliau bermula di pejabat kecil PERKESO yang ditempatkan di dalam Pejabat Tenaga Kerja di Temerloh, Pahang. Ketika itu hanya ada tujuh orang pekerja. “Ada kalanya kakitangan malu untuk memberitahu keluarga atau rakan bahawa mereka bekerja di PERKESO. Namun, itu semua berubah apabila PERKESO menjadi sebuah badan berkanun.” En. Che Hamid berbangga dengan PERKESO yang berevolusi dengan cepat sehingga dikenali di dalam dan luar negara.

PERKESO bergerak maju ke hadapan kerana budaya dalaman yang percaya tentang pentingnya peningkatan kemahiran dan latihan semula. Setiap anggota di PERKESO percaya bahawa tidak ada agensi lain yang wujud semata-mata untuk menolong orang lain ketika keadaan memerlukan.

Walau bagaimanapun, pada akhirnya ia tetap bergantung kepada individu pekerja itu untuk sedar dan melibatkan diri dalam kerjaya yang mulia ini. Sifat utama yang diperlukan dari kakitangan PERKESO adalah semangat, kecekapan, komitmen dan dedikasi. Manakala sifat penting tambahan yang diperlukan dari barisan hadapan adalah keupayaan untuk menangani perasaan apabila melihat darah, memiliki rasa empati apabila melihat mereka terlantar di tempat tidur, sakit dan memerlukan bantuan.

PERKESO menjamin keselamatan sosial terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah. Sekiranya mereka terlibat dalam kemalangan atau menderita dengan penyakit kritikal, tidak ada jaminan lain untuk kelangsungan hidup mereka. Kakitangan PERKESO perlu terus mencari ilmu, belajar dan menambah pengalaman dalam selok-belok mengurus Orang Berinsurans dengan baik.

Kakitangan PERKESO sentiasa diberkati kerana pekerjaan harian mereka adalah membantu pencarum yang memerlukan. Oleh itu, setiap kakitangan PERKESO memikul tanggungjawab besar kerana perkhidmatan dan peranan mereka menentukan masa hadapan pencarum dan tanggungannya, sama ada gelap atau memberi harapan baharu.

PENCAPAIAN  
**PERISTIWA-PERISTIWA  
PENTING**



4 The Asia HRD Awards 2017

JANUARI 1988, SEPTEMBER 2008

# Socso clinches prestigious award for its contributions

Socso, which was among the big winners of the night at the recent Asia HRD Awards 2017, walked away with the prestigious 'Contributions to Organisation' award. In recognition of its achievements in building strong HR systems, processes and practices aimed at enhancing employee development.

Apart from providing social security protection to its employees and their dependents, Socso has also put in place comprehensive human resource development (HRD) policies for its own staff.

Under the leadership of its CEO, Datuk Dr Mohamad Anwar Abd. Mohamad, Socso employees (2,000 staff) located in 12 offices nationwide.

Dr Mohamad Anwar, who headed the award on behalf of the organisation, says the accolade is a meaningful testimony to the good relations between the management and staff at Socso, apart from showing that their human resource programmes have been effective and impactful.

"First of all, I would like to express my sincere gratitude to Asia HRD Award judging committee for recognising us with this prestigious award. This achievement will make us work harder to improve employee well-being, not only within Socso but for all Malaysian employees," he says.

### Competitive

He adds that the award decision states that Socso is not only competitive among government agencies but also within the private sector.

"Moreover, quote Thomas A. Edison Jr, who was the chairman and chief executive officer during World War I: 'I believe the real difference between success and failure is cooperation. It is very often found in the question of how well the organisation brings out the great energies and talents of its people'."

### Open communication

Dr Mohamad Anwar says that at Socso, the management believes in practising open communication with its staff.

"I believe that leaders should have strong interpersonal skills and communicate effectively."

"We have regular engagement sessions with the business units as well as regular listening programmes with our staff to get their feedback on the company's

**This achievement will make us work harder to improve employee well-being, not only within Socso but for all Malaysian employees.**

Dr Mohamad Anwar

programmes," Dr Mohamad Anwar says.

### Employee development

Added that employee development is so important to Socso, he says having competent and honest eligible staff is crucial, especially for a social security organisation.

Being in the business of providing services to people, employee development is needed, he says. In the service industry, customers are the main stakeholders and their care. He refers to employees, employees and the society in general.

"Socso provides services to the workers and their dependents in any event of work-related injuries, disability or death. We can't provide the best service to clients if our staff are not competent, honest, eligible, able and direct, have compassion and empathy towards our clients," he says.

It goes with this in mind that the organisation formulated its Human Resource Development Plan 2016-2020 with the objective of empowering Socso's human capital to become Subject Matter Experts in the area of Social Security, apart from building a culture of creativity, innovation and quality.

### S4P policy

The organisation also places an emphasis on good interpersonal skills among its staff through the introduction of the Employee Customer Guide (ECG) for counter staff and the S4P policy (Service, Skills, Satisfaction, Integrity) culture.

The S4P policy, he says, was recognised by the Public Services Department at the national level. Awarded in the Innovation category.

### Balance Scorecard

There are introduced performance measurement methodology to Socso, with the Balance Scorecard.

"Staff performance is measured through four perspectives - Customer Service, Process, Internal Business Process, and the



Socso CEO Datuk Dr Mohamad Anwar receiving the award from Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.



The jubilant Socso team with Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

### Learning and Growth Perspective

he says.

Among the metrics measured through the Balance Scorecard is the performance of the Process Initiative Squad members.

The squad, which has been set up in every Socso office nationwide, is in line with the organisation's aim to provide services that go beyond the expectations and self-beyond of its clients.

Last year, the squad successfully reduced the 1,734 cases it received within an average period of four days.

### Transformation of its service delivery

In 2015, the organisation also tackled off a transformation of its service delivery in order to ensure it meets the current conditions and to create further value to its workers.

Dr Mohamad Anwar says, each Socso employee, as a key driver of the service, must not only have academic qualifications but also be knowledgeable and able to solve problems by thinking

### outside the box.

He says the transformation programme also aimed to encourage employees to be more responsive to changes in the environment and to the demand of clients.

Every Socso employee also acts as a facilitator in ensuring that the clients receive the services provided to them," he says.

Apart from ensuring their staff are competent, knowledgeable and skilled, the organisation also makes it a priority to ensure that the employees are happy and healthy.

### Wellness Programme

The new, overall wellness of the workers, comprising physical, emotional and social wellness, is important in any organisation.

"That is why we also have a Wellness Programme in place to enhance employee productivity through improvements to their

### wellness," he says.

Among the activities under Socso's Wellness Programme is Active Growth Challenge 2017, which aims to encourage employees to help their employees to stay active wherever they are.

The three-month challenge, which will run from Sept 1 to Nov 31, 2017, involves employees whose employees took the most steps through the facilities with mobile apps.

Dr Mohamad Anwar stresses that organisations that are reluctant to spend on employees' well-being will end up incurring indirect costs such as sick leaves, or expenses related to sick pay, whereas not have.

Socso aims to lead by example in this area to prove that organisations that invest in their workers can create a productive, resilient and robust organisation. It leads to a long-term positive impact on the organisation's bottom line.

"I strongly believe in work-life balance that empowers family, career and community," he adds.

## PENCAPAIAN KAMI

# KISAH BENAR KEJAYAAN

### ANUGERAH SEBAGAI REFLEKSI KEJAYAAN TEMPATAN DAN GLOBAL

Bermula tahun 1995, PERKESO mula meraih beberapa anugerah atas pelbagai usaha di peringkat nasional dan antarabangsa.

PERKESO sentiasa selangkah ke hadapan dalam usaha memenuhi keperluan dan manfaat pencarumnya.

Anugerah pertama yang dimenangi oleh PERKESO pada tahun 1995 ialah Anugerah Piagam Pelanggan Terbaik untuk Kategori Badan Berkanun Persekutuan yang membuktikan kepentingan pencarum kepada PERKESO.

Tahun silih berganti, PERKESO semakin dikenali apabila memenangi pelbagai anugerah dalam bidang kualiti kerja, automasi sistem, perkhidmatan pelanggan barisan hadapan dan fasiliti terbaik pada peringkat nasional, serta hubungan kerja yang harmoni antara pengurusan dan kesatuan sekerja.

Organisasi ini juga telah diberi Anugerah Penarafan Empat Bintang 2010 - Indeks Perkhidmatan Barisan Hadapan oleh MAMPU dan Penarafan Lima Bintang untuk Laman Web PERKESO - Penilaian Portal & Laman Web Kerajaan Malaysia 2011 (MGPWA).

Di persada antarabangsa juga, PERKESO telah berjaya memperoleh banyak Anugerah, Tempat Pertama, Emas dan Perak bagi program inovatif *Return To Work*, kawalan kualiti, pengiktirafan inovasi dalam projek-projek keselamatan sosial dan transformasi mengenai keselamatan sosial secara keseluruhannya.

Sebilangan kemenangan antarabangsa PERKESO yang dicatatkan ialah

- Anugerah *Return To Work: Best Practices Innovative Policy 2013 - Zero Project Conference 2013 World Future Council, ESSL Foundation.*
- Tempat Pertama di *International Media Festival For Prevention (IMFP) (24-27 Ogos 2014).* Dengan kerjasama *XX World Congress on Safety and Health at Work* di Frankfurt, Jerman.
- Anugerah *Innovation Recognition* dari *ASEAN Social Security Association (ASSA) 2019*, Brunei Darussalam.
- Anugerah *Red Hat Asia Pacific Innovation (20 Oktober 2020) - Transformation project towards digitization of services to customers.*

Majlis Anugerah Kualiti Dan Inovasi PERKESO 2019



## HARI BURUH CUEPACS 2018

### ANUGERAH MAJIKAN PRIHATIN PERINGKAT PERSEKUTUAN PUTRAJAYA/KUALA LUMPUR



PERKESO berbangga dengan Anugerah Majikan Prihatin Peringkat Persekutuan Putrajaya/Kuala Lumpur sempena Hari Pekerja CUEPACS 2018. Ini adalah testimoni keprihatinan PERKESO terhadap kesejahteraan pencaerum-pencarumnya.



## TEMPAT KERJA PALING SIHAT MALAYSIA OLEH AIA VITALITY 2018

### PEMENANG ANUGERAH MAJIKAN MALAYSIA PALING SIHAT 2018 & ANUGERAH TERPUJI UNTUK TEMPAT KERJA PALING SIHAT 2018



PERKESO sentiasa berusaha untuk mewujudkan persekitaran kondusif dan sihat yang membimbing dan mendidik pekerja supaya meningkatkan kesejahteraan fizikal, sosial dan mental. Ini perlu untuk memaksimumkan produktiviti dan kemahiran mereka.

Ia merupakan suatu penghormatan apabila Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak, Melaka memenangi Anugerah Majikan Sihat 2018 dan Anugerah Terpuji untuk Tempat Kerja Paling Sihat 2018 dalam Majlis Penganugerahan Tempat Kerja Paling Sihat di Malaysia oleh AIA Vitality!

PERKESO bermatlamat untuk meningkatkan produktiviti dan kesejahteraan tenaga kerja bukan hanya untuk kakitangan PERKESO sahaja tetapi untuk semua Orang Berinsurans dan tanggungannya dari semua syarikat di Malaysia.



Selari dengan perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh PERKESO, kesihatan dan kesejahteraan pekerja terus menjadi keutamaan.

## ASEAN SOCIAL SECURITY ASSOCIATION (ASSA) 2018

### ANUGERAH TEKNOLOGI INOVATIF



PERKESO menerima Anugerah Teknologi Inovatif dari *ASEAN Social Security Association* (ASSA) untuk Sistem Pemulihan Elektronik PERKESO mereka e-Pulih.



## ANUGERAH KECEMERLANGAN E-PEMBAYARAN MALAYSIA 2018 & 2019

### TOP FPX MERCHANT (SEKTOR KERAJAAN)



PERKESO menerima anugerah untuk Kategori Sektor Kerajaan di Anugerah Kecemerlangan e-Pembayaran Malaysia 2018 bersama KWSP dan LHDN.

Anugerah Kecemerlangan e-Pembayaran Malaysia mengiktiraf pencapaian cemerlang bank, perniagaan dan agensi kerajaan yang telah menyumbang secara signifikan ke arah kecemerlangan, inovasi dan pertumbuhan e-Pembayaran.

Ini adalah satu penghormatan kepada PERKESO apabila diiktiraf sebagai “*Top FPX Merchant* (sektor Kerajaan)” di Anugerah Kecemerlangan e-Pembayaran Malaysia 2019 PayNet di Kuala Lumpur.

Ini merupakan suatu saat yang menggembirakan bagi PERKESO apabila menerima anugerah tersebut sebagai penggerak dalam mendorong inovasi e-Pembayaran untuk Orang Berinsurans.

## INTERNATIONAL CONVENTION ON QUALITY CONTROL CIRCLES 2019 ANUGERAH EMAS



PERKESO memenangi Anugerah Emas di *International Convention on Quality Control Circles 2019* di Tokyo, Jepun. Pencapaian yang amat bermakna ini, mencerminkan minda dan semangat anggota PERKESO yang inovatif.



## PEMENANG ANUGERAH INOVASI RED HAT APAC 2020



PERKESO diiktiraf sebagai Pemenang Anugerah Inovasi Red Hat APAC 2020 untuk Malaysia kerana pemodenan sistem legasi dan perkembangan aplikasi baharu.

PERKESO sentiasa mendukung perubahan dan konsisten dalam melaksanakan transformasi digital, mendorong integrasi data dan teknologi. Penyelesaian kod terbuka Red Hat adalah penting untuk strategi transformasi PERKESO bagi meningkatkan dan menambahbaik kecekapan perniagaan.

PERKESO berharap ia dapat terus menjadi ikutan organisasi lain yang mencari idea untuk menambahbaik perniagaan mereka.



## INTERNATIONAL ASSOCIATION OF INDUSTRIAL ACCIDENT BOARDS AND COMMISSIONS (IAIABC) PRESIDENT'S AWARD

### ANUGERAH FRANCES PERKINS 2020



Ketua Eksekutif PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed telah dianugerahkan Anugerah Frances Perkins dalam majlis *International Association of Industrial Accident Boards and Commissions (IAIABC) President's Award 2020*. Anugerah ini adalah bukti kepemimpinan berwawasan Dato' Sri yang sememangnya layak menerima anugerah ini.

Menganggap anugerah tersebut sebagai kejayaan semua anggota PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman merasakan bahawa usaha tanpa henti memberikan perkhidmatan kepada rakyat Malaysia menjadikan kemenangan itu dapat dicapai.

Penghargaan ini dinamakan sempena Frances Perkins, bekas Setiausaha Buruh di Amerika Syarikat pada tahun 1933-1945. Selama menjadi Setiausaha



Buruh, Perkins melaksanakan banyak aspek dalam Perjanjian Baharu, termasuk Kor Pemuliharaan Awam, Agensi Pekerjaan Umum dan bahagian tenaga kerja Akta Pemulihan Industri Nasional.

Dengan Akta Keselamatan Sosial, Perkins telah menubuhkan faedah pengangguran, pencen usia tua rakyat Amerika yang tiada perlindungan dan kebajikan bagi rakyat Amerika yang paling miskin.

**ANUGERAH KECEMERLANGAN E-PEMBAYARAN MALASYIA 2020**  
**TOP FPX MERCHANT (SEKTOR KERAJAAN)**



Diberi penghormatan dengan anugerah “*FPX Merchant* (Sektor Kerajaan)” pada Anugerah Kecemerlangan e-Pembayaran Malaysia bagi tahun ketiga berturut-turut, PERKESO berasa bangga dengan pengiktirafan yang diberikan oleh Paynet. Usaha dan transformasi PERKESO dalam e-pembayaran telah memberi impak positif kepada pekerja dan Orang Berinsurans.





*The World Brands Foundation 2020 (TWBF),  
(dahulunya dikenali sebagai Asia Pacific Brands Foundation)*



**Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2016**

## ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN PERKESO

	Kategori / Peringkat	Nama Pengiktirafan/ Penganugerahan yang diterima oleh PERKESO	Pengiktirafan diterima daripada Badan / Agensi / Kementerian
2011	Antarabangsa	<p><b>Tempat Ke-2 Kategori Filem di Festival Filem &amp; Multimedia Antarabangsa (11-15 September 2011)</b> Bersempena dengan <i>XLIX World Congress on Safety and Health</i> di Istanbul, Turki</p> <p>Video Keselamatan terbitan PERKESO yang berjudul "Dah Nak Sampai" dengan kerjasama FMM dan Monash University telah memenangi tempat ke-2 untuk kategori filem dari 232 penyertaan dari 30 negara seluruh dunia</p>	International Social Security Association (ISSA) & International Labour Organisation (ILO)
2012	Kebangsaan	<p><b>Certificate of Merit Sempena ISSA Good Practice Awards Asia And The Pacific Competition 2012 (30 Oktober 2012)</b> Program <i>Commuting Accident Prevention Plan</i></p>	International Social Security Association (ISSA)
2013	Antarabangsa	<p><b>Pengiktirafan Medal Of Merit Kepada Ketua Eksekutif PERKESO (10-15 November 2013)</b> <i>World Social Security Summit Forum</i> di Doha, Qatar</p> <p><b>Anugerah Return To Work Best Practices Innovative Policy 2013</b> <i>Zero Project Conference 2013 World Future Council, ESSL Foundation</i></p>	International Social Security Association (ISSA)
2013	Kebangsaan	<p><b>Anugerah Khas SUHAKAM Bagi Kategori Agensi Kerajaan (10 Disember 2013)</b> Menerusi Program "Return To Work" daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)</p>	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
2014	Antarabangsa	<p><b>Tempat Pertama di International Media Festival For Prevention (IMFP) (24-27 Ogos 2014)</b> Sempena <i>XX World Congress Safety and Health at Work</i> yang berlangsung di Frankfurt, Jerman</p>	International Media Festival For Prevention (IMFP)
2015	Antarabangsa	<p><b>Anugerah Transformation Recognition (10-11 September 2015)</b> PERKESO telah dianugerahkan dengan <i>Transformation Recognition Award</i> atas kejayaan PERKESO melalui projek Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Razak yang telah diadakan di Mandarin Orchard, Singapore</p>	ASEAN Social Security Association (ASSA)
2015	Antarabangsa	<p><b>Certificate of Merit with Special Mention (2-4 November 2015)</b> Juri Antarabangsa ISSA telah menganugerahkan <i>Certificate of Merit with Special Mention</i> kepada PERKESO bagi Program Saringan Kesihatan di Muscat, Oman</p>	International Social Security Association (ISSA)

Kategori / Peringkat	Nama Pengiktirafan/ Penganugerahan yang diterima oleh PERKESO	Pengiktirafan diterima daripada Badan / Agensi / Kementerian
2015	<p><b>Anugerah MMA Outstanding Public &amp; Healthcare Service Award (30 Mei 2015)</b></p> <p>Di AGM <i>Malaysian Medical Association</i> yang telah diadakan di Kota Bharu, Kelantan</p>	Malaysian Medical Association (MMA)
Kebangsaan	<p><b>Penarafan 5 Bintang MAMPU 2015</b></p> <p>Penilaian berasaskan empat bidang fokus iaitu Pematuhan, Kualiti, Transformasi dan Inovasi. PERKESO telah mendapat markah melebihi 90% dan sekaligus mendapat penarafan tertinggi Lima Bintang buat julung kalinya.</p>	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Kebangsaan	<p><b>Anugerah Academy Award For Salutogenic Design Project for Rehabilitation Environment (19 Julai 2015)</b></p> <p>Pusat Rehabilitasi PERKESO telah memenangi anugerah tersebut pada <i>11th World Congress and Exhibition on Design &amp; Health</i> yang telah diadakan di Hong Kong</p>	
Antarabangsa	<p><b>Innovation Excellence Award (September 2016)</b></p> <p>Dianugerahkan <i>Innovation Excellence Award</i> semasa ASEAN Social Security Association Recognition Award 2016 bagi Program Saringan Kesihatan PERKESO di Manila, Filipina</p>	ASEAN Social Security Association (ASSA)
2016	<p><b>Certificate of Excellence in Social Security Administration (Contribution Collection and Compliance) (15 November 2106)</b></p> <p>PERKESO telah berjaya menyempurnakan <i>International Social Security Association (ISSA) Recognition Programme on ISSA Guidelines on Contribution Collection and Compliance</i></p> <p>Telah dianugerahkan <i>ISSA Certificate of Excellence in Social Security Administration (Contribution Collection and Compliance)</i> di <i>World Social Security Forum</i> di Westin Playa Hotel, Panama City Panama</p>	International Social Security Association (ISSA)
Antarabangsa	<p><b>Pengiktirafan 5 Bintang Sektor Awam (4 April 2016)</b></p> <p>PERKESO yang merupakan salah satu agensi barisan hadapan telah mendapat pengiktirafan dan anugerah penarafan Lima Bintang Sektor Awam di Dewan Taklimat Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya</p>	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Kebangsaan		

2016	Kategori / Peringkat	Nama Pengiktirafan/ Penganugerahan yang diterima oleh PERKESO	Pengiktirafan diterima daripada Badan / Agensi / Kementerian
	Kebangsaan	<p><b>Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2016 (15 Disember 2016)</b>                      PERKESO telah dinobatkan sebagai Pemenang Tempat Kedua Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2016 dengan tajuk ‘Transformasi Lanskap Perlindungan Keselamatan Sosial Negara Meningkatkan Kesejahteraan Pekerja Malaysia’. Berjaya memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM300,000 di Hotel Marriot, Putrajaya.</p>	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
	Kebangsaan	<p><b>Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha Negara (15 November 2016)</b>                      Kumpulan FULUS gabungan Cawangan Penguatkuasaan dan Bahagian Transformasi &amp; Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat PERKESO telah memenangi Anugerah Ketua Setiausaha Negara (KSN) dalam Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2016 di MITC, Melaka</p>	Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
2017	Antarabangsa	<p><b>Anugerah Asia HRD 2017 “Contribution to Organisation Award” (8 Ogos 2017)</b>                      Jawatankuasa Anugerah HRD Asia telah menganugerahkan PERKESO “Contribution to Organisation Award” kerana telah mewujudkan sistem keselamatan sosial yang dinamik di Le Meridian Hotel Putrajaya.</p>	
		<p><b>Innovative Policy 2017 on Employment, Work and Vocational Education and Training, Zero Project Conference 2017, Vienna, Austria.</b></p>	
	Kebangsaan	<p><b>Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak (PRPTAR)</b>                      Malaysia Property Awards 2017 Purpose-Built Category                      Malaysia Property Awards 2017 Public Sector Category</p>	FIABCI-MALAYSIA International Real Estate Federation
2018	Antarabangsa	<p><b>ASEAN Social Security Association (ASSA) Recognition Award 2018 For Excellence, Nha Trang, Vietnam</b>                      - Anugerah Pengiktirafan Inovasi &amp; Anugerah Khidmat Pelanggan                      - E-Pulih                      - Projek Transformasi Portal Assist</p>	ASEAN Social Security Association (ASSA)
	Antarabangsa	<p><b>Certificate Of Merit Project Enforcement Initiative &amp; Commuting Safety Support Program 2018</b>                      Program ini merupakan hasil kolaborasi dengan Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)</p>	International Social Security Association (ISSA)

2018	Kategori / Peringkat	Nama Pengiktirafan/ Penganugerahan yang diterima oleh PERKESO	Pengiktirafan diterima daripada Badan / Agensi / Kementerian
2018	Antarabangsa	<b>Certificate Merit Of Excellence Project Workplace Health Promotion 2018</b> Workplace Health Promotion (WHP) PERKESO merupakan program pertama di dunia yang berjaya memenuhi kriteria <i>ISSA Recognition Programme Guidelines</i>	International Social Security Association (ISSA)
2020	Antarabangsa	<b>Anugerah Inovasi Asia Pasifik Red Hat (20 Oktober 2020)</b> Projek Transformasi ke arah pendigitalan perkhidmatan kepada pelanggan.	Red Hat Enterprises Linux
2020	Kebangsaan	<b>Malaysian e-Payment Excellence Award 2020-Top FPX Merchant (Sektor Kerajaan)</b>	Paynet
2021	Antarabangsa	<b>Juara bagi kategori "Music is Key" di International Media Festival for Prevention (IMFP) di Toronto, Kanada</b>	International Social Security Association (ISSA)



**“Rakyat adalah penting bagi pemerintah, dan pemerintah harus mempunyai matlamat untuk memberikan semua orang yang berada di bawah bidang kuasanya kehidupan yang terbaik.”**

Frances Perkins, bekas Setiausaha Buruh Amerika Syarikat (1933-1945) dan Presiden IAIABC.

**ANUGERAH FRANCES PERKINS**


**P R E S I D E N T ' S   A W A R D S**
**ANUGERAH FRANCES PERKIN 2020**


**“Sebagai seorang yang mementingkan keselamatan sosial yang dinamik, Dato’ Sri Dr. Mohammed Azman sentiasa menghasilkan idea baharu untuk meningkatkan perlindungan keselamatan sosial di Malaysia.”**

Konvensyen ke-106 IAIABC

Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Dato’ Sri Dr. Mohammed Azman Dato’ Aziz Mohammed diberi penghormatan dengan Anugerah Frances Perkins 2020 oleh *International Association of Industrial Accident Boards and Commissions* (IAIABC) yang berpusat di Amerika Syarikat.

Ini mengukuhkan reputasi antarabangsa negara ini kerana ia adalah kali pertama rakyat Malaysia diiktiraf dengan penghargaan tersebut.

Anugerah ini meraikan komitmen, inovasi dan kepemimpinan PERKESO yang mencontohi semangat Frances Perkins, mantan Setiausaha Buruh Amerika Syarikat (1933-1945) dan Presiden IAIABC yang menjadi lambang inovasi dan kepemimpinan progresif dalam merancang pampasan pekerja dan keselamatan sosial.



Mengikuti jejak Frances Perkins, Setiausaha Buruh Amerika Syarikat dan Presiden IAIABC yang merupakan teladan bagi kepimpinan berinovasi dan progresif dalam pampasan pekerja dan keselamatan sosial.

Menjadi Pusat Rehabilitasi pertama di Malaysia dan keempat di dunia yang menawarkan teknologi pemulihan yang maju, Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak tidak asing dalam pengiktirafan global.

Di antara beberapa kemenangan penting mereka adalah

- **ASEAN Social Security Association (ASSA) Innovation Recognition Award 2020** – Pusat Rehabilitasi *Neuro-Robotics Rehabilitation & Cybernics*
- **Healthiest Workplace (Highly Commended Award) & Healthiest Employer (Winner Award)** untuk *Small Organisation, Malaysia's Healthiest Workplace AIA Vitality 2018*
- **FIABCI World Prix D'Excellence Awards 2018 (World Gold Winner)** – Kategori *Purpose Built*
- **Anugerah Akademi untuk Salutogenic Design Project for Rehabilitation Environment** (19 Julai 2015). Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak memenangi anugerah itu di *11<sup>th</sup> World Congress and Exhibition* bagi kategori *Design & Health* yang diadakan di *Hong Kong*

Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak memenangi anugerah di Kongres dan Pameran Reka Bentuk & Kesihatan Dunia ke-11 yang diadakan di Hong Kong. Anugerah kemenangan PERKESO adalah bukti strategi yang dirangka sejak bertahun-tahun, berinovasi, bekerja keras, memberi penjagaan dan prihatin dalam memastikan keselamatan sosial melindungi masyarakat secara keseluruhannya. Perlindungan ini juga menunjukkan sikap prihatin terhadap penjarum dan tanggungannya pada masa yang memerlukan.

Anugerah PERKESO benar-benar memperlihatkan hasil dari kerja keras, dedikasi, semangat inovatif dan cita-cita anggota organisasi ini dalam memberi tumpuan sepenuhnya terhadap kesejahteraan penjarum PERKESO dalam setiap keadaan.



**Malaysia's Healthiest Workplace AIA Vitality 2018**  
*Healthiest Workplace (Highly Commended Award) & Healthiest Employer (Winner Award) for Small Organisation, Malaysia's Healthiest Workplace AIA Vitality 2018*



**FIABCI World Prix D'Excellence Awards 2018**  
*FIABCI World Prix D'Excellence Awards 2018 (World Gold Winner) – Purpose Built Category*



**FIABCI Malaysia Property Awards 2017**  
*FIABCI Malaysia Property Awards 2017 Purpose Built Category & Public Sector Category Winner*



**Design For Asia (DFA) Awards 2016**  
*Design For Asia (DFA) Awards 2016, Hong Kong (Grand Award)*



**World Architecture Festival (WAF) 2016**  
*World Architecture Festival (WAF) 2016, Berlin, Germany*  
– Finalist (Completed Health Building)



**World Architecture Festival (WAF) 2014**  
*World Architecture Festival (WAF) 2014, Singapore*  
– Shortlisted (Health Category)



**FIABCI Malaysia Property Awards 2017**  
*FIABCI Malaysia Property Awards 2017*  
*Purpose Built Category & Public Sector Category Winner*



**Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA) 2014**  
*Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA) 2014 (Merit Award)*



**Asean Social Security Association (ASSA) Recognition Awards 2015**  
*Asean Social Security Association (ASSA) Recognition Awards 2015, Singapore (Transformation Recognition Award)*



**RED HAT APAC INNOVATION AWARDS 2020**



**Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) Awards 2015**  
*Anugerah Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) 2015, Silver Award (Public & Institutional Building Category)*

Juri Antarabangsa ISSA telah menganugerahkan Sijil Merit *Special Mention* kepada PERKESO Malaysia untuk Program Saringan Kesihatan (HSP).



## UKURAN KEJAYAAN PERKESO

Perjalanan PERKESO sejauh ini menunjukkan bagaimana pelbagai Akta, program dan faedah telah disediakan oleh Kementerian Sumber Manusia untuk menyokong semua pencarum PERKESO. Tumpuan dan dedikasi PERKESO untuk menyediakan perlindungan keselamatan sosial yang komprehensif untuk pekerja adalah suatu teladan cemerlang.

Fokus tersebut kini beralih kepada pekerja dan majikan untuk membuktikan sejauh mana sebenarnya PERKESO telah berjaya melakukan perbezaan kepada mereka yang terkesan. Inilah kejayaan hakiki yang telah dicapai oleh PERKESO dengan memberikan harapan baharu kepada kehidupan seseorang dengan menyediakan sumber mata pencarian dan mencapai matlamat produktiviti majikan serta memenuhi aspirasi negara.

## PROGRAM *RETURN TO WORK* (RTW) PERKESO

Bayangkan mempunyai tubuh yang sempurna pada mulanya, namun mengalami hilang upaya fizikal pada keesokan harinya. Seseorang itu bukan sahaja menghadapi cabaran fizikal untuk menjalani kehidupan normal tetapi juga stigma mental, emosi dan sosial yang berkaitan dengan kelumpuhannya. Ramai yang mungkin tidak mampu mengharunginya tanpa semangat dan bantuan rehabilitasi secara fizikal dan mental.

Ada juga pekerja yang kurang bernasib baik kerana bekerja di sebuah syarikat yang mungkin terpaksa ditutup, meninggalkan pekerja dalam keadaan terpinga-pinga, tanpa sumber mata pencarian. Sebagai organisasi keselamatan sosial yang unggul, PERKESO memperkenalkan Program *Return To Work* (RTW) untuk memastikan pencarumnya terus bekerja dan memperolehi pendapatan.

Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak membantu pekerja yang cedera dan kurang upaya akibat kemalangan atau penyakit. Matlamat Pusat ini adalah untuk membantu mereka pulih, hidup berdikari, berintegrasi kembali ke dalam masyarakat dan kembali bekerja. Ini direalisasikan melalui rawatan pemulihan fizikal dan vokasional secara menyeluruh di Pusat tersebut.

Perkhidmatan ini ditawarkan kepada semua pencarum tanpa mengira latar belakang sosio ekonomi dan keadaan perubatan mereka. Tumpuan adalah kepada kemampuan mereka untuk kembali berfungsi, dan bukannya ketidakmampuan mereka.

Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak (PRPTAR)





### Kisah Penyelam Scuba Tegar



Bagi **Norshahar bin Abd Rahman** dari Perak, menyelam adalah nadi kehidupannya. Kenikmatan dan kebebasan yang dinikmatinya ketika menyelam adalah sangat menggembirakan. Norshahar merupakan seorang pengajar selam skuba yang berpengalaman selama hampir 14 tahun sehinggalah tragedi menimpa pada 20 Mac 2017 yang mengubah hidupnya untuk selama-lama.

Seperti biasa, Norshahar mengambil tugas untuk menyelam apabila tiba-tiba seorang penyelam lain mengalami narkosis nitrogen. Beliau terpaksa mengambil tindakan cepat untuk menyelamatkan penyelam itu dan bergegas membawanya naik ke bot. Malangnya, nasib tidak menyebelahi mereka. Norshahar gagal menyelamatkan penyelam itu yang kemudian meninggal dunia. Sementara itu, beliau sendiri mengalami beberapa komplikasi seperti Dekompresi dengan kecederaan Neurogenik usus dan pundi kencing serta Paraplegia tidak lengkap.

Kecederaan ini menjadikan Norshahar tidak dapat berjalan dan terpaksa menggunakan kerusi roda. Setelah mendapat rawatan awal di Hospital Angkatan Tentera Lumut dan Hospital Permaisuri Nur Zahirah, Kuala Terengganu, beliau kemudian dirujuk ke Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak pada bulan Ogos 2017.

**Di sinilah perjalanan hidup baharunya bermula. Bersenjatakan semangat dan tekad untuk pulih, dia menjalani program rawatan pemulihan yang komprehensif serta intensif, meliputi fisioterapi, hidroterapi dan terapi pekerjaan.**

Setelah beberapa bulan menjalani terapi, keajaiban berlaku apabila beliau boleh mula berjalan kembali menggunakan tongkat *axillary* sebelum beralih ke tongkat siku dan akhirnya beliau mampu berjalan dengan sendiri!

Pada masa yang sama, Norshahar terfikir sama ada akan mampu untuk kembali kepada minatnya, yakni menyelam. Namun, doktor pakar menyarankan agar tidak melakukannya. Beliau bersyukur sekurang-kurangnya kegiatan *snorkelling* masih boleh dilakukan dan Pulau Tioman adalah lokasi pilihannya.

### Bangkit Selepas Serangan Strok



Tidak semua yang mendapatkan rawatan di Pusat Rehabilitasi PERKESO adalah akibat kemalangan. Sebilangannya telah diserang penyakit yang serius atau keadaan yang merampas keupayaan mereka untuk berdikari.

Pada tahun 2018, **Diana Hong** diserang strok yang menyebabkan beliau menjadi kurang upaya dan anggota badan sebelah kanan lumpuh. Diana sedar yang beliau tidak lagi mampu menjalani kehidupan yang normal. Namun, beliau enggan berputus asa dan mengambil inisiatif untuk menghubungi PERKESO di mana beliau mendapat maklumat mengenai manfaat rawatan pemulihan.

**Diana mula menjalani rawatan pemulihan intensif untuk pemulihan pesakit strok di Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak, Melaka pada tahun 2019. Walaupun keadaan fizikalnya terbatas, beliau tidak pernah berputus asa.**

Bahkan, Diana berhasrat untuk kembali bekerja setelah program pemulihannya selesai. Antara rawatan yang dilalui adalah latihan pemulihan fizikal di gimnasium, fisioterapi, terapi pekerjaan, rawatan neuro-robotik dan Cybernics menggunakan teknologi Cyberdyne.

Setelah beberapa bulan menjalani program peralatan robotik *Cyberdyne HAL Single Joint*, kemampuan fizikal Diana terutama lengan dan kakinya bertambah baik. Perkembangan ini membolehkan beliau kembali bekerja sebagai Eksekutif Akaun di Taylor International School Kuala Lumpur setelah selesai menjalani rawatan pemulihan.

### Keupayaan Mobiliti Yang Amat Berharga



**Juniati binti Sahide**, mengalami kemalangan ketika menunggang motosikal bersama anaknya dan menyebabkan kedua-dua tulang femur kakinya patah. Juniati terpaksa menjalani pembedahan segera di Hospital Melaka, kesannya beliau tidak dapat bekerja untuk waktu yang lama. Nasib menyebelahnya apabila dirujuk untuk menjalani rawatan pemulihan di Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak, Melaka pada bulan Julai 2019.

Satu program pemulihan komprehensif telah direka khas berdasarkan tahap kecederaan, kemampuan dan matlamat yang ingin dicapainya.

Pengurus Kes Juniati bersama-sama dengan ahli terapi, Pegawai Perubatan dan jurulatih vokasional telah merangka program pemulihan yang komprehensif dan intensif. Ia merangkumi rawatan fisioterapi menggunakan peralatan robotik dan neurorobotik Cyberdyne, hidroterapi, terapi pekerjaan serta latihan vokasional.

**Pada mulanya, beliau menggunakan kerusi roda. Namun, apabila beransur pulih beliau mampu berjalan tanpa menggunakan sebarang alat bantuan.**

Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak tidak hanya memberi tumpuan kepada pemulihan fizikal. Ia juga membantu dalam integrasi sosial dan persiapan untuk kembali bekerja di bawah program *Return-to-Work* (RTW). Persediaan RTW merangkumi perbincangan dengan majikan bagi menentukan skop pekerjaan sesuai dan melakukan penilaian tempat kerja bagi memastikan pencarum dapat kembali bekerja dalam persekitaran yang selamat.

Setelah hampir sembilan bulan menjalani pemulihan intensif dengan sokongan dan kerjasama yang baik (persediaan logistik, latihan semula, menyediakan ruang lingkup dan ruang kerja) dari majikan asalnya, Protection Technology Sdn. Bhd., Juniati akhirnya kembali bekerja di Bahagian Kawalan Kualiti.

Pengurusan kurang upaya yang berkesan dan efisien, termasuk penglibatan aktif dari pihak berkepentingan serta program integrasi pemulihan yang komprehensif adalah elemen asas bagi memastikan matlamat pekerja untuk kembali bekerja dengan selamat dalam masa yang optimum tercapai.

### Kemalangan Yang Tidak Diduga



Sesungguhnya malang tidak berbau, peribahasa ini memang tidak boleh disangkal, ini diakui oleh **Mohd Iswan bin Mohd Rodzi**.

Kemalangan yang berlaku pada 1 September 2018 berbeza dengan kes PERKESO yang lain kerana ia berlaku di luar waktu kerja. Adalah satu rahmat untuk Iswan, faedah pemulihan dan Program *Return To Work* (RTW) PERKESO masih mampu menyediakan bantuan yang mengubah kehidupannya.

Iswan menunggang motosikal berkuasa tinggi dari Bukit Fraser ke Kuala Kubu Bharu ketika hujan lebat dan angin kencang menyebabkan sebatang pokok tumbang dan menimpanya. Beliau tergelincir lalu jatuh ke bahu jalan.

Orang ramai membantu membawanya ke Unit Kecemasan Hospital Kuala Kubu Bharu untuk rawatan awal. Ujian x-ray mengesahkan Iswan patah kaki kirinya. Pembedahan dilakukan oleh pasukan perubatan untuk memasang *fixation* luaran.

**Iswan bernasib baik kerana walaupun kejadian ini dikategorikan sebagai Bukan Bencana Pekerjaan (BBK), ia masih dikategorikan di bawah ketidakupayaan untuk mendapatkan faedah pemulihan RTW.**

Iswan mendaftar di salah satu pembekal PERKESO, Pusat Perubatan Ara Damansara selama tiga bulan untuk menjalani pemulihan fisioterapi. Setelah menjalani rawatan fisioterapi intensif selama tiga bulan, beliau dapat memulihkan fungsi kehidupannya semula dan kembali bekerja sebagai Jurutera Struktur.

Tugas asal Iswan memerlukan hadir di tapak projek dengan banyak pergerakan fizikal. Majikannya, Mohd Asbi Associates Sdn. Bhd. merasa empati dengan keadaannya dan bersetuju untuk membenarkannya menjalani rawatan fisioterapi selama satu jam setiap hari bekerja.

Majikannya juga telah memberi pekerjaan ringan selama enam bulan pada awalnya. Selain berjaya kembali bekerja, Iswan juga berjaya meneruskan aktiviti kegemarannya iaitu menyertai maraton dan Maraton Standard Chartered Kuala Lumpur, adalah larian pertamanya setelah pulih.

## KISAH SEBENAR, KEJAYAAN SEBENAR

### KOLABORASI STRATEGIK

Program RTW PERKESO tidak dapat mencapai kejayaannya tanpa sokongan daripada majikan yang bersedia mengambil pekerja yang mengalami masalah fizikal atau kurang upaya. PERKESO ingin memberikan penghormatan kepada organisasi penyayang dan prihatin kerana memiliki keberanian untuk menampung pekerja khas ini ke dalam organisasi mereka.

#### Gerbang Alaf Restaurant Sdn. Bhd.

Gerbang Alaf Restaurants Sdn Bhd adalah syarikat yang menjalankan francais McDonald's di Malaysia. Syarikat ini ditubuhkan pada tahun 1992 di bawah McDonald's Corporation.

Pada masa ini, di bawah program francais induk, pemegang saham utama mereka adalah Reza Food Services Group dari Saudi dengan pengalaman restoran lebih daripada 20 tahun.

Ia dikendalikan secara bebas oleh syarikat operasinya Lionhorn. Pasukan pengurusan dan pekerja mereka adalah 100% rakyat tempatan tanpa pekerja asing di Malaysia dan Singapura sejak 2019.



**Tuan Haji Azhar Darbi**  
Naib Presiden/Ketua Pegawai Sumber Manusia

#### DNA Kepelbagaian & Inklusif

Restoran makanan segera McDonald's telah mengambil bahagian dalam Program *Return To Work* (RTW) PERKESO sejak 2015. Orang kurang upaya yang diambil bekerja adalah dari pelbagai kekurangan upaya, ada yang secara semula jadi, dan ada yang disebabkan oleh kemalangan.

Sekitar 20% daripada 220 OKU yang diambil bekerja adalah dari program RTW, manakala selebihnya adalah yang diambil bekerja secara terus.

Pada masa ini, kakitangan OKU McDonald's adalah sekitar 2%, menghampiri sasaran Kerajaan untuk mempunyai 3% kakitangan OKU bekerja dalam organisasi di Malaysia.

#### Semua Berhak Mendapat Peluang Sama

Salah seorang Pengurus Cawangan adalah pelajar lambat tetapi dia diberi kesempatan untuk maju kerana sistem latihan yang disediakan dan melantik seorang pelatih untuk membantunya.

Program Sijil Kecemerlangan Malaysia (SKM), dengan Kementerian Pendidikan yang dimulakan pada tahun 2019, mendorong OKU untuk mendapat pensijilan bagi jawatan Penyeliaan. Ini memberi lebih banyak peluang dan ruang yang lebih besar untuk mengembangkan kemahiran kepemimpinan OKU dalam syarikat.

**“Visi dalaman utama McDonald's adalah untuk mempunyai restoran yang dikendalikan sepenuhnya oleh kakitangan OKU - dari Pengurus Besar, hingga ke kru restoran.”**

#### Dedikasi dan Kesetiaan

Syarikat sangat berpuas hati dengan golongan pekerja ini kerana bilangan pekerja yang berhenti adalah rendah, berdisipin, sangat rajin, bermotivasi, boleh bekerja dalam kumpulan, merasa bangga dan penting dalam pekerjaan yang mereka lakukan.

Visi utama McDonald's adalah supaya suatu hari nanti mereka mempunyai restoran yang dikendalikan sepenuhnya oleh kakitangan OKU - dari Pengurus Besar, hingga ke kru restoran. Dengan pekerjaan yang tepat, latihan dan peluang yang betul, kumpulan ini dapat menyumbang kepada perniagaan dan syarikat dengan baik.

### Meningkatkan Tenaga Kerja Berdikari

Sebagai sebuah negara, kita mahu mewujudkan sebuah kumpulan yang berdikari. Tanggungjawab majikan adalah untuk merealisasikan dalam masyarakat kita. Kerajaan dan PERKESO telah memberikan insentif kepada majikan untuk golongan kurang upaya ini, kini terpulang untuk majikan melaksanakannya.

Salah satu kisahnya adalah mengenai seorang pekerja OKU yang hanya duduk di rumah sebelum mula bekerja di McDonald's. Setelah bekerja di cawangan Bandar Tun Hussein Onn, beliau telah dapat berdikari, menguruskan hidup sendiri dengan menjana pendapatan dan menyumbang kepada perniagaan. Hantaran FB abangnya yang merakam gambar adiknya di tempat kerja menjadi tular dan ia memberi inspirasi kepada McDonald's untuk membantu lebih ramai lagi mereka yang kurang upaya.

### PERKESO - Prihatin dan Efisien

McDonald's juga merasakan bahawa program PERKESO sangat komprehensif, memberi sokongan dan sesuatu yang perlu ada bagi melindungi pekerja serta majikan. Pada masa hadapan, McDonald's berharap dapat meneruskan kerjasama yang bermanfaat ini dan menganjurkan lebih banyak program kesedaran Kesihatan & Kesejahteraan, terutamanya mengenai keselamatan.

# MYDIN

## Mydin Mohamed Holdings Bhd

Mydin ditubuhkan pada bulan Ogos 1957 oleh Almarhum Tuan Mydin Mohamed di Kota Bharu, Kelantan dan merupakan rangkaian pasar raya besar dan runcit Halal yang terbesar di Malaysia. Kedai pertamanya adalah sebuah kedai kayu kecil di Jalan Tok Hakim, Kota Bharu, menjual mainan dan barang-barang am. Dengan bantuan anak-anaknya, pada tahun 1979 perniagaannya berkembang di Kuala Terengganu dan kemudian di Jalan Masjid India pada tahun 1989.



### Datuk Ameer menceritakan bagaimana seorang pekerja kurang upaya yang tugasnya memasukkan data akan terus melakukannya tanpa berhenti.

**YBhg. Datuk Wira (Dr.) Hj Ameer Ali Mydin**  
Pengarah Urusan, Mydin Mohamed Holdings Bhd

Pada tahun 2013, Mydin menceburi bidang peruncitan premium dengan pembukaan SAM'S Groceria; perkataan SAM bermaksud Saya Anak Malaysia.

Kini, Mydin mempunyai 67 cawangan di seluruh negara yang merangkumi Pasaraya Mydin, Emporium, Bazaar, francais Mart, kedai serbaneka MyMart, dan kedai premium SAM'S Grocery.

Datuk Ameer Ali Mydin mengikuti program RTW, setelah isterinya, Pengarah Sumber Manusia sewaktu itu, menyarankan agar mempertimbangkan untuk menyumbang kepada masyarakat dengan mengambil pekerja kurang upaya.

Pada mulanya, sebagai Pengarah Urusan syarikat, Datuk Ameer tidak setuju kerana persepsi awalnya ia akan menambah komplikasi dalam menjalankan perniagaan. Ini adalah persepsi umum dalam kalangan kebanyakan majikan.

Bagi Mydin, sebahagian besar pekerjaannya adalah pekerja barisan hadapan - juruwang, pembungkus makanan, kakitangan kedai dan oleh itu Datuk Ameer tidak yakin mereka akan mampu menjalankannya, kerana pekerjaan itu memakan masa dan sukar.

Sebagai contoh, juruwang harus berdiri, sentiasa senyum dan melayani setiap pelanggan yang datang sepanjang masa tanpa berehat. Namun, Datuk Ameer akhirnya mengalah setelah dipujuk untuk mengambil golongan OKU bekerja dan menilai prestasi mereka.

Sebelum mengambil pekerja kurang upaya itu, Pengarah Sumber Manusia telah bekerja keras untuk menyediakan asas yang kukuh, termasuk pergi ke Jepun untuk mempelajari cara terbaik untuk melaksanakannya. Setelah pekerja kurang upaya diambil bekerja, kerisauannya hilang, kerana mereka terbukti lebih produktif, setia dan pandai bekerja.

Datuk Ameer menceritakan bagaimana seorang pekerja kurang upaya yang tugasnya memasukkan data, akan terus menerus melakukannya tanpa jemu. Sementara itu, seorang pekerja lain yang merupakan seorang yang lembam, membungkus nasi lemak dengan sempurna tanpa berehat. Mereka juga menyaksikan perkahwinan berlangsung antara pasangan yang bertemu jodoh ketika bekerja di Mydin.

Tidak ada diskriminasi dalam hal faedah dan upah pekerja untuk semua pekerja Mydin. Di Mydin, budaya penyayang ditanamkan dan dipupuk kerana Datuk Ameer percaya semua akan menghabiskan lebih banyak masa di tempat kerja berbanding di rumah. Hidup ini lucu dengan liku-liku kehidupan. Bagi pihak Mydin, dengan adanya golongan OKU, menyempurnakan operasi harian syarikat.



### Malayan Banking Berhad

Maybank adalah antara kumpulan perbankan terkemuka di Asia dan keempat terbesar di Asia Tenggara dari segi aset. Rangkaian antarabangsa Kumpulan Maybank terdiri dari lebih 2,600 pejabat dan lebih daripada 42,000 pekerja di seluruh dunia. Kumpulan ini menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan.

Maybank mempunyai misi unik '*Humanising Financial Services*'. Maybank telah menjadi sebahagian yang penting dalam lanskap negara ini selama lebih dari 60 tahun dan percaya mereka harus berada di tengah-tengah komuniti yang menerima perkhidmatannya. Maybank terus memanfaatkan inovasi untuk kekal menjadi pemain utama dalam ruang perbankan digital, sejajar dengan objektif strategik M25 mereka.

Pekerja-pekerja Maybank telah mendapat manfaat daripada pencen kurang upaya PERKESO akibat penyakit atau keadaan fizikal yang menyebabkan mereka tidak mampu mencari nafkah. Mereka yang cedera dan tidak mampu bekerja sementara kerana kemalangan di tempat kerja, juga menerima pampasan wang dari PERKESO yang melengkapkan manfaat perubatan mereka dari Bank.

Sama seperti PERKESO, Pegawai Modal Insan dan Unit Perniagaan Kumpulan Maybank menggalakkan kesedaran mengenai faedah yang disediakan oleh PERKESO, terutamanya mengenai tuntutan yang boleh dipohon melalui skim tersebut. Ini untuk memastikan pekerja Maybank sedar akan pentingnya mencarum PERKESO dengan faedah yang ditawarkan.

### Bantuan dan Sumber Penting

PERKESO telah menjadi sumber penting bagi pekerja yang tidak dapat bekerja kerana ketidakupayaan akibat kemalangan di tempat kerja atau penyakit termasuklah kakitangan Maybank.

Perkhidmatan, faedah dan bantuan yang diberikan oleh PERKESO kepada pekerja yang telah menghadapi cabaran perubatan dan kewangan, sangat dihargai.



**YBhg. Datuk Abdul Farid Alias**  
Presiden Kumpulan dan Ketua  
Pegawai Eksekutif Maybank

Maybank juga menyokong pelbagai inisiatif PERKESO, terutama Program *Return To Work*, yang melibatkan pendekatan proaktif dan holistik dalam membantu pekerja yang mengalami kecederaan atau penyakit untuk sembuh dan meneruskan tugas mereka.

Sebagai contoh, salah seorang pekerja bank yang menderita menghidap pelbagai penyakit seperti diabetes, buta mata kiri dan kegagalan buah pinggang telah memilih untuk bersara. Melalui PERKESO, pencen ilat telah diproses dengan segera dan pekerja tersebut telah diberi pencen seumur hidup. Ada juga pekerja-pekerja lain yang memperoleh sokongan pemulihan melalui PERKESO yang membantu mereka mencapai kualiti hidup yang lebih baik.

Berlandaskan misi berperikemanusiaan, Maybank sentiasa memastikan perlindungan kebajikan pekerja yang merangkumi keselamatan sosial diutamakan. Keselamatan sosial sangat penting untuk semua pekerja. Oleh itu peranan PERKESO dalam menyediakan skim perlindungan yang tersedia untuk pekerja dari semua lapisan masyarakat sangat mustahak. Sokongan dan bantuan tambahan yang ditawarkan oleh PERKESO kepada keluarga pencarum yang telah meninggal dunia ketika bekerja amat penting.

PERKESO terus memainkan peranan penting dalam kehidupan pekerja di Malaysia dan pihak Maybank komited untuk menyokong inisiatif ini yang melindungi kehidupan pekerja.



### Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)

PETRONAS telah berkembang menjadi syarikat tenaga dan solusi global, serta berada di antara syarikat terbesar di Fortune Global 500® sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1974 sebagai penjaga sumber minyak dan gas negara Malaysia.

PETRONAS komited untuk mengendali dan mengembangkan perniagaan bagi menyumbang kepada kesejahteraan pekerja, rakan kongsi dan komuniti di mana kelestarian adalah teras kepada semua yang dijelankannya.



**Encik Abdullah bin Monshie**  
Ketua Kepakaran Modal Insan  
PETRONAS

PETRONAS telah menjadi penyumbang dan pencarum terbesar PERKESO sejak tahun 1977.

“PETRONAS percaya bahawa perkhidmatan perlindungan sosial dan faedah yang diberikan oleh PERKESO terutama pada masa-masa sukar seperti kehilangan pekerjaan, kecederaan atau kehilangan nyawa membantu kedua-dua organisasi untuk bekerjasama dalam memberikan sokongan kewangan dan bukan kewangan,” kata Abdullah.

Sebagai majikan yang bertanggungjawab serta komited untuk kesejahteraan pekerja mereka, manfaat yang diberikan oleh PERKESO sememangnya sangat bernilai. Organisasi ini sentiasa berharap dapat meneruskan hubungan kerja yang baik.

PETRONAS berusaha untuk memastikan setiap pekerja diberi penerangan secara berkala mengenai perkhidmatan dan faedah terkini yang ditawarkan oleh PERKESO. Dengan menjalankan kolaborasi berkala bersama PERKESO beberapa siri ceramah dan interaksi secara langsung dianjurkan semasa program libat urus bersama pekerja.

PETRONAS percaya bahawa Keselamatan Sosial memberikan asas keselamatan untuk hari tua pekerja. Perlindungan insurans sosial menjadi berharga kepada pekerja yang kurang upaya sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini, atau kepada keluarga mereka setelah kematian sumber nafkah utama.

Diharapkan PERKESO akan terus meningkatkan perkhidmatan/pakej mereka seiring dengan perkembangan zaman. Ketika ditanya apakah PETRONAS akan terus menyokong inisiatif dan program PERKESO pada masa hadapan, Abdullah membalas dengan besar hati, “Sudah pasti!”



MELANGKAH KE HADAPAN  
**DENGAN PROAKTIF**



# HALA TUJU PENGURUSAN

## Cabaran Meningkatkan Keselamatan Sosial

Cabaran yang paling penting adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia mengenai perlindungan keselamatan sosial dan faedah yang diberikan oleh PERKESO. Oleh itu, PERKESO perlu menyediakan perkhidmatan yang di luar jangkaan, bersungguh-sungguh, berinovasi dan beroperasi sesuai dengan trend semasa, mendorong ke arah digitalisasi dan automasi, walaupun sebilangan orang tidak mempunyai kemudahan atau kemahiran dalam penggunaan teknologi pintar dan perkhidmatan dalam talian.

Antara isu lain yang perlu diberi perhatian ialah perlindungan sosial untuk Pekerja Asing Tanpa Izin yang tidak boleh dilindungi oleh PERKESO. Begitu juga dengan sumbangan daripada yang bekerja sendiri juga harus digalakkan. Maklumat berkaitan perlu disebarkan supaya yang bekerja sendiri sedar akan kewujudan skim perlindungan sosial ini. Pada masa yang sama, maklumat tentang kaedah untuk menyumbang juga perlu dinyatakan dengan mudah agar dapat disesuaikan dengan pendapatan mereka yang turun naik.

Perubahan demografi di negara ini telah menyebabkan Malaysia mengalami populasi yang semakin tua berikutan peningkatan jangka hayat dan penurunan kadar kesuburan. Tambahan pula, dianggarkan 20% daripada populasi dunia yang berumur 15-24 tahun tidak bekerja, bersekolah atau menjalani sebarang latihan. Golongan ini merupakan kelompok penganggur jangka panjang atau bekerja dengan gaji rendah (*underemployment*). Oleh itu, PERKESO perlu mencari jalan untuk membantu kedua-dua golongan yang terjejas ini.

Selain itu, kurangnya perlindungan keselamatan sosial bersepadu di Malaysia menyebabkan data penting sukar diperoleh. Ini menyebabkan sesetengah pekerja dikecualikan daripada perlindungan, menerima faedah bertindih atau memperoleh manfaat, walaupun mereka tidak layak.

Dato' Sri Dr Mohammed Azman berpendapat Pusat Perkhidmatan Sehenti dan Sistem Maklumat Bersepadu Perlindungan Sosial Negara seperti Program Sinergi Sosial PERKESO perlu dibangunkan dan diperkasa.



**Dato' Sri Dr. Mohammed Azman  
bin Dato' Aziz Mohammed**  
Ketua Eksekutif PERKESO

## LATAR BELAKANG

Dato' Sri Dr. Mohammed Azman, yang mempunyai latar belakang perubatan telah berkhidmat sebagai doktor perubatan semenjak 1993. Kerjaya beliau di PERKESO bermula pada tahun 2001 sebagai Doktor Perubatan pertama di PERKESO untuk mengetuai Cawangan Perubatan dan Pemulihan. Pada tahun 2007, beliau dipertanggungjawabkan sebagai Pengurus Besar Kanan Operasi. Empat tahun kemudian pada tahun 2011, beliau dilantik pula sebagai Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) diikuti pada April 2015, beliau menerajui PERKESO sebagai Ketua Eksekutif sehingga kini.

Dato' Sri Dr. Mohammed Azman mempunyai banyak pengalaman dan pendedahan daripada agensi bertaraf dunia seperti International Social Security Association (ISSA), badan-badan serantau dan antarabangsa lain. Pendedahan yang diterima dalam pengurusan sistem keselamatan sosial telah mempersiapkan beliau memimpin PERKESO melangkah ke hadapan dengan lebih proaktif dan yakin.

Sejak berkhidmat di PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman telah dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat dalam Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dari Universiti Cyberjaya. Beliau juga memegang Ijazah Sarjana Eksekutif Sains (Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) dari Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari *Oxford Business College, United Kingdom*.

Selain daripada melaksanakan tanggungjawab sebagai Ketua Eksekutif PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman juga dilantik sebagai Profesor Adjung di Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, UUM dan Pusat Pengajian Pengurusan, Universiti Sains Malaysia.

Ini lebih menjimatkan kos dan memudahkan masyarakat untuk berurusan dengan institusi-institusi terlibat dan juga melancarkan urusan intervensi daripada pihak Kerajaan, terutama dalam menangani ‘kejutan’ seperti pandemik COVID-19.



### Visi Keselamatan Sosial di Malaysia

Aspirasi Dato’ Sri Dr. Mohammed Azman adalah untuk menjadikan PERKESO sebagai Institusi Perlindungan Sosial Kebangsaan yang mentadbir skim-skim keselamatan sosial. Skim-skim ini melindungi golongan pekerja daripada semua risiko kitaran hidup seperti kehilangan pekerjaan, penyakit, perubatan, hilang upaya, keilangan, kematian, bersalin, dan usia emas.

Perlindungan keselamatan sosial yang berkonsepkan sepanjang hayat *‘from Womb to Tomb’* bermula mengikut kitaran kehidupan manusia, sebaik dilahirkan sehinggalah mencecah usia emas atau kematian. Konsep ini mengambil kira kesejahteraan rakyat, menghindari kemiskinan, meningkatkan produktiviti dan taraf hidup rakyat, menstabilkan pasaran buruh serta mengukuhkan ekonomi negara.

Ini boleh dilaksanakan jika semua pihak berkaitan dan berkepentingan terutamanya majikan dan pekerja bekerjasama dalam ekosistem jaringan keselamatan sosial di negara ini bagi memastikan perlindungan sosial yang berkonsepkan sepanjang hayat berjalan lancar.

### Pesanan, Nasihat Serta Harapan Dato’ Sri Dr. Mohammed Azman Kepada Pekerja, Majikan dan Kakitangan PERKESO

Hakikatnya, kehidupan ini tidak boleh diduga apa yang bakal berlaku. Bukan hanya kematian atau kemalangan tetapi pandemik yang melanda negara sejak hampir dua tahun ini, tiada siapa pun yang menjangka kedatangannya apatah lagi impak yang dibawanya.

Justeru, kepada majikan dan pekerja termasuk yang bekerja sendiri dan pekerja domestik yang masih belum mencarum, saya nasihatkan agar segeralah berdaftar dan mencarum dengan PERKESO. Sesungguhnya caruman anda hanyalah satu pelaburan kecil berbanding nilai perlindungan yang disediakan kepada pekerja dan orang tanggungan jika berlaku perkara luar jangka. Majikan juga mendapat manfaat daripada caruman kerana PERKESO akan menanggung perbelanjaan perubatan atau menyediakan rawatan pemulihan kepada pekerja mereka yang ditimpa kemalangan atau penyakit. Malah, pampasan dan bantuan carian pekerjaan untuk pekerja yang kehilangan pekerjaan juga disediakan.

Bagi warga PERKESO, saya ingin lihat anda terus mengamalkan semangat keprihatinan dan mengambil berat dengan mengukuhkan S4P (Senyum, Sapa, Salam, Santun dan Prihatin) yang kini menjadi budaya PERKESO. DNA Prihatin dalam setiap diri kita akan mendorong semua anggota PERKESO untuk sentiasa berusaha keras bukan sahaja bagi memenuhi keperluan pelanggan tetapi terus melangkaui jangkaan pelanggan.

Masih banyak yang perlu PERKESO capai dan masih jauh perjalanan kita untuk memperluas perlindungan keselamatan sosial dan menambah baik perkhidmatan dan produk sedia ada. Bekerjalah sebagai satu pasukan untuk matlamat yang sama, bagai kata pepatah, “Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat.”

Tidak dinafikan, pasti ramai yang beranggapan bantuan dan faedah yang ditawarkan oleh PERKESO hanya terhad kepada Orang Berinsurans.

Hakikatnya, perlindungan PERKESO meliputi lebih daripada itu seperti memberi manfaat kepada tanggungan yang ditinggalkan sekiranya berlaku kematian Orang Berinsurans. Walau bagaimanapun, ini bergantung pada jenis musibah yang menimpa seseorang pencazum.

Pelbagai Akta telah diluluskan untuk melindungi, menyediakan kesinambungan hidup atau faedah untuk memastikan tanggungan pencazum tidak terbiar dan menjadi miskin secara tiba-tiba.

PERKESO sentiasa mengkaji perubahan dalam masyarakat, keperluan yang diperlukan dan akan terus berkembang untuk menyediakan keselamatan sosial yang mencukupi bagi pencazum ketika memerlukan.

Kepantasan, ketangkasan dan inovasi untuk menyediakan perlindungan keselamatan sosial yang terbaik akan terus menjadi teras misi PERKESO supaya dapat memberikan yang terbaik kepada pencazum apabila tiba masanya.



**Encik Edmund Cheong Peck Huang**  
Ketua Pegawai Strategi & Transformasi, PERKESO

Sekiranya Orang Berinsurans adalah seorang bapa yang meninggal dunia dari tempoh kehamilan, anak itu akan dilindungi dari saat ia dilahirkan sehingga usianya mencecah 21 tahun atau apabila dia berkahwin (mana-mana dahulu).

Buat masa ini, penanda aras PERKESO ialah negara Eropah seperti Norway, Sweden dan Belgium untuk memastikan pemberian insentif diberikan tanpa berlaku sebarang konflik dalam keluarga. Ini bertepatan dengan misi untuk mewujudkan suasana harmoni di mana perlindungan yang diberi kepada individu yang juga mewakili perlindungan untuk seisi rumah.

Perkara lain yang perlu diberi perhatian adalah potensi untuk menjadi generasi 'sandwich' - iaitu generasi yang terperangkap dengan tuntutan tanggungjawab untuk menjaga ibu bapa dan anak-anak mereka. Kemampuan dan pengurusan ekonomi untuk seisi rumah akan menjadi sukar sekiranya ini berlaku.

PERKESO juga yakin dengan penambahbaikan berterusan dalam menembusi institusi pendidikan melalui inisiatif *Educate the Future Generation*. Pekerja yang berpengetahuan akan meningkatkan kecekapan kualiti sumber manusia dan diharapkan dapat menghasilkan tenaga kerja yang bertaraf dunia.

Dari segi hala tuju masa depan PERKESO, ia menuju ke arah yang betul.

**“Saya selalu berpesan kepada pasukan saya bahawa apa sahaja yang kita lakukan di PERKESO, ia adalah untuk rakyat negara kita. PERKESO sentiasa berpegang kepada misi ini sebagai budaya teras kami. Sebagai peneraju keselamatan sosial, PERKESO turut melindungi anak yang belum lahir!”**



### Memastikan Perlindungan Komprehensif

Matlamat PERKESO sejak 50 tahun yang lalu adalah untuk menjamin keselamatan sosial kepada seberapa ramai pekerja yang menyumbang kepada negara. Oleh itu, fokus PERKESO adalah untuk mendapatkan persetujuan dan pembaharuan yang relevan demi memastikan perlindungan yang komprehensif.

Seterusnya, fokus PERKESO adalah ke arah menambahbaik perkhidmatan untuk memastikan bahawa faedah dan bantuan yang menjadi hak pencarum dapat diproses dengan lebih efisien. Pada masa yang sama, PERKESO berusaha menyediakan manfaat terbaik melalui program rehabilitasi fizikal, rohani, emosi, sosial, sumber pendapatan masa depan dan kemampuan berdikari Orang Berinsurans.

Setakat ini, asas yang kukuh dan inovasi bertaraf dunia telah disediakan untuk memastikan keselamatan sosial disediakan dengan baik untuk pekerja negara ini.

Untuk memastikan sistem keselamatan sosial ini kukuh selama-lamanya, PERKESO merancang untuk meneruskan misi prihatin untuk pekerja, dengan menyediakan produk dan perkhidmatan yang lebih inovatif.



### Integrasi Sosial untuk Bantuan dan Pemulihan Segera

Bayangkan pada masa hadapan, pencarum tidak perlu lagi memohon faedah keselamatan sosial sebaliknya ia diberikan secara automatik apabila mereka memerlukannya. Inilah aspirasi PERKESO dalam masa terdekat.

PERKESO memahami bahawa sebarang kemalangan memerlukan intervensi awal. Contohnya, andai ada pencarum yang memerlukan implan tulang belakang, usaha mendapatkannya seawal jam pertama memungkinkan pencarum boleh berjalan kembali. Berbanding dengan rawatan yang diberikan seminggu atau sebulan kemudian, ia boleh mengakibatkan pencarum terpaksa bergantung kepada kerusi roda untuk bergerak.

Cepat atau lambat bantuan yang diterima pencarum memberi perbezaan besar dalam proses rehabilitasi mereka. Ia menentukan sama ada peluang sembuh lebih tinggi atau lebih rendah atau tiada peluang langsung untuk pencarum kembali menjalani kehidupan normal.

Berdasarkan kes-kes terdahulu, kebanyakan pencarum yang terlibat dalam kemalangan tidak tahu tentang perlindungan perubatan dan kewangan yang disediakan PERKESO. Oleh itu, mereka hanya mendapatkan faedah perubatan kerajaan atau majikan mereka yang mungkin tidak mencukupi atau menyeluruh. Faedah PERKESO hanya diketahui selepas beberapa bulan. Apabila mengemukakan permohonan, pada waktu itu kekuatan otot telah menurun sehingga 60% yang boleh memberi kesan yang besar kepada mobiliti dan tempoh pemulihan.

Keselamatan sosial tidak hanya tertumpu kepada bayaran pampasan tetapi memberi fokus kepada pemberian bantuan untuk kehidupan yang produktif untuk terus menjalani kehidupan yang bermakna, terutamanya waris yang ditinggalkan. Setakat ini, PERKESO bukan hanya melindungi lapan juta pencarumnya, tetapi juga melindungi sehingga 30 juta tanggungan. Integrasi sosial adalah kunci utama PERKESO dalam memastikan segala manfaat berjalan dengan lancar.



## LAGU KORPORAT PERKESO

### Sejarah Lagu ‘PERKESO Prihatin’

Lagu PERKESO Prihatin dicipta pada tahun 2003. Lagu ini menekankan keprihatinan PERKESO dalam membela nasib pekerja dan elemen kerjasama tiga pihak antara Kerajaan, majikan dan pekerja. Ia juga menitikberatkan pelaksanaan perlindungan keselamatan sosial serta keperluan pekerja yang membudayakan ilmu dan pengetahuan.

Encik Ismail bin Abi Hashim, yang merupakan Ketua Cawangan Khidmat Pelanggan di Bahagian Pembangunan Korporat ketika itu telah diberi kepercayaan untuk menyediakan lirik lagu ini. Hasilnya, lirik dan draf lagu PERKESO Prihatin berjaya disiapkan hanya dalam masa tiga hari.

Setelah lirik itu dipersetujui, Encik Ismail bersama-sama dengan Ketua Pengarah PERKESO dan Tuan Haji Mohd Rashidan Haji Ahmad, Ketua Bahagian Pembangunan Korporat bertemu dengan Datuk Suhaimi Mohd Zain yang lebih dikenali sebagai “Pak Ngah”, untuk memberikan irama dan skor muzik bagi lagu PERKESO Prihatin.

Setelah lagu itu siap dihasilkan, Ketua Pengarah PERKESO bersetuju untuk menjadikannya lagu rasmi PERKESO dan dinyanyikan di setiap program serta acara pejabat sehingga ke hari ini.



**Encik Ismail bin Abi Hashim**

Ketua Cawangan Skwad Prihatin dan Sinergi,  
Pejabat Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi)

### PERKESO Prihatin

Amanah bangsa dijunjung dijaga  
Jujur setia pegangan semua  
Menjana minda tiap pekerja  
Untuk berilmu berbudaya.

Nasib pekerja teruslah terbela  
Kebajikannya teruslah dijaga  
Prihatin sentiasa utama  
Hidup penuh aman bahagia

Mari bergandingan kita semua  
Berjalah dengan penuh kesetiaan  
Pekerja majikan bersatu hati  
Tingkatkan produktiviti dan tingkatkan pembangunan

PERKESO prihatin pekerja terbela  
PERKESO prihatin majikan gembira  
PERKESO prihatin negara jaya  
Jaminan keselamatan sosial

PERKESO.....

## SELEMBAR SEJARAH



Album Koleksi Setem Kenang-Kenangan

Sempena Ulang Tahun ke-50, PERKESO telah menerbitkan beberapa memorabilia edisi khas termasuk “Setemku Korporat PERKESO 2021” dan Duit Syiling Peringatan Jubli Emas yang dikeluarkan dengan kerjasama POS Malaysia Berhad dan Bank Negara Malaysia.

Lima setem dalam denominasi 60 sen setiap satu, menggambarkan lima tema berbeza, iaitu Pekerja, SKSPS, Majikan, MyFutureJobs dan Rehabilitasi.

Reka bentuk setem direka oleh Hazel Two Design dengan sentuhan Pelukis Di-Raja Selangor Dato’ Azman Yusof dan dicetak oleh Southern Color Print, New Zealand.

“Setemku Korporat PERKESO 2021” telah dirancang dan digabungkan dengan Album Mini Korporat PERKESO 2021.

Album ini telah disertakan dengan tema Sambutan Jubli Emas “Prihatin Lima Dekad dan Selamanya”. Ciri-ciri khas tersebut disertakan dengan gambar Setem Peringatan dan Sampul Surat Hari Pertama yang dicetak pada 2 Julai 1973, Kad Caruman Pekerja dan Koleksi Setem Hasil PERKESO.

Album Setem Peringatan ini adalah simbol sejarah dan legasi sumbangan PERKESO kepada negara. Ia diharapkan dapat menyemarakkan semangat PERKESO untuk tetap utuh dalam melaksanakan amanah demi masyarakat Malaysia.

## SYILING PERINGATAN 50 TAHUN PERKESO



PERKESO amat berbesar hati mengeluarkan syiling peringatan yang sangat menarik bagi memperingati Jubli Emas PERKESO dengan kerjasama Bank Negara Malaysia. Reka bentuk unik ini mencerminkan dan meraikan perkhidmatan berterusan serta dedikasi PERKESO kepada semua Orang Berinsurans.

Syiling peringatan ini dikeluarkan dalam dua denominasi:

1. **Syiling Peringatan Perak Sterling Berwarna (*proof*)**  
Syiling ini diperbuat daripada perak dengan ketulenan 92.5 berukuran berat 31 gram. Ia mempunyai nilai muka RM10.
2. **Syiling Peringatan Emas Nordic *Brilliant Uncirculated* (B.U)**  
Syiling ini diperbuat daripada tembaga dan beberapa logam lain berukuran berat 8.5 gram. Ia mempunyai nilai muka RM1.

### REKA BENTUK SYILING

Reka bentuk syiling peringatan adalah seperti berikut:

#### Muka Depan

Perkataan “SAMBUTAN JUBLI EMAS PERKESO” terukir di sekeliling lilitan atas syiling, manakala slogan “PRIHATIN LIMA DEKAD DAN SELAMANYA” di lilitan bawah syiling. Bahagian tengah syiling memaparkan imej payung terbuka dari bahagian atas, dibentuk oleh monogram 50 figura yang telah diambil daripada logo rasmi PERKESO, melambangkan 50 tahun memberi perlindungan kepada rakyat.



### Muka Belakang

Perkataan “BANK NEGARA MALAYSIA” sebagai pihak berkuasa bertanggungjawab mengeluarkan syiling numismatik, dipaparkan pada lilitan atas syiling, diikuti dengan logo rasmi sambutan PERKESO 50 tahun pada bahagian tengah, berlatar belakangkan reka bentuk gelombang tiga dimensi. Nilai muka sebanyak 10 RINGGIT dan 1 RINGGIT diukir pada lilitan bawah syiling masing-masing.

### BUTIRAN TEKNIKAL

LOGAM	ALOI	NILAI MUKA (RM)	DIAMETER (MM)	BERAT (G)
Perak Berwarna (proof)	Ag 92.5	10	40.7	31.1
Emas Nordic (B.U)	Cu89 Zn5 A15 Sn1	1	30	8.5







50 TAHUN PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL  
PERKESO



## JUBLI EMAS 50 TAHUN PERKESO

Bersempena dengan Ulang Tahun ke-50 PERKESO pada 1 Oktober 2021, pelbagai aktiviti telah dijalankan sejak akhir tahun 2020 dan akan berterusan sehingga tahun 2022. Aktiviti tersebut adalah bertujuan untuk memperingati jasa dan peranan PERKESO dalam memberikan perkhidmatan kepada majikan dan pekerja khususnya pencarum PERKESO dan orang tanggungan sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1971.



Antara aktiviti Sambutan Ulang Tahun Ke-50 PERKESO



50 TAHUN PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL  
PERKESO



Sambutan Jubli Emas Hari PERKESO 1 OKTOBER 2021

Sambutan Jubli Emas Hari PERKESO

50th Anniversary JUBILEUM

EMPLOYMENT centre PLUS Promoting Your Employment Skills

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

50 PERKESO

50 PERKESO

50 PERKESO

50 PERKESO

50 PERKESO

## JAWATANKUASA PENERBITAN BUKU MEWAH & DI BELAKANG TABIR







**PERKESO**



**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**

**Menara PERKESO**

**281, Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur**

**Khidmat Pelanggan • 1-300-22-8000**

**Faks • 03 - 42567798**

**Emel : [perkeso@perkeso.gov.my](mailto:perkeso@perkeso.gov.my)**

